

# PENYATA RASMI

## PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA MESYUARAT KETIGA

### DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEDUA BELAS

---

*Hari* : 3 DISEMBER 2009 (Khamis)

*Tempat* : (Dewan Undangan Negeri,  
Lebuh Light, Pulau Pinang)

*Jam* : 9.30 Pagi.

---

#### HADIR

| <b>Bil.</b> | <b>Nama</b>                                | <b>Jawatan/Ahli Kawasan</b>        |
|-------------|--|------------------------------------|
| 1.          | Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Hussain    | Speaker                            |
| 2.          | Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng                   | Ketua Menteri / Air Putih          |
| 3.          | Y.B. Dato' Zainal Rahim bin Seman          | Setiausaha Kerajaan Negeri         |
| 4.          | Y.B. Dato' Faiza bt. Zulkifli              | Penasihat Undang-undang Negeri     |
| 5.          | Y.B. Dato' Haji Farizan bin Darus          | Pegawai Kewangan Negeri            |
| 6.          | Y.B. Tuan Mansor bin Othman                | Timbalan Ketua Menteri I / Penanti |
| 7.          | Y.B. Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy  | Timbalan Ketua Menteri II / Perai  |
| 8.          | Y.B. Tuan Chow Kon Yeow                    | Padang Kota                        |
| 9.          | Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim | Batu Maung                         |
| 10.         | Y.B. Tuan Lim Hock Seng                    | Bagan Jermal                       |
| 11.         | Y.B. Tuan Law Heng Kiang                   | Batu Lancang                       |
| 12.         | Y.B. Tuan Phee Boon Poh                    | Sungai Puyu                        |
| 13.         | Y.B. Tuan Law Choo Kiang                   | Bukit Tambun                       |
| 14.         | Y.B. Tuan Wong Hon Wai                     | Air Itam                           |
| 15.         | Y.B. Puan Ong Kok Fooi                     | Berapit                            |
| 16.         | Y.B. Tuan Tan Hock Leong                   | Timbalan Speaker/ Machang Bubuk    |
| 17.         | Y.B. Tuan Koay Teng Hai                    | Pulau Tikus                        |

- |     |  |                    |
|-----|--|--------------------|
| 18. | Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee, AMN          | Sungai Bakap       |
| 19. | Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady         | Bagan Dalam        |
| 20. | Y.B. Tuan Haji Mohd. Salleh bin Man            | Permatang Pasir    |
| 21. | Y.B. Tuan Ng Wei Aik                           | KOMTAR             |
| 22. | Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin                        | Paya Terubong      |
| 23. | Y.B. Tuan Teh Yee Cheu                         | Tanjong Bunga      |
| 24. | Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh   | Datok Keramat      |
| 25. | Y.B. Tuan Tan Cheong Heng                      | Padang Lalang      |
| 26. | Y.B. Tuan Ong Khan Lee                         | Kebun Bunga        |
| 27. | Y.B. Tuan Ong Chin Wen                         | Bukit Tengah       |
| 28. | Y.B. Tuan Sim Tze Tzin                         | Pantai Jerejak     |
| 29. | Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji   | Seri Delima        |
| 30. | Y.B. Tuan Koid Teng Guan                       | Sungai Pinang      |
| 31. | Y.B. Tuan Lau Keng Ee                          | Pengkalan Kota     |
| 32. | Y.B. Tuan Tan Beng Huat                        | Jawi               |
| 33. | Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam      | Batu Uban          |
| 34. | Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim              | Penaga             |
| 35. | Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya      | Telok Bahang       |
| 36. | Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid              | Telok Ayer Tawar   |
| 37. | Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad | Bayan Lepas        |
| 38. | Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed             | Sungai Dua         |
| 39. | Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin              | Pinang Tunggai     |
| 40. | Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah        | Seberang Jaya      |
| 41. | Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya             | Permatang Berangan |
| 42. | Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad      | Pulau Betong       |
| 43. | Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria                  | Sungai Acheh       |
| 44. | Y.B. Puan Hajah Zabariah bt. Wahab             | Bertam             |

## **TURUT HADIR**

Encik Baharuddin bin Ahmad Suri - Setiausaha Dewan Undangan Negeri.

## **Dewan bersidang semula pada jam 9.30**

### **Setiausaha:**

Doa.

### **Y.B. Dato' Speaker:**

Ahli-ahli Y.B. Dewan disambung semula untuk perbahasan ada peraturan.

### **Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Y.B. Dato' Speaker, saya nak ingin merujuk peristiwa semalam apabila kita berdebat dan sebelum Y.B. Dato' Haji Azhar keluar dari dewan, mengikut peraturan 51(5) Y.B. Dato' Speaker, beliau telah menunjukkan punggung dia terhadap saya dan saya rasa cukup *ashamed*, ok, dihina oleh perbuatan beliau. Y.B. Dato' Speaker, Dewan ini adalah Dewan untuk kita debatkan isu-isu dan debatkan bajet tetapi perbuatan-perbuatan seorang Ketua Pembangkang yang begitu memalukan, saya rasa ini tidak senonoh dengan Dewan Undangan Negeri, Dewan yang terulung dalam Negeri Pulau Pinang. Ini bukan sahaja, saya rasa terhina walau bagaimanapun, bukan saya rasa terhina, kawan-kawan saya pun rasa terhina, kawan-kawan saya nampak semua, merasakan dewan ini menjadi begitu *down graded* sehingga ia memalukan. Jadi, ini bukan suatu yang harus dibuat oleh Ketua Pembangkang seorang yang *five-term State Assemblymen* ....(dengan izin), saya rasa ini adalah sesuatu yang tidak senonoh dengan dewan ini dan saya minta Y.B. Dato' Speaker buat keputusan, terima kasih.

### **Y.B. Dato' Speaker:**

Y.B. Dato' Speaker: Y.B. Pantai Jerejak, perkara telah dibangkitkan di bawah peraturan 51, membangkitkan tentang, saya telah menonton video *on demand* terdapat perbuatan menunjukkan punggung kepada Ahli Y.B. Pantai Jerejak dan Y.B. Penaga saya telah....(gangguan).

### **Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):**

Boleh saya berucap? Boleh? Y.B. Dato' Speaker, boleh. Saya pun hairan kata saya tunjuk punggung sebenarnya pagi ini saya dah tak berminat dah nak berhujah atau apa pun. Yang dituduh saya tunjuk punggung sebenarnya saya nak ambil beg saya..... (bising), ini la yang pelik. Apakah ini tuduhan nak suruh saya keluar pula. Nak gantung berapa lama. Kalau saya nak ambil beg pun dikatakan dah macam itu, ini satu, dah la kelmarin saya cabar tak sanggup tak sanggup berbahas, hari ini pula nak tuduh macam itu. Beg saya memang ada di bawah.

### **Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Saya nak Ahli Penaga minta maaf saja.

### **Y.B. Dato' Speaker:**

Pertama ialah saya dah melihat kepada *video clip* berkenaan dan untuk mengesahkan saya, boleh Y.B. Penaga. Saya boleh menangguhkan Dewan hanya Y.B. Penaga dan saya sendiri untuk melihat tontonan video *demand* itu untuk pengesahan, dan sekiranya dan saya hanya untuk meminta Y.B. Penaga minta maaf.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):**

Saya tak akan minta maaf, niat saya Cuma hendak ambil beg saya (sambil menunjukkan cara), mungkin begitu dia kata tunjuk punggung, dan bukan-bukan.... (bising), seperti saya kata tadi kalau nak gantung saya lima tahun ke nak habis penggal. Dalam perbahasan saya pun, dalam hujah saya, digunakan untuk tarik itu, tarik balik ucapan hanya semata-mata nak menyekat saya berhujah, terserahlah.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Y.B. Penaga, itulah sebabnya saya memberi peluang untuk kita menonton *video clip* berkenaan kerana bagi saya jelas menunjukkan perbuatan tersebut dan saya hanya meminta Y.B. Penaga meminta maaf kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):**

Saya tidak akan meminta maaf, saya hadapi apa juga kerana benda itu saya tak berniat nak buat. Perbuatan itu dituduh kerana saya tidak ada niat nak tunjuk punggung. Apa, tergantung kepada niat seseorang itu, mungkin *movement* begini, (sambil menunjukkan cara), saya itu saya nak ambil beg dia kata bukan. Okey yang Yang Berhormat sekarang buat usul gantung saya kalau itu cara nak tutup mulut saya. Benda itu saya tak buat. Tonton itu video buang masa.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Benda itu telah dibangkitkan dan saya telah menonton itu sebab saya minta Y.B. Penaga melihat bersama saya melihat video tersebut dan perkara ini saya katakan tadi semalam saya telah menegur perkataan-perkataan yang telah dikeluarkan di dalam Dewan dan semalam penghujung Dewan ini telah sampai ke kemuncaknya dengan perbuatan tersebut dan saya akan cukup tegas selepas ini sebarang perkataan sebarang perbuatan dan semalam sampai kemuncak ini saya rasa satu perbuatan yang tidak sepatutnya berlaku di Dewan ini. Jadi saya minta Y.B. Penaga minta maaf. Kalau Y.B. tidak meminta maaf saya terpaksa menggunakan peraturan 5 (i) 5 di mana saya terpaksa menggantung Yang Berhormat hingga selesai sidang Dewan ini. Ahli-ahli Yang Berhormat sesi perbahasan telah pun tamat telah pun selesai dan sekarang ialah sesi penggulungan jadi dipersilakan.

**Nota:**

Pada jam lebih kurang 10.00 pagi, Ketua Pembangkang dan diikuti oleh semua Ahli Pembangkang keluar daripada Dewan.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat Sesi Perbahasan telah pun tamat, telah pun selesai. Sekarang sesi penggulungan. Saya mempersilakan.

**Ahli Kawasan KOMTAR (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):**

Y.B. Dato' Speaker, sebelum mengenai penggulungan, saya memohon supaya Dewan yang mulia ini merekodkan bahawa Ahli-ahli pembangkang yang belum berbahas terhadap bajet ini tidak berminat untuk berbahas dan mereka telah melepaskan tanggungjawab mereka sebagai ADUN untuk membangkitkan masalah-masalah rakyat dan inilah hakikatnya rakyat yang memilih calon-calon pembangkang untuk masuk ke Dewan ini.

**Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):**

Y.B. Dato' Speaker, minta laluan Y.B. Dato' Speaker, jika begitulah tindakan yang diambil oleh pihak pembangkang, mereka melepaskan tanggungjawab mereka terhadap rakyat. Saya berharap Dewan yang mulia ini akan merekodkan *statement* ini. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee):**

Y.B. Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Ya Kebun Bunga.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee):**

Saya nak tambah sedikit, walaupun setelah menarik perhatian Dewan ataupun jawatankuasa seluruh Dewan kepada kelakuan seseorang ahli yang berdegil-degil yang menyebutkan sesuatu perkara yang tidak jadi. Walaupun Dewan sudah mengamalkan satu kebebasan bercakap, *freedom of speech* dan demokrasi dan keadilan dan hormati wakil rakyat yang lain supaya diberi peluang dengan itu saya fikir satu *human right* sudah diberikan dan semua ini harus dicatatkan.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Terima kasih.

**Ahli Kawasan KOMTAR (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):**

Lagi satu Y.B. Dato' Speaker, berkenaan dengan Ahli-ahli Y.B. Pembangkang yang belum berbahas dan barang-barang mereka yang belum dikemas saya meminta Y.B. Dato' Speaker mengarahkan supaya bentara jangan mengemaskan barang-barang mereka supaya mereka harus kembali ke Dewan ini. Jangan takut masuk ke Dewan ini semula mereka tidak dihalau tapi mereka keluar dan takut untuk masuk ke Dewan semula.

**Ahli Kawasan KOMTAR (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):**

Lagi satu Y.B. Dato' Speaker, berkenaan dengan Ahli-ahli Y.B. Pembangkang yang belum berbahas itu terpulang kepada Ahli-ahli Dewan yang berkenaan dan saya tidak akan membuat apa-apa.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Y.B. Dato' Speaker, cuma nak minta apa ini arahan daripada Y.B. Dato' Speaker tidak memerintahkan mereka keluar Dewan maksudnya Y.B. Dato' Speaker memberi mereka peluang kepada Ketua Pembangkang, belum lagi memerintahkan Ketua Pembangkang keluar daripada Dewan. Sikap beliau keluar begitu menunjukkan sikap tidak hormat dan menghina Dewan. Sepatutnya kalau perintah diberikan baru dia keluar, ini belum lagi perintah diberikan dia keluar begitu saja, perkara ini harus diberikan perhatian sikap beliau, terima kasih.

### **Y.B. Dato' Speaker:**

Saya dah sebutkan di bawah peraturan 5(i)5 dan saya percaya Ahli Y.B. Penaga dia dah faham, dia bukan orang baru nak faham dan saya dah sebutkan pergantungan itu adalah sampai selesai persidangan Dewan ini. Jadi sekali lagi Ahli Y.B. kita berada dalam sesi penggulungan Rang Undang-undang Pembekalan dan Usul Anggaran Pembangunan jadi dipersilakan Ahli Kawasan Berapit.

### **Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Selamat pagi Y.B. Dato' Speaker, terlebih dahulu inginkan saya merakamkan tahniah dan terima kasih kepada Y.A.B. Ketua Menteri kerana telah membentangkan bajet Kerajaan Negeri Pulau Pinang tahun 2010 yang jelas menunjukkan betapa komitmennya Kerajaan Negeri dalam usaha untuk membawa arus pembangunan mampan kepada Negeri Pulau Pinang untuk Port Folio MMK Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita Keluarga dan Komuniti. Beberapa pendekatan pembangunan telah

digariskan yang menjerumuskan kepada sukan dan belia Wanita Keluarga dan Komuniti adalah antaranya ialah Pembangunan Sukan Negeri Pulau Pinang telah pun memasuki era baru dalam persada sukan Negeri di mana Majlis Sukan Daerah akan dibentuk sebagai pemangkin kepada pencarian bakat-bakat baru. Pembangunan sukan di Negeri Pulau Pinang akan terus berkembang dengan penubuhan Majlis Sukan-sukan Daerah dengan lima Pejabat Daerah di mana Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah pun meluluskan di mana semua Pejabat Daerah mewujudkan Unit Sukan dan menempatkan seorang Pembantu Penyelaras. Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang akan menempatkan seorang penyelaras program dan juga 3 jurulatih sukan untuk membantu Pegawai Daerah di daerah masing-masing menjalankan Program Pembangunan Sukan di peringkat daerah. Melalui penubuhan Majlis Sukan Daerah ini pengurusan sukan di peringkat daerah dapat diperkemas lagi dalam usaha untuk mencungkil bakat-bakat baru dan sedia ada. Memupuk dan memajukan atlit-atlit di peringkat daerah selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah Negeri bertaraf antarabangsa dalam program dan pembangunan sukan. Dengan adanya Majlis Sukan Daerah yang teratur dan terancang ini semua persatuan-persatuan sukan Negeri adalah disyorkan supaya mereka mula membentuk persatuan sukan di peringkat daerah untuk membantu unit sukan daerah menyelaras dan mengadakan lebih banyak program aktiviti sukan. Konsep penyemaian *team sport* ....(dengan izin). Y.B. Dato' Speaker adalah ditekankan di semua peringkat khususnya di peringkat pembangunan peringkat pelapis dan juga peringkat Negeri supaya sasaran Pulau Pinang dalam mencapai kegemilangan sukan akan tercapai. Y.B. Dato' Speaker, Kerajaan Negeri telah pun merancang dan mengeluarkan *Penang Calendar for Event 2010 dan 2011* ....(dengan izin).

Y.B. Dato' Speaker yang berkonsep *participates sport* dengan persatuan-persatuan sukan dan rekreasi dan juga pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan. Sebanyak 43 jenis acara sukan akan merancakkan lagi penglibatan masyarakat secara *total* ....(dengan izin). Y.B. Speaker, dengan hasrat Kerajaan melahirkan warga yang cergas, aktif dan sihat,....(dengan izin). Y.B. Dato' Speaker *healty, active life style* sekiranya semua rakyat di Pulau Pinang mengambil sesuatu sukan sebagai gaya hidupnya. Maka Kerajaan Negeri dapat mengurangkan kos perubatan 25% ini ialah statistik dari satu institut di Sydney yang saya dapat. Semasa *tourism promotion organization for Asia Pacific* di Sabah ada lebih daripada 100 *city* pada bulan Oktober 2009 yang mengambil tempat di *tourism promotion organization* ini Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah pun memenangi *Award a Price Prince Advertisement*, *award* ini secara tidak langsung meletakkan Pulau Pinang sebagai Negara antarabangsa bagi sukan berbentuk *participates* ...(dengan izin), Y.B. Dato' Speaker.

Bagi menjawab soalan Y.B. Ahli Kawasan Sungai Dua tetapi sayang dia tiada di sini, mengenai kekurangan kejayaan atlit Pulau Pinang di peringkat antarabangsa kecuali Dato' Nicole Ann David dalam sukan skuasy. Pulau Pinang sebenarnya telah pun melahirkan beberapa jaguh pelapis dan juga atlit-atlit elit yang sedia ada di Majlis Sukan Negeri yang bakal mewarnai persada sukan tanah air. Atlit-atlit elit antara adalah Fatin Syazliana Binti Adi Nasution, Sukan Tenpin Bowling umurnya 20 tahun yang telah menyertai *38th Philipines Open Championship* di Manila dengan memenangi pingat gangsa untuk acara *single*, pingat emas untuk semua acara *doubles team, Master event ladies open* dan juga *all events*. Selain itu, beliau turut memenangi pingat perak dan gangsa bagi permainan *doubles and team* untuk *3<sup>rd</sup> Asian Games* di Vietnam. Manakala di kejohanan *7<sup>th</sup> Indonesia International Open* di Jakarta, beliau mencapai pingat emas untuk acara *single*. Atlit yang lain ialah Eric Lee Chin Hon, Sukan Equestrian yang berumur 21 tahun yang telah mengharumi serta memenangi kejohanan di peringkat antarabangsa dengan memenangi pingat emas bagi *Liga SEA Eventing 2006*. Pingat perak untuk Kejohanan *Show Jumping Hong Kong 2006*, Sukan SEA 2007 di Thailand dan Kejohanan *CSIO Show Jumping Korea 2008*. Pingat Gangsa pula diperoleh melalui penyertaan beliau di Kejohanan *Young Rider Series 2008*. Pada tahun 2009, beliau telah mendapat tempat ke-4 dan ke-5 untuk *Australia Youth Olympic 2009* dalam acara *show jumping* dan Kejohanan *Show Jumping 2009* di Jepun. Tidak ketinggalan juga adalah jaguh Paralimpik Negara dalam sukan badminton yang berasal dari Pulau Pinang iaitu Encik Thomas Teh Cheang Hock, Sukan Badminton Paralimpik. Beliau telah memenangi pingat emas di *2nd. World Deaf Badminton Champion* yang dianjurkan di Germany untuk kategori bergu lelaki. Selain daripada itu, beliau turut memenangi pingat perak di *The 19<sup>th</sup> Deaflympics Rome Italy* dalam acara perseorangan lelaki, beregu lelaki dan acara berpasukan. Baru-baru ini pada tahun 2009, beliau telah mengulangi kejayaan cemerlangnya dengan memenangi pingat perak untuk acara beregu lelaki dalam *21st. Deaflympics* di Taipei, Taiwan.

Y.B. Dato' Speaker, Kerajaan Negeri juga tidak ketinggalan untuk memastikan prasarana kemudahan sukan yang sedia ada dinaiktarafkan dengan kos yang terhad seperti Projek Asrama Atlit Mutiara yang akan menempatkan seramai 50 atlit SUKMA 2010 di Melaka. Selain daripada itu kita juga ada atlit-atlit pelapis yang bakal menyinari harapan sukan Negeri Pulau Pinang iaitu atlit-atlit baru, adik Bryan Teoh Wiyang yang berumur 9 tahun untuk Sukan Golf di mana beliau dapat mencapai pada tahun 2009 sahaja telah menyertai banyak kejohanan antarabangsa seperti menjadi johan untuk *Spain Open Championship 2009*, dan juga menjadi naib johan untuk 3 acara lain seperti *Uropean Championship di Scotland, Santiago Championsip dan Santiago Championship Par 3*. Adik Aggie Cheah Ruey Shin untuk Sukan Wushu yang berumur 12 tahun yang telah memenangi pingat emas dalam *The 5th Asian Junior Wushu Championship* di Macau pada tahun 2009. Adik Chiam Jung Wei yang berumur 12 tahun yang menyertai pertandingan antara sekolah-sekolah ASEAN dengan menjadi naib johan untuk acara perseorangan dan johan untuk acara bergu. Siapa cakap Pulau Pinang tiada atlit antarabangsa.

Y.B. Dato' Speaker, sebuah lapangan menembak IPSC (*International Practical Shooting Confederation*) juga akan ditempatkan di lapangan menembak Pulau Pinang di mana *IPSC Shooting Competition* akan diadakan pada bulan Ogos 2010. Selain daripada penganjuran sukan bertaraf antarabangsa, Kerajaan Negeri akan meneruskan penganjuran sukan peringkat Negeri antaranya adalah SUKPEN Ke-4 2009. SUKPEN ini turut dijadikan gelanggang pemanasan badan untuk atlit-atlit SUKMA Pulau Pinang yang akan menyertai SUKMA Ke-13 2010 di Melaka di mana sebanyak 25 acara sukan akan dipertandingkan. Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang masih menunggu pengesahan untuk 9 lagi acara sukan yang mungkin akan dipertandingkan dalam SUKMA 2010 Melaka. Antaranya adalah Judo, Kabaddi, Lawan Pedang, Kenu, Formula Future, Akuatik Berirama dan Polo Air, Bola Tampar, Golf dan Tennis.

Walaupun dibelenggu masalah kekurangan peruntukan, Majlis Sukan Negeri masih mampu untuk menganjurkan SUKPEN ke-4 2009 dengan memberi peruntukan sebanyak RM30,000 untuk setiap daerah iaitu 5 daerah Negeri Pulau Pinang. Penganjuran SUKPEN ke-4 2009 ini tidak mendapat sebarang peruntukan oleh Kerajaan Persekutuan mahupun dari pihak Kementerian Belia dan Sukan. Keseluruhan perbelanjaan ini adalah bergantung ke atas peruntukan yang diperolehi dari Kerajaan Negeri. Pada tahun ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan menganjurkan Festival Sukan Kombat atau FESKOM 2009 Pulau Pinang yang akan diadakan dari 16 hingga 31 Disember 2009 dan sebanyak 7 acara sukan akan dipertandingkan iaitu Wushu, Judo, Karate Do, Taekwando, Silat, Tinju dan Lawan Pedang. Penganjuran FESKOM 2009 Pulau Pinang dijangka hebat dengan penyertaan dari Negara Indonesia, Thailand, Vietnam, Phillipines, Singapore, Kazastan dan beberapa Negara lagi yang masih belum membuat pengesahan mereka. Seramai 4,000 orang atlit dan pegawai dijangka akan berada di Pulau Pinang semasa FESKOM 2009 Pulau Pinang ini. Penganjuran FESKOM 2009 Pulau Pinang yang bertaraf antarabangsa dengan peruntukan yang minima ini membuktikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa bekerja rapat dengan Persatuan-persatuan Sukan dan Rekreasi. Pada 19 dan 20 Disember ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Petronas, AAM, Safe Aim Mutual, Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang akan menganjurkan Petronas AAM Cup Prix Pusingan ke 10, Padang Kota, Pulau Pinang. Kalau Cup Prix ini dijayakan dijalankan di Padang Kota Lama 2010, *Asian Bike Championship 2010* atau *Honda Endurance Race 2010*, Cup Prix Petronas AAM 2010, *National Car Championship 2010* akan dijalankan di Padang Kota Lama pada tahun 2010. Yang terpenting sekali pada tahun 2011, Grand Prix yang hilang di Negeri Pulau Pinang akan kembali ke Pulau Pinang. Grand Prix Pulau Pinang sudah 26 tahun tidak dijalankan di Pulau Pinang. Saya harap ini akan memberi Pulau Pinang satu platform sebagai *International Sport Event* di peringkat antarabangsa.

Y.B. Dato' Speaker, seperti yang telah diumumkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri di dalam ucapan bajet beliau, Jawatankuasa MMK Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti Negeri Pulau Pinang telah diperuntukkan sebanyak RM800,000.00 bagi melaksanakan program dan projek pada tahun 2010. Justeru itu Kerajaan Negeri berhasrat untuk melaksanakan program dan projek yang menjurus kepada beberapa dasar utama Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti di Negeri Pulau Pinang. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada ahli-ahli Jawatankuasa MMK Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti yang terdiri daripada Agensi-agensi Kerajaan Negeri seperti Unit Perancang Ekonomi Negeri, Jabatan Kewangan Negeri, Jabatan Kebajikan Masyarakat, MPPP, MPSP serta KANITA dari Universiti Sains Malaysia dan badan bukan Kerajaan iaitu NGO-NGO ...(dengan izin).

Y.B. Dato' Speaker seperti WCC Pusat Kesedaran Wanita, Persatuan Wanita Mutiara, Dewanita, Dewan Perniagaan Melayu Pulau Pinang, Wanita Pertubuhan Jemaah Islah Malaysia, National Council of Women Organizations iaitu NCWO, individu Puan Jeanne Yeoh dari Line Dance, Soroptimist dan Persatuan Wanita Kristian Malaysia iaitu YWCA termasuklah penasihat saya iaitu Yang Berhormat Ahli Parlimen Bukit Mertajam kerana telah sama-sama menggembleng tenaga bersama saya selama setahun 9 bulan, dalam melaksanakan program dan aktiviti wanita, keluarga dan komuniti di Negeri ini walaupun terdapat pelbagai kekangan yang diterima. Kerajaan Negeri sehingga kini terus berusaha keras merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti kewanitaan dalam memastikan pembangunan wanita yang mapan dan holistik. Kerajaan Negeri sedar bahawa sumbangan wanita amat penting dalam memastikan kelangsungan pembangunan sosial dan ekonomi di Negeri ini. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti telah menganjurkan pelbagai



program khusus untuk pembangunan wanita di Pulau Pinang walaupun tiada bantuan dari Jabatan Pembangunan Wanita dari Kerajaan Pusat (*Federal Government*).

Y.B. Dato' Speaker, Yang Berhormat Bagan Dalam telah mencadangkan agar Jawatankuasa Kesaksamaan Gender ditubuhkan. Untuk makluman Yang Berhormat, Jawatankuasa Kesaksamaan Gender telah pun ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri dengan dianggotai oleh agensi Kerajaan Negeri dan badan bukan Kerajaan. Kerajaan Negeri bukan setakat mewujudkan jawatankuasa tersebut malahan telah membuat pelbagai perancangan program yang akan dilaksanakan pada tahun 2010. Memandangkan Kerajaan Negeri tidak pernah mendapat bantuan sokongan daripada agensi persekutuan terutamanya Jabatan Pembangunan Wanita, Kerajaan Negeri sedang memperhalus cadangan untuk menubuhkan Majlis Pembangunan Wanita Pulau Pinang yang akan bertindak sebagai ....(dengan izin).

Y.B. Dato' Speaker, *think tank* dan *machinery* kepada usaha-usaha pembangunan wanita, keluarga dan komuniti di Negeri ini. Sebelum Majlis Pembangunan Wanita Pulau Pinang dapat diwujudkan, Kerajaan Negeri terlebih dahulu akan mendaftarkan sebuah persatuan bagi membantu Kerajaan Negeri melaksanakan program dan aktiviti wanita di Pulau Pinang. Cadangan ini timbul hasil dari Perbincangan Strategik Kesaksamaan Gender yang telah dianjurkan oleh Kerajaan Negeri pada bulan September 2009 yang lalu. Bengkel Kesaksamaan Gender telah dikendalikan di dalam Bahasa Melayu, Mandarin dan Inggeris sebagai lambang kepada usaha dan komitmen Kerajaan Negeri dalam memberikan penerangan yang jelas dan komprehensif kepada kumpulan sasar. Kerajaan Negeri turut akan menganjurkan seminar Mengarusperdanakan Gender kepada penjawat awam iaitu penjawat-penjawat awam di SUK pada 11 Disember 2009. Penganjuran program kepada semua lapisan masyarakat menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri di dalam memastikan hak-hak gender diperjelas dan dipertahankan. Yang Berhormat Bagan Dalam turut mencadangkan agar Kerajaan Negeri mewujudkan *One Stop Centre* untuk ibu tunggal di Negeri ini. Cadangan yang diberikan adalah sangat baik. Namun untuk merealisasikan hasrat ini, Kerajaan Negeri perlu mengkaji dari pelbagai aspek seperti kewangan, kesesuaian dan pemilihan tempat agar projek yang dilaksanakan berjaya.

Y.B. Dato' Speaker, merujuk kepada soalan yang dikemukakan Yang Berhormat Tanjung Bunga, ingin saya tekankan di sini bahawa pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi meningkatkan peranan kaum wanita di Pulau Pinang oleh Kerajaan Negeri dengan kerjasama jabatan dan agensi Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri akan memberi penekanan kepada penambahbaikan institusi selain bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan dan badan-badan bukan Kerajaan (NGOs) wanita di dalam menyediakan persekitaran yang kondusif untuk memastikan golongan wanita mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang dapat menjadikan mereka lebih berdaya saing di dalam arus pembangunan Negeri dan Negara. Bagi memastikan hasrat tersebut mampu dicapai, Kerajaan Negeri telah mengenal pasti beberapa teras untuk diberi penekanan yang khusus.

Pertama, memperkasakan kaum wanita untuk berdikari, bersaing dan maju dalam semua bidang yang diceburi.

Kedua, menyedarkan masyarakat dan membendung secara menyeluruh kes-kes keganasan rumah tangga dan wanita.

Ketiga, meneruskan usaha mempertahankan kesaksamaan *gender* bagi golongan wanita dan keempat mengurangkan insiden kemiskinan di kalangan wanita terutamanya ibu tunggal dan ketua isu rumah wanita.

Kerajaan Negeri sedang dalam perbincangan dengan pihak swasta untuk membantu ibu tunggal di luar bandar dengan menjadikan program EM Mudball sebagai punca pendapatan tambahan. Usaha ini akan dilaksanakan sebagai punca pendapatan

tambahan. Usaha ini akan dilaksanakan sebagai, ....(dengan izin).Y.B. Dato' Speaker, *Corporate Social Responsibility* (CSR) oleh syarikat yang berminat di Pulau Pinang. Material yang diperlukan akan dibekalkan kepada ibu-ibu tunggal terlibat dan pihak-pihak yang berminat akan membeli EM Mudball yang telah siap dan akan digunakan bagi tujuan pemulihan alam sekitar. Kerajaan Negeri amat berharap agar cadangan dan perbincangan ini akan menjadi titik tolak kepada usaha-usaha lain dalam membantu ibu tunggal yang terdapat di Negeri ini.

Y.B. Dato' Speaker, Y.B. Tanjong Bunga semasa ucapan bahas beliau telah memberikan cadangan beliau supaya Polis Perlindungan Wanita Bersalin diwujudkan di mana wanita bersalin yang bekerja perlu diberi perlepasan waktu menyusu selama 30 minit, dua (2) kali sehari sepanjang waktu kerja selain kos melahirkan anak juga perlu dibiayai secara sama rata oleh majikan dan pekerja sendiri. Selaku Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, saya menyambut baik cadangan yang dikemukakan oleh Y.B. Tanjong Bunga. Walau bagaimanapun, adalah penting bagi Kerajaan Negeri memperhalus perkara ini dengan melihat keperluan dan impak perlaksanaannya di Negeri ini. Saya berpandangan bahawa perkara ini perlu dibincangkan dengan lebih dalam dan saya berjanji akan menjemput Yang Berhormat dari Tanjong Bunga sekiranya perbincangan tersebut diadakan. Sila bersama kita untuk perbincangan. Yang Berhormat turut meminta Kerajaan Negeri menimbang cadangan agar cuti bersalin bagi kaum wanita dari 60 hari kepada 90 hari. Bagi kaum bapa pula, cuti isteri bersalin ditambah dari 7 hari kepada 14 hari. Perkara ini adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri dan seharusnya dibincangkan di peringkat Parlimen. Y.B. Tanjong Bunga turut memberikan cadangan agar Kerajaan Negeri menganjurkan Kempen Penyusuan Ibu, *Breast Feeding*, ....(dengan izin),. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana sensitif dan mengambil berat tentang isu-isu yang melibatkan wanita di Negeri ini. Kerajaan Negeri sememangnya mempunyai perancangan untuk menganjurkan program yang serupa di masa hadapan. Justeru itu, cadangan ini adalah baik dan wajar dipertimbangkan untuk dilaksanakan.

Y.B. Dato' Speaker, Y.B. Tanjong Bunga telah mencadangkan agar kod gangguan seksual peringkat Negeri disediakan. Kerajaan Negeri pada masa kini masih mengguna pakai kod amalan untuk mencegah dan membasmi gangguan seksual di tempat kerja. Walau bagaimanapun, adalah penting untuk kita memahami bahawa kod yang diguna pakai adalah terhad kerana ianya bukan undang-undang malahan majikan mengamalkannya secara sukarela. Perkara yang paling penting yang perlu dilakukan oleh mangsa adalah membuat aduan kepada Jabatan Tenaga Kerja atau membuat laporan Polis ataupun mengambil tindakan mahkamah terhadap pengganggu atau majikan. Untuk memupuk komuniti yang harmoni, baru-baru ini Kerajaan Negeri telah menganjurkan *Beach Carnival* di persisiran pantai Batu Feringhi. Acara yang julung kali diadakan ini telah berjaya menarik hampir 10,000 orang ramai sepanjang berlangsungnya program ini dari jam 7 pagi hingga 11.00 malam. Program ini bertema Ke Arah Komuniti Yang Harmoni, *Towards a Harmonious Community*, ....(dengan izin), melibatkan pelbagai acara sukan dan aktiviti pantai seperti memancing, *paintball*, pertandingan memasak, *beach run* dan sebagainya. Program yang telah dilaksanakan ini dilihat mampu menarik penyertaan komuniti dari seluruh Negeri selain menarik kedatangan pelancong ke Negeri Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Speaker, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa memberi kerjasama penuh dan komited dalam memastikan pembangunan belia atau remaja dijalankan dengan berkesan. Kerajaan Negeri sentiasa bersedia dalam membantu mewujudkan

golongan belia yang mengamalkan gaya hidup berkualiti, mempunyai jati diri yang mampan, memiliki nilai-nilai murni, bersemangat sukarela dan patriotik, mampu berdikari serta berupaya menghadapi cabaran masa depan.

Sehubungan itu, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Y.A.B. Ketua Menteri kerana telah menggandakan peruntukan daripada RM150,000.00 kepada RM300,000.00 bagi tujuan pembangunan belia melalui Majlis Belia Negeri Pulau Pinang (MBNPP). Pembangunan Belia di Negeri Pulau Pinang adalah sangat penting kerana golongan inilah yang akan mewarisi kepimpinan kita pada hari ini. Tetapi peruntukan untuk Exco Belia dan Sukan juga sama banyak dengan MBNPP. Saya hanya ditambah dari RM161,000.00 kepada RM332,000.00. Ini penting untuk Majlis Belia Negeri Pulau Pinang yang di luar sebab Kerajaan Negeri Pulau Pinang memang mementingkan kemajuan dan *development* oleh belia.

Selaras dengan pengumuman Y.A.B. Ketua Menteri dan berbekalkan konsep perkongsian pintar yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri yang baru, saya berazam untuk memperkasakan lagi program-program belia agar setiap belia dan beliawanis di Negeri ini mempunyai platform yang sesuai dan kondusif untuk mengetengahkan kreativiti dan kemahiran masing-masing. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri telah berusaha dengan merancang pelbagai aktiviti bagi mendorong dan meningkatkan perkembangan remaja dan belia di Negeri ini. Antara yang telah dirancang ialah Kempen Pencegahan Jenayah, Kursus Motivasi Keusahawanan, Program Remaja Sihat Negara Maju, Program Belia Berintegriti, Program Belia Berbakti dan sebagainya. Sungguhpun beberapa program yang saya sebutkan sebentar tadi pernah dilaksanakan sebelum ini, penambahbaikan sentiasa dibuat dari semasa ke semasa. Kerajaan Negeri percaya bahawa penganjuran program tersebut akan dapat membantu belia dan remaja menempuh cabaran semasa dan dapat melahirkan lebih ramai remaja dan belia yang berketerampilan.

Y.B. Dato' Speaker, selain dari usaha-usaha yang telah saya sebutkan sebentar tadi, Kerajaan Negeri juga akan terus berusaha untuk mempertingkatkan daya kepimpinan dan sahsiah belia di Pulau Pinang. Justeru itu, beberapa teras telah digariskan iaitu memperkasakan nilai dan kemahiran kesukarelaan, menggalakkan para belia untuk mengambil bahagian secara aktif terhadap isu semasa dan hak-hak awam. Menyediakan landasan untuk belia mempergiatkan usaha-usaha penyelidikan, keusahawanan, aktiviti perbincangan dan perundingan. Membantu dan memantau program-program belia yang telah dijalankan serta melatih pemimpin-pemimpin belia dalam program-program berbentuk pembangunan belia. Menyediakan latihan kemahiran ringan atau *soft skills* dalam pelbagai bidang utama literasi komputer, pelancongan dan keusahawanan dan melaksanakan program dan aktiviti pencegahan dan pemulihan bagi menangani gejala sosial dan masalah remaja. Malahan Kerajaan Negeri bersedia dengan tangan yang terbuka untuk membantu pertubuhan-pertubuhan belia yang terdapat di dalam Negeri Pulau Pinang agar pertubuhan-pertubuhan ini dapat menganjurkan program-program berbentuk pembangunan belia dan memastikan keutuhan kepimpinan belia pada masa hadapan terjamin.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan ribuan terima kepada semua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, NGO-NGO dan pihak swasta yang telah bekerjasama dan menolong saya dalam tempoh perkhidmatan saya sebagai Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti selama 1 tahun 9 bulan ini sebab saya bermula dengan Exco portfolio saya dengan *zero*. Saya bermula portfolio saya dengan tiada bantuan dari Kerajaan Pusat dan tiada bantuan dari pejabat saya. Tetapi pada hari ini saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang duduk di sini yang telah memberi sokongan kepada saya dan menjayakan aktiviti-aktiviti belia dan sukan, wanita, keluarga dan komuniti sepanjang perkhidmatan saya. Y.B. Dato' Speaker, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Terima kasih. Seterusnya Y.B. Air Itam.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Saya bangun untuk menggulung bagi portfolio saya iaitu Perancang Bandar, Perumahan dan Kesenian. Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 menjangkakan perumahan Negeri ini akan mencecah angka 185,000 buah menjelang tahun 2020. Ini bermakna secara purata sebanyak 12,300 buah rumah perlu disediakan setiap tahun. Jumlah rumah yang siap dibina pada tahun 2009 setakat November yang memperoleh sijil layak menduduki tahun 2009 dari MPPP ialah sejumlah 4,599 buah, di MPSP 6,420 buah dan jumlah setakat November 2009 ialah 11,019 buah. Daripada sejumlah itu, 3,088 adalah rumah dari kategori kos rendah dan kos sederhana rendah. Oleh itu, kita sangat dekat dengan *projection* kita iaitu 12,300 buah setiap tahun.

Y.B. Dato' Speaker, Y.B. Penaga telah membangkitkan isu berkenaan dengan rumah kos rendah dan sederhana rendah. Sebenarnya di bawah agensi Kerajaan seperti PDC bagi tahun 2008-2012, terdapat perancangan untuk membina rumah kos rendah iaitu di Halaman Kenanga, Sungai Nibong sebanyak 740 unit, Projek Desa Seroja, Batu Kawan 195 unit, Projek Desa Tanjong, Batu Kawan 112 unit, Projek Mahsuri, Bayan Baru 120 unit, Projek Desa Cempaka, Batu Kawan 255 unit. Kerajaan Negeri juga mengemukakan permohonan di bawah RMK-10 iaitu 3 projek PPR, perumahan kos rendah dan sederhana rendah turut dicadangkan di bawah RMK-10 seperti di dalam *budget speech* oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

Y.B. Dato' Speaker, Kerajaan Negeri juga akan memperkenalkan dasar menaik taraf rumah awam supaya kemudahan-kemudahan yang lebih selesa kepada penduduk-penduduk yang kebanyakan terdiri daripada golongan bawahan. Terdapat sebanyak 42 projek perumahan awam Kerajaan yang melibatkan 13,073 unit yang berada dalam keadaan usang kerana telah terabai selama ini. Oleh itu Kerajaan Negeri dalam Bajet 2010 telah memperuntukkan RM11 juta sebagai permulaan untuk memperbaiki kemudahan seperti kerosakan lif, kebocoran paip air dan pendawaian semula elektrik. Jumlah RM11 juta ini kita harap pada tahun 2010 akan memberi tumpuan kepada rumah-rumah pangsa kepunyaan Kerajaan Negeri seperti Rumah Pangsa Padang Tembak, Taman Tun Sardon, Kampong Melayu, Paya Terubong, Taman Free School, Batu Lanchang, Mak Mandin 1, Mak Mandin Lama, Mak Mandin Hijau, Desa Wawasan Taman Tun Dr. Awang, PPR Ampang Jajar, Rumah Pangsa Jawi III dan Rumah Pangsa Nibong Tebal. Kita akan menjalankan satu usaha berterusan selama 5 tahun supaya rumah-rumah awam milik Kerajaan Negeri dapat di naik taraf dan di baik pulih.

Berkenaan dengan soalan yang dibangkitkan oleh .....(gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Minta laluan. Terima kasih. Saya ingin bertanya adakah Kerajaan Negeri sedia mengubah Polisi rumah PPR kepada Polisi sewa-beli untuk menggalakkan penduduk-penduduk seperti di Desa Wawasan membayar sewa. Kerana setahu saya setakat ini di Desa Wawasan terdapat hutang bayar sewa sebanyak RM750,000.00 dan jika kita ubah Polisi ini kepada Polisi sewa-beli, mungkin akan menggalakkan penduduk-penduduk

membayar sewa. Saya harap Kerajaan Negeri akan mengambil perhatian dan pertimbangan atas perkara ini. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Terima kasih cadangan Y.B. Padang Lalang saya ambil maklum bahawa Desa Wawasan adalah satu kes yang istimewa kerana berbanding dengan PPR yang lain kebanyakan telah dipenuhi tetapi di Desa Wawasan analisa kita ialah tentang lokasi tersebut yang kurang popular di Bukit Mertajam. Walau bagaimanapun, kita akan cari ikhtiar bagaimana untuk memperbaiki keadaan ini. Komen oleh Y.B. Pinang Tunggal yang beliau memberi semalam bahawa sektor hartanah di Pulau Pinang merosot sebenarnya komen beliau tidak berasas dan di sokong oleh sebarang maklumat atau data-data, ini hanya komen kosong saja. Sebenarnya di beberapa analisa oleh beberapa agensi satu daripadanya CIMB Research Report yang telah diterbitkan pada 5 November 2009 antara lainnya telah menyatakan bahawa ....(dengan izin), *promising prospects for Penang Property* mendapat satu harapan yang cerah yang yakin sektor hartanah Pulau Pinang. Apa yang sebenarnya menyebabkan keyakinan pemaju terhadap sektor hartanah ini adalah dasar yang diperkenalkan oleh Kerajaan Persekutuan iaitu lima peratus *real property gain tax (RPGT)* yang diumumkan oleh Y.A.B. Najib Razak. Bajet Persekutuan 2010 dan terdapat *industry player* yang telah mengemukakan memorandum kepada Kerajaan Persekutuan tentang bantahan terhadap RPGT ini dan sebagai kesimpulan apa Y.B. Pinang Tunggal itu tidak disokong oleh sebarang data. Dalam Global Corruption Report 2009 yang diterbitkan oleh *Transparency International* di muka surat 272 telah memberikan komen positif seperti berikut. ....(dengan izin), *Penang State has introduced several major to improve on what is to refer to as the CAT Government Competency accountability and transparency. The Penang State Government has also invited professional to served in various false such as Penang State Appeals Board and has establish a working professional committee comparising individuals from 5 different professional for this to improved land procedure.* Dalam laporan *Global Corruption Report* oleh *Transparency International* telah memberikan komen positif Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah pertama kali telah mempelawa professional yang *neutral* untuk menduduki satu lembaga rayuan peringkat Pulau Pinang dan statistik kes yang dirujuk kepada lembaga rayuan pada tahun 2008 sejumlah kes 58 pada tahun 2009 ada 34 kes. Jumlah kes yang selesai pada tahun 2008 sebanyak 48 kes yang sambung bicara 10 kes. Tahun 2009 jumlah kes selesai 4, jumlah kes sambung bicara 3 dan jumlah kes yang belum bicara ada 27. Oleh itu statistik ini telah menunjukkan bahawa lembaga rayuan boleh menyelesaikan kes dengan efisiennya.

Y.B. Dato' Speaker, berkenaan soalan yang dibangkitkan oleh Y.B. Sg Dua tentang perumahan Kampung Besar dan Padang Chempedak. Di Kampung Besar jumlah unit dibina adalah 429 unit. Mereka yang menerima tawaran adalah 273 unit dan terdapat 64 unit tidak akan diperuntukkan kerana ia sangat berhampiran dengan landasan kereta api *double track* yang akan dicadangkan dan terdapat baki unit 67 unit. Di Padang Chempedak jumlah unit ialah 435 unit, terima tawaran 428 unit dan baki 7 unit. Salah satu sebab unit ini belum lagi diisi kerana tawaran pertama hanya diadakan pada Januari 2008 iaitu pada peringkat akhir pembinaan. Sepatutnya tawaran-tawaran sedemikian, seharusnya dibuat lebih awal kalau mengikut amalan pihak swasta mungkin 30 peratus atau sampai 50 peratus peringkat pembinaan. Ini adalah antara sebab kenapa kedua-dua projek ini terdapat baki unit. Walau bagaimanapun, memandangkan terdapat usaha penempatan semula penduduk-penduduk tentang kes *double track*, baki-baki ini akan diisi berikutan dengan projek-projek pembangunan tersebut. Y.B. Dato' Speaker, bagi menyediakan tempat letak kereta yang lebih selesa maka Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri telah bermesyuarat pada 26 Mei 2009 dan telah disahkan pada 18 Jun 2009 telah memutuskan supaya nisbah tempat letak kereta dinaikkan seperti berikut.

Sebelum ini nisbah tempat letak kereta bagi perumahan kos rendah adalah 1 kepada 4 dan selepas ini nisbah dinaikkan kepada nisbah 1 kepada 3 bagi unit *low cost*. Bagi perumahan kos sederhana rendah sebelum ini nisbah 3:5 dan sekarang dinaikkan 3:4.

Y.B. Tanjong Bunga telah membangkitkan isu *second koridor* Tanjong Bunga Telok Bahang. Mengikut semakan Jabatan Perancang Bandar dan Desa, minit mesyuarat pada 12 Februari 2007 jawapan semasa mempertimbangkan isu Jawatankuasa Mendengar Bantahan telah memutuskan koridor pembangunan sekunder bermula daripada Tanjong Bunga Mar Vista hingga ke Telok Bahang. Keputusan ini dibuat setelah mempertimbangkan bantahan awam yang dikemukakan semasa Draf Rancangan Struktur Negeri dan mengambil kira garis panduan kemajuan untuk pantai utara MPPP yang sudah diguna pakai pada ketika itu. Dengan keputusan tersebut koridor pembangunan utama adalah bermula dari George Town ke Tanjong Bunga. Susulan daripada keputusan itu Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri dan keputusan-keputusan selanjutnya pindaan telah dilakukan di atas rajah koridor pembangunan Negeri Pulau Pinang. Rajah berkenaan dengan jelas menunjukkan koridor pembangunan utama bermula dari George Town ke Tanjong Bungah dan koridor pembangunan sekunder bermula dari Mar Vista ke Telok Bahan. Kerajaan Negeri telah mengambil ketetapan untuk mengekalkan nama koridor pembangunan sekunder berkenaan sebagai koridor Tanjong Bunga Telok Bahang kerana ia juga terletak dalam DUN Tanjong Bunga seperti dalam rajah tersebut telah pun titik tanda bermulanya koridor pembangunan sekunder ini sebenarnya bermula dari Mar Vista ke Telok Bahang. Perkara ini telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan yang telah bersidang pada 19 Disember 2008.

#### **Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):**

Penjelasan. Terima kasih atas jawapan tersebut. Masih lagi saya tidak bersetuju dengan jawapan itu dan saya ingin menjelaskan bahawa jika berlaku ketidakpastian atau kekurangan tafsiran atau interpretasi dalam sesuatu misalnya Rancangan Struktur Pulau Pinang itu dan nasihat undang yang mengakibatkan salah arah membuat sesuatu keputusan maka hansard-hansard Dewan Undangan Negeri ini patut dirujuk untuk mendapatkan tafsiran yang lebih objektif dan keseluruhan selain daripada akta-akta yang sedia ada atau garis panduan yang sudah lama agar menjaga kepentingan orang ramai supaya terpelihara. Terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Terima kasih Tanjong Bungah kerana isu ini telah dibangkitkan banyak kali dalam Dewan Negeri ambil maklum tentang cadangan tersebut. Salah satu item yang jarang sekali dibincangkan dalam Dewan Negeri berkenaan portfolio saya, kesenian. Mungkin saya tidak mendapat apa-apa input daripada Y.B. berkenaan kesenian. Harap-harap mungkin sidang akan datang Yang Berhormat-Yang Berhormat boleh juga selain kita mengatakan pembangunan apabila kita menetapkan sasaran sebagai satu *International City*. *International City* ini bukan saja pembangunan fizikal saja tetapi pembangunan untuk dari segi kesenian juga perlu diberi perhatian.

Berkenaan dengan cadangan nombor 57 Jalan Macalister sebagai Muzium baru dan Muzium Balai Seni Lukis baru Pulau Pinang. Muzium Negeri Pulau Pinang akan menduduki bangunan nombor 57 Jalan Macalister sebagai satu lagi cabang dan kesinambungan kepada Muzium Negeri yang sedia ada dan dengan ada cabang ini Muzium Negeri akan dapat menonjolkan kekayaan dan warisan masyarakat berbilang kaum yang terdapat di Pulau Pinang. Dalam bajet 2010 Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM450,000.00 untuk naik taraf muzium sedia ada dan muzium baru di nombor 57 Jalan Macalister dan pihak Lembaga Muzium telah juga mengemukakan

permohonan peruntukan dibuat di bawah RMK-10 dan proses naik taraf ini pihak Lembaga Muzium sedang berbincang dengan pemegang-pemegang amanah bangunan nombor 57 iaitu ahli-ahli Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Saya harap dapat mencapai satu kata sepakat dalam masa terdekat supaya kita dapat melihat satu bangunan baru nombor 57 sebagai muzium yang baru.

Y.B. Dato' Speaker, Balai Seni Lukis Pulau Pinang turut menjalankan selain daripada pameran-pameran tetap yang dilangsungkan di Balai Seni Lukis Pulau Pinang kita telah juga menjalankan satu *Project Penang Sculpture Trails* dengan menjadikan bandar raya ini satu bandar raya antarabangsa yang bersemangat dan berjiwa. Tiga buah

arca yang telah dipasang dalam projek ini oleh tiga orang artis iaitu Kasumi Mukai, artis kedua Kikuci dan artis ketiga Heng Yok Ling. Fungsi balai seni lukis dalam *Project Pinang Sculpture Trails* ini ialah untuk menapis dan menguruskan reka bentuk arca sebelum ianya dibina, mempertahankan karya-karya arca sekiranya terlalu berlaku kontroversi memberikan pengesahan terhadap struktur yang akan dibina oleh mana-mana agensi Kerajaan dan swasta, membantu artis dari segi kelulusan pihak autoriti dan peralatan asas, membantu mencari penaja utama bagi menampung kos pembinaan *sculptures* dan Pihak Kerajaan Negeri yang sedang berbincang dengan beberapa pihak swasta yang ingin menjalankan *corporate Social responsibility* yang berminat terhadap *Project Penang Sculpture Trails* ini untuk memperkayakan lagi *sculpture* di *public space* di Pulau Pinang.

Sebagai penutup, saya rasa hari ini Sungai Dua tidak ada di sini. Sebenarnya apabila kita membuat perdebatan tentang isu bantuan kepada sekolah-sekolah agama rakyat, sekolah Cina dan sekolah Tamil. Saya ingin melaporkan di Dewan ini pada tahun lalu apabila kita mendebatkan isu ini saya telah membangkitkan isu Sekolah Tamil Rajaji di Air Itam dan sukacita saya ingin melaporkan kepada semua bahawa tahun lalu saya membangkitkan isu ini tahun ini telah mendapat bantuan daripada MMK Pendidikan yang dipengerusikan oleh Y.B. Perai dan juga Kerajaan Negeri. Sekolah Rajaji telah di naik taraf dari sebuah sekolah papan kepada sebuah sekolah yang berbatu-batu dan mendapat satu nyawa baru. Sekolah tersebut telah diabaikan selama 60 tahun. Oleh kerana tsunami politik 308 ini ia telah dapat membantu sekolah ini Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat telah memberikan satu peruntukan pada sekolah ini dan juga Kerajaan Persekutuan kerana ingin bersaing dengan Kerajaan Negeri turut memberikan peruntukan yang lebih besar. Oleh itu dengan kedua-dua peruntukan ini sebuah Sekolah Tamil Rajaji di Air Itam telah berjaya dinaiktarafkan dan ini maksud kita supaya mendapat persaingan yang sihat dan dengan ini saya menyokong usul ini. Terima kasih

**Y.B. Dato' Speaker:**

Seterusnya Y.B. Bukit Tambun.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):**

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker. Saya bangun untuk menggulung perbahasan di atas pembentangan bajet oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Y.B. Dato' Speaker, saya ingin bermula dengan sedikit latar belakang untuk bajet khususnya Bajet Pembangunan 2010 di bawah portfolio saya. Untuk sedikit maklumat latar belakang untuk Ahli-ahli Mesyuarat.

Y.B. Dato' Speaker, untuk Bajet Pembangunan 2010, portfolio yang saya pegang adalah seperti berikut; untuk Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di bawah kod P.08 sebanyak RM7.42 juta telah pun di bawa masuk ke dalam Bajet Pembangunan 2010 di mana dibandingkan dengan bajet 2009 adalah cuma RM6 juta. Maksudnya tambahan RM1.4 juta telah pun kita bawa dalam Bajet Pembangunan 2010, untuk Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang berkod P.17 di mana sebanyak RM2.98 juta telah pun

diperuntukkan dibandingkan dengan RM2.2 juta yang telah pun diperuntukkan di bawah tahun 2009. Ini juga menunjukkan satu tambahan RM785,000 di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan untuk P.18 iaitu Jabatan Pertanian di mana peruntukkan untuk 2010 adalah RM4.27 juta dibandingkan dengan peruntukan 2009 iaitu RM5 juta.

Kita nampak ada satu pengurangan peruntukan iaitu RM726,000 dan ingin memperjelaskan sedikit di sini kalau dilihatkan secara keseluruhan untuk ketiga-tiga jabatan ini, tambahan lebih kurang RM2 juta telah pun kita saksikan dan untuk jabatan JPS kebanyakan peruntukan ini telah pun kita bawa masuk untuk kerja-kerja pencegahan banjir atau untuk mendalam atau pun mencegah hakisan pantai dan sungai-sungai di seluruh Negeri Pulau Pinang. Untuk JPS kerja-kerja yang telah pun akan kita aturkan juga adalah berhala tuju untuk mengurangkan banjir-banjir di kawasan setempat. Untuk Jabatan Veterinar sasaran kerja yang paling penting untuk 2010 selain daripada kerja-kerja, program-program yang tetap, satu lagi sasaran yang penting adalah untuk mencegah pencemaran alam sekitar di mana di bawah peruntukan Pembangunan 2010 kita telah pun mengambil satu bahagian besar untuk kerja-kerja mencegah pencemaran persekitaran. Untuk Jabatan Pertanian walau pun kita dapati kekurangan RM726,000 dalam peruntukan 2010 tetapi kalau kita teliti buku bajet ini kita dapati bahawa pengurangan ini cuma adalah untuk peruntukan yang *hardware* di mana seperti pembinaan bangunan tambahan ibu pejabat Jabatan Pertanian yang bajet 2009 adalah RM500,000 dan bajet untuk 2010 adalah secara nominal RM10 dan juga satu lagi pembinaan Pusat Kejenteraan Pertanian Cherok Tok Kun di mana kita lihat bajet 2009 adalah RM340,000 dan bajet untuk tahun 2010 adalah cuma RM40,000 dan untuk jenis-jenis pembangunan atau program-program yang akan mendatangkan lagi peningkatan produktiviti mahupun pendapatan warga tani di Negeri Pulau Pinang kita tidak pun menghadapi apa-apa pengurangan daripada bajet pembangunan bawah tahun 2010.

Ahli-ahli Yang Berhormat, beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun menyentuh sedikit sebanyak masalah yang di bawah portfolio saya dan saya ingin bermula dengan banjir di mana Yang Berhormat dari Pinang Tunggal telah pun membangkitkan keadaan banjir di kawasan Pinang Tunggal untuk memperjelaskan isu ini. Sebenarnya kita telah terdapat 2 projek tebatan banjir yang terlibat dalam KADUN Pinang Tunggal iaitu Rancangan Tebatan Banjir Sungai Muda dan juga satu lagi Rancangan Tebatan Banjir Bertam dan Kepala Batas.

Untuk maklumat RTB Sungai Muda telah mencapai kemajuan sehingga 24% dan untuk projek RTB Bertam dan Kepala Batas telah pun mencapai kemajuan setinggi 92%. Bagi Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah menyentuh isu banjir, saya ingin juga membuat sedikit laporan kepada Dewan ini khususnya projek-projek tebatan banjir yang telah kita lulus dan sedang kita jalani. Misalnya untuk daerah Barat Daya, kita sedang membuat satu projek RTB untuk menaik tarafkan parit untuk kawasan penempatan Kampung Sungai Nibong Tengah. Ini adalah satu projek RTB yang sedang kita jalan di daerah Barat Daya dan untuk SPU juga selain daripada RTB-RTB yang saya sebut tadi juga, kita telah pun bawa caruman perparitan, kita telah pun mengadakan satu projek pembinaan parit lencongan di Kampung Bagan Jermal di mana kerja-kerja ini pun sedang dijalankan. Di Seberang Perai Utara juga kita dapat juga aduan daripada penduduk-penduduk di Tasek Gelugor yang bersabit dengan projek Kereta api Berkembar di mana sistem saluran yang tidak teratur yang menyebabkan banjir di sekitar landasan atau pun kawasan-kawasan yang dekat dengan landasan kereta api berkembar ini. JPS telah mengambil inisiatif untuk turun melawat di kawasan itu dan telah pun dengan inisiatif ini telah pun kita mencadangkan satu kajian di buat dan seterusnya membawa satu projek tebatan banjir yang bertujuan untuk mengatasi keadaan banjir di situ dan untuk Seberang Perai Selatan juga beberapa Rancangan Tebatan Banjir pun telah kita atur misalannya kerja-kerja pembinaan pintu air berkembar di parit P.01 di SPS telah kita luluskan



peruntukan di bawah caruman dan perparitan dan kerja-kerja sedang dijalankan dan untuk kawasan-kawasan yang lain juga ingin saya laporkan di Dewan ini khususnya kepada Yang Berhormat Padang Lalang yang satu-satunya kawasan yang selalu di landa banjir yang serius.

Untuk maklumat Yang Berhormat, dua projek Tebatan Banjir telah pun kita rancangan dan telah pun kita luluskan dengan peruntukan bahawa caruman perparitan Negeri Pulau Pinang iaitu kerja-kerja Tebatan Banjir di Sungai Rambai yang terlibat dengan Taman Makok iaitu dalam Pakej 3 RTB Sungai Rambai dan satu lagi adalah kerja-kerja RTB Sungai Rambai di mana terlibat dengan Taman Desa Damai iaitu pakej yang keempat. Dalam kedua-dua Rancangan Tebatan Banjir ini kita telah pun meluluskan sekurang-kurangnya RM19 juta, minta maaf RM11 juta untuk kedua-dua Rancangan Tebatan Banjir di kawasan Yang Berhormat Padang Lalang dan status sekarang adalah kedua-dua projek ini dalam proses untuk menyediakan dokumen tender dan perjumpaan dan dialog dengan wakil-wakil daripada persatuan taman di situ telah pun kita adakan. Kita harap dengan input-input yang penting itu kita boleh mereka bentuk satu RTB yang lebih berkesan dan untuk Yang Berhormat....(gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Minta laluan, terima kasih. Saya mengucapkan terima kasih kepada Exco daripada Bukit Tambun untuk dua projek di kawasan RTB di Kawasan Padang Lalang tetapi hakikatnya ialah kerja-kerja ini nampaknya masih tidak cukup dijalankan dengan secepat mungkin. Cara bagaimanapun kalau boleh mempercepatkan projek ini dilaksanakan dan satu pandangan lagi, ini juga terlibat dengan RTB. Mereka rasa kalau di Kawasan Sungai Rambai sahaja ada *pump house* atau projek mengatasi masalah banjir itu, memang masih tidak cukup sebab hakikat adalah air mengalir di bawah Sungai Juru dan dekat laut itu kalau tidak ada *pump house* yang lebih besar, cuma harap pada satu *pump* yang melaksanakan atau berfungsi dengan diesel ia tidak cukup boleh pam keluar air daripada sepanjang sungai sepanjang 9 km itu. Jadi saya harap kalau boleh Kerajaan Negeri mempercepatkan projek-projek lain di bawah Sungai Juru itu. Untuk mengeluarkan air sebanyak daripada atas seperti di Sungai Rambai atas di mana Kampung Tok Elong itu yang air di atas sebab ia akan berkumpul di tengah-tengah dan terdapat kolam dan masa air laut pasang, air tidak akan keluar daripada paras yang rendah. Jadi kalau boleh Kerajaan Negeri boleh timbang untuk mempercepatkan projek-projek lain di bawah Sungai Juru. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):**

Terima kasih Yang Berhormat Padang Lalang, input-input ini kita akan bawa masuk sebelum kita membuat keputusan muktamad kepada semua RTB yang akan melibatkan sungai-sungai yang disebutkan oleh Yang Berhormat Padang Lalang. Saya ingin teruskan dengan Sungai Pinang yang khususnya yang telah diberi perhatian tinggi oleh Yang Berhormat Datok Keramat di mana telah pun dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pinang Fasa Yang Kedua sekarang berada dalam status mengenal pasti penduduk-penduduk yang terlibat di kawasan Sungai Pinang supaya program penempatan boleh disiapkan lebih cepat dan lebih segera supaya pihak JPS boleh memulakan kerja-kerja di bahagian yang kita sebut dalam fasa yang kedua itu dan Ahli Yang Berhormat Datok Keramat juga telah pun membangkitkan bahawa di samping menunggukan RTB Sungai Pinang yang kedua, kerja-kerja yang kita mampu dan kerja-kerja yang kita laksanakan telah memperbaiki keadaan banjir di kawasan khususnya Kampung Masjid dan Kampung Dodol dan kita akan teruskan dengan kerja-kerja penyelenggaraan dan penambahbaikan kerja-kerja

pengecahan banjir sampingan sebelum kita boleh memulakan RTB Sungai Pinang Fasa Kedua.

Y.B. Dato' Speaker, Yang Berhormat-Yang Berhormat juga menyentuh sedikit sebanyak mengenai pencemaran alam sekitar yang bersabit dengan industri ternakan di Negeri ini khususnya. Yang Berhormat-Yang Berhormat telah menyentuh tentang industri khinzir di sekitar Gertak Sanggul, Pantai Acheh dan seterusnya di Kampung Selamat dan seterusnya Kampung Valdor dan juga telah pun dicadangkan oleh Yang Berhormat daripada Pinang Tunggal supaya ladang-ladang khinzir ini boleh diambil tindakan tutup dan Y.B. Dato' Speaker, pencemaran alam sekitar ini memang sedia maklum oleh dan telah pun diambil tindakan dan dalam projek-projek rancangan bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Veterinar selalu memperhatikan isu pencemaran ini dan kita faham bahawa pencemaran ini bukan setakat pencemaran di kawasan ladang tetapi juga akan mengakibatkan pencemaran air sungai dan juga seterusnya juga kita risau iodin di setengah tempat itu akan menjejaskan oleh pencemaran ini.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar juga sedar bahawa keadaan amatlah penting untuk kita mengawal sasaran bahawa perkara yang penting Jabatan Perkhidmatan Veterinar di mana untuk tahun 2009 kerja-kerja yang kita buat untuk mengatasi pencemaran ini bukannya setakat kita menyaman atau kita memberi kompaun kepada mereka yang tidak dapat mencapai standard yang telah ditetapkan di bawah garis panduan-garis panduan oleh Majlis Perbandaran mahupun di bawah Jabatan Alam Sekitar. Selain daripada itu kita, Jabatan Veterinar juga mengambil inisiatif memaklumkan atau mengadakan seminar-seminar, bengkel-bengkel ataupun kursus-kursus kepada para penternak di Negeri Pulau Pinang ini supaya mereka faham bahawa bukan sahaja pengawalan alam sekitar itu penting tetapi juga dari segi undang-undang atau apabila mereka didapati melanggar undang-undang atau akta-akta mereka perlu disamakan. Sekurang-kurangnya dua kali telah pun mengadakan bengkel yang besar yang melingkupi semua aktiviti ternakan baik daripada ternakan khinzir mahupun lembu, kambing mahupun mereka yang terlibat dengan ternakan unggas. Semuanya telah pun kita panggil untuk mengadakan satu program kesedaran untuk mereka faham tanggungjawab dan kewajipan mereka untuk jalani. Dan untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat buat masa sekarang Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk menutup semua ladang-ladang khinzir di Negeri ini tetapi kita mengambil satu inisiatif yang lebih agresif untuk kita menyambung dan untuk memastikan mereka ini mengikut piawaian yang kita tetapkan.

Walau bagaimanapun kerjasama dari semua pihak terutamanya daripada penguat kuasa. Di mana kita juga minta mereka yang tidak mengikut atau mencapai piawaian yang telah ditetapkan mereka perlulah diberikan atau mereka yang melanggar undang-undang piawaian perlu di saman. Untuk membawa satu mesej yang lebih jelas kepada mereka bahawa mereka perlu menjaga pencemaran mereka di samping mereka mengaut keuntungan yang agak baik. Ahli-ahli Yang Berhormat juga telah pun menyentuh isu tanah sawah padi yang telah ditukar ataupun tanah sawah padi yang telah ditukar syarat sepertimana yang telah saya jawab dalam sesi soalan lisan bahawa Kerajaan Negeri faham dan sedar bahawa kita perlu mengekalkan tanah-tanah sawah padi yang secukup-cukupnya supaya bekalan makanan terutamanya beras di Negeri ini boleh diadakan dalam satu keadaan yang kita kuarir dan usaha Kerajaan Negeri telah kita laksanakan melalui pewartaan tanah sawah padi ini dan kerja-kerja untuk menyediakan kertas jawatankuasa tanah telah peringkat yang terakhir di mana kita pun sampai peringkat akhir di bawah Pejabat Tanah dan Galian. Dan selepas diwartakan

kawasan tali air ini maka jenis-jenis penukaran syarat tanah yang dibuat di bawah sawah padi itu tidak akan diberi dengan sewenang-wenangnya. Tetapi juga ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa di samping itu untuk tanah-tanah pertanian yang dimiliki oleh swasta agak susah untuk Jabatan Pertanian untuk menguatkuasakan atau mengawal mereka untuk menukar syarat tanah sawah padi mereka untuk tanaman yang lain yang termasuk dalam kategori pertanian.

Dan ini adalah satu keadaan yang kita hadapi bahawa tetapi atas nasihat kita juga nak beri nasihat kepada pemilik-pemilik tanah pertanian ini supaya mereka boleh mengekalkan tanah-tanah pertanian mereka untuk aktiviti pertanian. Jenis tanah-tanah ini mereka selalunya menukar tanaman sawah padi kepada jenis tanam-tanaman yang bernilai tinggi di pasaran dan ini kita sedia maklum khususnya kepada tanaman kelapa sawit di mana harga telah melambung kebelakangan ini. Cuma kita hendak mengalak dan menasihatkan tanah-tanah yang dimiliki oleh pemilik swasta supaya mengekalkan aktiviti-aktiviti pertanian mereka.

Y.B. Dato' Speaker, sebelum saya mengakhiri penggulungan saya, suka saya memaklumkan kepada Dewan ini beberapa perancangan yang telah kita atur dan sedia sepanjang tahun 2010 di mana telah disebut di dalam teks bacaan bajet Y.A.B. Ketua Menteri di mana kita akan lebih agresif untuk melaksanakan PKPN Juru yang seluas 284 ekar di mana kita akan memperkenalkan lagi industri pertanian di situ dengan merangkumi tiga sektor, iaitu sektor perikanan, ternakan dan juga sektor tanaman di mana kita lihat projek ini boleh dilaksanakan dengan lancar maka peningkatan hasil pertanian di Negeri ini akan mencapai tahap yang lebih tinggi. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sedar juga kerana mulanya pembinaan jambatan kedua dengan pencemaran laut yang sekian serius, kita dapati kita juga perlu mengambil inisiatif untuk mengekalkan hasil laut kita ataupun kita mengekalkan hasil laut di Negeri Pulau Pinang di mana Negeri Pulau Pinang adalah satu Negeri yang telah pun mengekalkan hasil laut yang salah satu terbesar di Negara ini. Oleh kerana itu Kerajaan Negeri juga berusaha untuk menambah hasil laut melalui ternakan ikan dalam kolam, mahupun di kolam darat ataupun sangkar ikan di laut. Ini adalah program yang penting di mana kita lihat Negeri Pulau Pinang mempunyai daya saing dari aspek perikanan ini. Juga untuk Yang Berhormat-Yang Berhormat yang berminat telah menyentuh tentang tanaman organik ini. Kerajaan Negeri sedar dan juga dalam proses mengenal pastikan satu ladang percubaan organik di Negeri ini di mana kita telah mengenal pastikan sebidang tanah yang berskala kecil sederhana dijadikan sebagai ladang percubaan organik di Negeri Pulau Pinang ini. Walau pun di bawah Jabatan Pertanian kita mempunyai jenis tanam-tanaman di bawah program organik mahupun jenis program-program *vermikompos* tetapi kita dapati bahawa kita perlu juga mempunyai ataupun melaksanakan satu ladang percubaan organik di mana kita nak melihatkan satu kejayaan dalam ladang organik supaya kita boleh men *copy* kan model kejayaan ini ke tempat-tempat yang lain.

Dan juga untuk makluman Ahli-ahli yang Berhormat, salah satu industri yang boleh mendatangkan keuntungan besar melalui ternakan unggas adalah industri ternakan burung walit di mana juga dikenal sebagai sarang burung. Ini adalah salah satunya industri pertanian yang berimpak tinggi di mana telah dikenal pastikan oleh Kementerian dan kita lihat bahawa Negeri Pulau Pinang mempunyai potensi untuk memajukan industri ini dengan lebih agresif di mana kita melalui pengurusan yang lebih profesional kita melihat kita mempunyai peluang untuk mempertingkatkan lagi industri ini buat masa sekarang Negeri Pulau Pinang berada di tempat ketiga selepas Kelantan dan Perak di mana industri burung walit ini telah pun kita teliti dan kita dapati boleh mengembang di Negeri Pulau Pinang. Buat masa sekarang, walaupun permit untuk moratorium telah pun kita buat sampai penghujung tahun 2009 tetapi Kerajaan Negeri telah berbincang tentang isu ini dan melalui Kementerian juga garis panduan-garis panduan yang akan diluluskan oleh Jemaah Menteri ini belum lagi sampai ke satu tahap yang akhir. Maka dengan itu Kerajaan Negeri telah pun bersetuju untuk melanjutkan moratorium ini setahun lagi di

mana kita sementara kita menunggukan garis panduan daripada kelulusan Jemaah Menteri, Kerajaan Pusat kita terus akan memberi lanjutan selama setahun dan selepas garis panduan yang baru ini diluluskan oleh Jemaah Menteri, Kerajaan Negeri akan mengambil kira garis panduan akan digunakannya keseluruhan atau kita boleh membuat sedikit perubahan yang sesuai untuk Negeri ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga, saya ingin memaklumkan kepada Dewan ini bahawa di bawah Jabatan Pertanian juga selain daripada kita membekalkan jenis alat-alat pertanian yang kita mampu memberi kepada pemohon-pemohon mengikut syarat, juga kita tidak lupa bahawa pembangunan sumber manusia atau pembangunan ilmu-ilmu petani ini amatlah penting. Jabatan Pertanian ataupun Jabatan Perkhidmatan Veterinar kita telah pun menyediakan program-program ataupun kursus-kursus untuk mereka yang berminat untuk menambah pengetahuan dalam aktiviti-aktiviti pertanian.

Satu lagi yang saya hendak memaklumkan dalam Dewan ini ialah Pusat Pertanian Relau yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat. Adalah satu usaha Kerajaan Negeri untuk mengekalkan kawasan Pusat Pertanian Relau itu sebagai satu tempat *green land* ....(dengan izin), supaya tidak ditukar sebagai satu projek perumahan kerana pernah dicadangkan oleh pemaju-pemaju di tahun-tahun yang lepas kerana Kerajaan Negeri ingin mengekalkan tempat itu sebagai tempat *green land* di mana bukan sahaja kita hendak mengekalkan sebagai pusat cemerlang pertanian tetapi kita mengambil kira supaya kawasan yang begitu cantik itu, begitu indah itu boleh ditransformasikan untuk menjadi satu pusat agro-tourism mahupun agro-rekreasi untuk penduduk-penduduk kawasan di situ mahupun pelancong-pelancong asing. Itu adalah satu kerja, sasaran yang penting untuk Jabatan Pertanian di mana telah pun kita mengeluarkan tender untuk kita buat kajian supaya sasaran kita boleh dilaksanakan mengikut kajian-kajian profesional. Ini adalah satu usaha daripada Jabatan Pertanian dan juga Unit Perancang Ekonomi Negeri supaya sementara kita mengekalkan pusat itu, kita mengambil kira bahawa Negeri Pulau Pinang ini perlu juga masuk sedikit sumber pelancongan di bawah *agriculture*.

Y.B. Dato' Speaker, saya ucapkan terima kasih kepada Y.A.B. Ketua Menteri yang telah pun mengambil kira hasrat-hasrat ataupun sasaran-sasaran kerja daripada Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar mahupun JPS dengan meluluskan peruntukan bajet yang telah dicadangkan dan kita akan menggunakan peruntukan itu secara cermat dan untuk kepentingan yang lebih besar kepada pertanian mahu pun rakyat Negeri Pulau Pinang. Maka dengan itu saya pohon menyokong.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga ( Y.B Tuan Teh Yee Cheu):**

Minta laluan.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Dah habis dah.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B Tuan Teh Yee Cheu):**

Sebelum dia tamat, saya nak , boleh?....(gangguan).

**Y.B. Dato' Speaker:**

Bagi lagi? Boleh, silakan.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B Tuan Teh Yee Cheu):**

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker. Memandangkan hasrat saya, Y.B. Law untuk mempromosikan makanan organik maka saya juga menyeru Kerajaan Negeri Pulau Pinang kempen "Go Veg" supaya meningkatkan satu langkah pemasaran makanan organik juga dan juga memang membawa kesihatan kepada orang ramai dan antara kebaikan "Go Veg" ini adalah turunkan tekanan darah, turunkan paras kolesterol

mungkin I.Q. lebih tinggi dan kurangkan risiko sakit penyakit jantung 50% dan lain-lain lagi. Dengan "Go Veg" juga mungkin akan membantu kita supaya...(gangguan) mengurangkan pemanasan global. Jadi saya minta Y.B. Law...(gangguan).

**Y.B. Dato' Speaker:**

Apa? Tanjong Bunga. Apa dia?

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B Tuan Teh Yee Cheu):**

Dah habis ke?

**Y.B. Dato' Speaker:**

"Go Veg" tu apa dia? Macam mana ejaannya?

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B Tuan Teh Yee Cheu):**

Sorry, g.o.v.e.g = "Go Veg". Okey, jadi saya minta Kerajaan Negeri beri perhatian ke arah kempen ini. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B Tuan Law Choo Kiang):**

Terima kasih Y.B. Tanjong Bunga, saya akan bekerjasama dengan portfolio perhubungan masyarakat supaya program *go veg* ini boleh kita ambil perhatian tetapi untuk cara makanan itu kita tetap tidak boleh memaksa sesiapa sahaja tetapi untuk satu kajian yang kita berhasrat untuk *Go Green Penang* kita turut akan mengambil maklumat input daripada Y.B. Tanjong Bunga supaya juga atas sudut kesihatan baik daripada mencegah daripada penyakit-penyakit tertentu. Kita menggalakkan kesemua penduduk Negeri Pulau Pinang supaya boleh memperbanyakkan lagi makanan sayur-sayuran hijau dan ini juga baik untuk semua warga tani Negeri Pulau Pinang. Kalau keseluruhan penduduk Pulau Pinang *Go Veg*, saya rasa peningkatan pendapatan daripada warga tani ini kita boleh mencapai lebih senanglah dan hasrat daripada Y.B. Tanjong Bunga ini kita akan ambil kira juga bekerjasama dengan portfolio perhubungan masyarakat untuk kita sama-sama mempromosikan cara hidup sedemikian. Sekian, terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Seterusnya Y.B. Sungai Puyu.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B Tuan Phee Boon Poh):**

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker, terima kasih kepada semua Ahli-ahli Y.B. kerana mengambil perhatian terhadap usaha-usaha jabatan di bawah portfolio saya. Ada yang di antara mempersoalkan, mencadangkan, memuji malangnya juga ada yang memberi satu gambaran yang negatif sekali. Ahli-ahli Y.B., isu alam sekitar perubahan iklim (*weather change*) atau *global warning* masih diberi perhatian. Kita mesti cinta bumi ini dan saya merayu supaya semua supaya menyahut saranan Kerajaan Negeri dan melibatkan diri dalam program-program alam sekitar khasnya Hari Tanpa Beg Plastik

pada tiap-tiap hari Isnin dan mulai 1hb Januari 2010. Program ini akan ditambah lagi 2 hari iaitu hari Isnin, Selasa dan Rabu. Di samping itu, diminta juga semua supaya elakkan penggunaan bahan bungkus makanan Polistirena yang menyebabkan kesan mudarat udara kepada kesihatan diri sendiri dan juga alam sekitar. Program penggunaan *The*

*Pola EM* untuk membersihkan sungai-sungai telah pun dilancarkan dan akan diteruskan demi meningkatkan kesedaran tentang masalah alam sekitar dan membuat perancangan untuk mengatasi perubahan iklim *global warning*. Kerajaan Negeri telah mewujudkan *resource centre* di setiap-tiap daerah sebagai projek perintis atau *pilot project in all district in Penang*.

Ahli Y.B. dari Padang Lalang telah mencadangkan pembersihan mulai dari puncak atau *cleaning as source* memang satu cadangan yang baik dan memang GS telah mula program kesedaran khasnya di Sungai Juru dan Sungai Pinang, Semua rumah peniaga, dan bengkel-bengkel. Tindakan-tindakan sewajarnya akan diambil jika bersabit dengan kesalahan membuang sisa-sisa dan minyak ke dalam sungai atau perparitan kini Sungai Juru telah dikeluarkan dari sungai tercemar dan Sungai Pinang juga akan dikeluarkan selepas pengauditan semula. G.S telah memulakan kawalan pemantauan bekalan berkenaan dengan pembakaran terbuka untuk loji-loji IWK. Pegawai G.S sering melawat tapak dan membuat ujian kualiti air yang dilepaskan daripada loji kepada perparitan. Pihak Berkuasa Tempatan juga menggalakkan semua bangunan, kediaman, perniagaan, bengkel-bengkel dan kilang-kilang menggunakan E.M atau *cabbage inside* untuk membersihkan lantai tandas dan lain-lain. Pejabat Haiwan juga telah menyumbang teknologi EM dan penggunaan EM di ladang-ladang penternakan seperti ayam dan khinzir bagi mengatasi masalah pencemaran alam sekitar yang boleh mengakibatkan bau yang kurang menyenangkan, najis dan rawatan kolam air sebelum terlepas ke sistem perparitan dan sungai. PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) melalui LA21 khasnya di MPSP juga berusaha untuk mengutip minyak untuk kegunaan dan juga sabun. Selanjutnya daripada soalan yang dikemukakan oleh Ahli Y.B. Padang Lalang Kerajaan Negeri mendesak untuk menarik isu pencemaran alam sekitar dengan, mengenal pasti punca-punca pencemaran dan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang. Di antara tindakan yang dicadangkan adalah mewajibkan kilang-kilang merawat sisa buangan sebelum dilepaskan ke sungai, menggubal undang-undang ke atas pembuangan sampah dan mengenakan hukuman menjalankan kerja-kerja komuniti seperti untuk memakai saya ulat sampah pada badan tetapi ini mesti kena ada dikaji dengan teliti tidak boleh mengakibatkan kerosakan maruah sesiapa kerana ini amat penting kerana *we don't want to ....(gangguan),.*

#### **Ahli Kawasan Padang Lalang ( Y.B Tuan Tan Cheong Heng) :**

Minta laluan. Terima kasih Y.B. Sungai Puyu. Kita selalu memujikan Singapura adalah satu bandar internasional yang begitu bersih, cekap dan faktor-faktor dari situ adalah sebenarnya begitu tegas dan itulah mereka menjalankan seperti yang berikut dapat sampai urat gantung saya sampai urat yang menjalankan sapu jalan. Saya rasa ini boleh kita mungkin daripada menggubal dasar undang-undang kita dan saya sudi menjalankan kempen ini di kawasan, saya cadangkan.

#### **Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B Tuan Phee Boon Poh):**

Terima kasih, yang ini memang ada satu cadangan yang saya sedang bagi pertimbangan tetapi pada awalnya saya telah mencadangkan bahawa sesiapa yang membuang sampah mesti didenda sepenuh-penuhnya iaitu denda sebanyak RM500.00. Dan jika mereka ingin buat rayuan mereka boleh menghadiri kursus-kursus tertentu di mana kekurangan kompaun akan dibagi dan jika mereka memang sedar bahawa mereka

akan tolong menolong dalam kesedaran ini mereka akan beri kompaun rendah dan mereka juga akan buat *community work*. Ini telah dibuat kajian dan ini juga sudah lihat dari sudut perundangan.

Memang komuniti boleh tetapi juga dari sudut perundangan. Orang awam digalakkan menjadi mata dan telinga pihak penguatkuasaan dan melaporkan aktiviti perosak alam sekitar. Oleh yang demikian, saya berharap Y.B. Padang Lalang bagi kerjasama penuh di mana juga kempen-kempen Kerajaan Negeri di dalam kawasan khasnya tidak merokok, khasnya tidak menggunakan polistirena juga membuang sisa-sisa buangan. Saya harap kerjasama dan percaya saya boleh dapat kerjasama dari Y.B. Padang Lalang. Kerajaan Negeri sentiasa memberi perhatian yang serius kepada isu pencemaran terutamanya melibatkan pembuangan sisa-sisa industri. Pihak JAS sentiasa melakukan pemantauan terhadap sisa-sisa industri dengan melakukan ujian COD dan BOD agar kualiti air sentiasa terkawal. Kerajaan Negeri akan memajukan cadangan ini menggubal undang-undang atas pembuangan sampah kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk menimbangkan pelaksanaan hukuman melaksanakan kerja-kerja komuniti dan memang ini telah dijalankan. Masyarakat sentiasa digalakkan memberi kerjasama dengan Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan dan membendung aktiviti pencemaran.

Di sini juga ada 4 tahap yang sedang dijalankan. 1 kesedaran, 2 pendidikan, selepas itu adalah amaran sebelum tindakan kerana ini berdasarkan bahawa mewujudkan satu masyarakat penyayang. Di sini walau pun Pulau Pinang mendahului semua Negeri di Malaysia dalam indeks kesedaran alam sekitar di Nasional Had Level 50% tetapi di Pulau Pinang 15%. Saya telah membuat pengumuman di surat khabar sebab saya tidak puas hati saya ingin jalankan tugas sehingga sekurang-kurangnya 90% kalau boleh 100% warga Pulau Pinang dan pelawat-pelawat ke Pulau Pinang, mereka sentiasa sedar bahawa *Penang Go Green, no rubbish in Penang*.

Soalan yang dikemukakan oleh Ahli Y.B. Tanjong Bunga, Kerajaan Negeri dipohon untuk terus memberi perhatian yang serius untuk mencapai Negeri Hijau dan melaksanakan program-program seperti kempen kitar semula, penggunaan *Mud Ball*, kempen plastik beg, penggunaan basikal dan guna pakai GBI (*Green Building Index*), Kerajaan juga dipohon untuk melaksanakan kempen *Go Vege* pemakanan sayur-sayuran kerana makan daging dikata punca pemanasan global. Ya, Kerajaan Negeri sentiasa memberi perhatian yang serius pada isu-isu alam sekitar seperti saya ada kata mengenai kempen kesedaran telah dijalankan secara berterusan dan dengan ini saya nak bagi tahu bahawa Kerajaan Negeri giat menjalankan program-program berkonsepkan *cleaner, brighter and greener*. Untuk memastikan kempen ini membuahkan hasil dan *Penang should be cleaner, brighter and greener* dalam memastikan program ini berkesan kerana Kerajaan Negeri mempraktikkan penguatkuasaan pada 4 tahap iaitu seperti saya kata kesedaran, pendidikan, amaran dan juga akhirnya kehendak tindakan diambil.

Kerajaan Negeri menganjurkan kempen-kempen menggunakan plastik beg tiap-tiap hari sebagai kepentingan alam sekitar dan di sini dapat menjimatkan dalam kata menggelakkan menggunakan seorang dari 1 juta beg plastik mulai kempen bulan Julai sehingga akhir bulan Oktober. PBT memasang poster-poster dan *banner-banner* di pasar awam menggunakan beg bakul sendiri semasa membeli barang keperluan. Poster-poster kempen beg plastik ini turut diedarkan di semua program PBT bersama dengan pihak sekolah, kawasan rukun tetangga dan persatuan penduduk. Kerajaan Negeri juga telah menambahkan tanpa beg plastik tiga hari pada 8 Ogos 2009. Satu program *A Million Apologies To Mother Earth* telah dilancarkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri di mana program itu sebanyak 400,000 *EM mudball* telah dilontar di Persisiran Pantai Gurney

implikasi teknologi EM mudball telah menunjuk hasil positif dengan pengurangan selut di sepanjang 100 meter pantai tersebut, dan pada kini untuk di Persiaran Gurney satu jawatankuasa yang di pengerusi oleh Y.B. daripada Berapit telah ujud dan sentiasa memantau keadaan di sana.

Pada tahun 2009, Jabatan Kesihatan telah menghadapi banyak cabaran sejak awal tahun, wabak denggi, Influenza A, H1N1 telah merebak pada semua warga Pulau Pinang secara am dan seluruh Malaysia dan seluruh dunia. Atas dedikasi para kakitangan Jabatan Kesihatan, kita telah pun mengatasi cabaran dan berjaya membendung penyakit ini. Kempen kesedaran penyakit kencing manis, deman denggi, chikungunya, malaria dan tibi sedang berterusan. Sukarelawan juga telah diberi latihan sewajar untuk turut terlibat dalam skuad COMBI. Selain daripada itu kempen *Penang Smoke Free* telah dilancarkan pada bulan April dan dapat sokongan penuh daripada semua pihak termasuk PPSB, PPSB ada satu tempat di mana pada mulanya mereka enggan beri kerjasama kerana mereka kata mereka ada satu agensi Kerajaan Pusat tetapi selepas perundingan di mana saya telah beri faham bahawa di atas feri di mana kehendak untuk di larang merokok ada kerana feri adalah satu tempat di mana tidak ada usaha untuk mengadakan satu manifestasi jumlah berapa kereta ada di dalam feri, orang tidak tahu jumlah ada berapa orang penumpang atas feri tidak ada orang tahu.

Jika ada berlaku kebakaran tidak ada satu data jumlah berapa orang yang telah diselamatkan, jumlah berapa orang belum diselamatkan, kerana jika terjadi apa-apa atas feri di mana di bawah ada *engine*, ada *compaction* jikalau ada kebakaran. Pasukan penyelamat sekurang-kurangnya memerlukan 15 minit daripada darat untuk sampai ke feri, jumlah berapa akan jadi mangsa. Oleh itu saya telah mengucapkan terima kasih kepada pihak PPSB yang hari ini mengambil satu kempen untuk menaikkan kadar denda atas feri dan ini juga tindakan tidak teragak-agak dan memang Kerajaan Negeri ada satu yang penyayang, bagi mereka yang kena saman bayaran akan dikurangkan sekiranya mereka dapat menghadiri kursus kesedaran yang diadakan oleh Jabatan Kesihatan.

Di samping itu rawatan percuma turut diberi kepada orang ramai sebagai satu inisiatif Kerajaan Negeri. Pemantauan dan tindakan sewajarnya terhadap kebersihan iaitu kata untuk *Penang Cleaner, Brighter dan Greener*. Kebersihan gerai-gerai, restoran dan kedai makanan di Pulau Pinang sedang dipertingkatkan bagi mengawal kebersihan premis makanan. Seperti saya kata kempen *Penang Brighter and Greener*, saya telah dapat banyak tuduhan bahawa tindakan-tindakan yang dijalankan adalah untuk terhadap satu sektor sahaja. Saya telah tunjuk bukti bahawa dalam bulan September di mana satu kempen oleh restoran-restoran nasi kandar kata haknya Kerajaan Negeri mengambil tindakan terhadap mereka semua ini langsung tidak betul. Ini adalah satu niat jahat kerana kempen ini kesemua tempat makanan dan Pulau Pinang sebagai satu tempat pelancongan kita tidak boleh adakah satu perkara seperti *messy food poisoning*, tidak mahu. Sebelum ia terjadi harus di kawal.

Oleh yang demikian pegawai-pegawai daripada Jabatan Kesihatan sentiasa tiap-tiap malam mereka melawat premis-premis tertentu yang premis-premis tertentu itu jika ia bersabit dengan kesalahan *demerit points* mereka akan ditutup sekurang-kurang 3 hari dan tidak akan teragak-agak sekurang-kurang 3 hari pada dahulunya pada masa kempen kesedaran dan pendidikan mereka telah diberi peluang apabila mereka membersihkan premis-premis mereka tetapi sekarang sampailah di tahap amaran dan tindakan. Tindakan adalah jika sesiapa yang bersabit dengan kesalahan kotor dalam premis atau makanan yang tidak simpan dengan sempurna dan akibat menjadi satu *food poisoning* mereka akan di arah tutup sekurang-kurang 3 hari dan dasarnya adalah 14 hari.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**



Minta penjelasan, terima kasih, Y.B. Sungai Puyu tadi kata ada perniagaan nasi kandar kita ada, Kerajaan Negeri ada niat untuk mengusahakan mereka tetapi di sebaliknya tetapi masyarakat Cina saya selalu terima aduan daripada penjaja masyarakat Cina dan India, mengapa pegawai kita sentiasa cari pasal untuk penjaja Cina, sebab di surat khabar Cina kita selalu nampak pegawai ambil tindakan kepada kedai-kedai yang

tidak puas hati dan adakah mungkin ini disebabkan surat khabar Inggeris atau Melayu tidak kawal atau *cover* ini berita satu silap faham masyarakat Cina tidak nampak kedai-kedai Melayu atau yang lain-lain diambil tindakan disebabkan kesihatan tidak diluluskan., terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Kerajaan Negeri apabila ambil apa-apa tindakan tidak mengambil kira agama, bangsa atau kefahaman politik. Ini adalah satu dasar Kerajaan Negeri, kerana apabila mengambil tindakan terhadap nasi kandar, ahli-ahli politik daripada pembangkang di Pulau Pinang mereka keluar SMS bahawa saya menghina orang beragama Islam, juga saya mengambil tindakan terhadap di India Muslim, bila saya mengambil tindakan di restoran Cina kemungkinan saya tidak kata MCA, atau Gerakan tetapi ada orang yang ada latar belakang politik juga dia buat macam ini. Saya bukan *publicity self vice* sahaja saya tidak bawa pemberita-pemberita untuk menjalan tugas kalau saya hendak buat macam ini semua pemberita-pemberita kena ada satu *special squad* untuk ikut saya tiap-tiap hari, saya tidak mahu ini susahkan mereka, saya hanya hendak buat tugas, jalankan tugas.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Minta laluan, saya juga berkongsi dengan pandangan Yang Berhormat, bersetuju tentang perkara ini, saya ingin membawa perhatian kepada Y.B. tentang satu sidang khabar ataupun satu rencana, laporan The Star tidak lain daripada Kampung Buah Bala, di mana pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang telah mengambil tindakan penguatkuasaan tetapi telah memberitahu penduduk di situ ini adalah arahan daripada Ketua Menteri, jadi saya rasa ini adalah satu perkara yang telah saya memberitahu kelmarin mengapakah perkara ini berlaku, mereka sekadar menjalankan tugas, mengapakah perlu mereka memberitahu itu adalah arahan daripada Ketua Menteri, dan saya telah memberitahu wartawan yang menemu ramah saya kelmarin ini bukan arahan Ketua Menteri, ini adalah perkara yang diambil tindakan oleh pegawai penguat kuasa berdasarkan kepada undang-undang yang sedia ada *by law* jadi mungkin seperti Y.B. katakan mesej yang salah cuba disampaikan oleh pihak-pihak berkuasa dan ini adalah perkara yang perlu diberi perhatian, terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Terima kasih, ini tidak dapat dinafikan bahawa pada dulunya pada zaman Barisan Nasional memang ada mereka letak pemimpin-pemimpin mereka dalam jabatan-jabatan Kerajaan Negeri, dan Kerajaan Persekutuan. Mereka juga hari ini telah menjalankan tugas Barisan Nasional, bukan tugas untuk membawa perubahan dalam pentadbiran Negeri. Memang saya akui memang ada, tetapi bukan semua pegawai Kerajaan yang terlibat diri, bukan, hanya sesiapa yang ada kepentingan, politik buat macam itu. Seperti dalam peristiwa-peristiwa tindakan yang diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan bila selalunya keluar saman dia kata Ketua Menteri yang minta keluar saman bila hendak isu notis dia kata Ketua Menteri yang suruh isu ini. Ada niat jahat daripada Ahli-ahli politik Barisan Nasional semasa ada dalam Kerajaan Negeri, memang ada.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Minta laluan Yang Berhormat, memandangkan Y.B. telah berkata tentang perkara tersebut sejak kita mengambil alih tampuk Kerajaan Negeri, adakah apa-apa tindakan diambil, adakah pegawai-pegawai ini telah dikenal pasti dan tindakan-tindakan diambil kerana kalau perkara ini berterusan saya khuatir bahawa ini boleh memudaratkan misi

Kerajaan Pakatan Rakyat, boleh memudaratkan inisiatif murni kita. Kita dapati kelmarin pun walau pun ahli pembangkang tidak ada di sini beliau ada membuat pernyataan yang berbau perkauman menyatakan bahawa hanya Parti UMNO sahaja yang boleh menjaga orang Melayu, itu tidak benar. Saya sebagai Adun di Kawasan Seri Delima telah menjalankan beberapa aktiviti yang memanfaatkan orang Melayu di kawasan Sungai Gelugor, di Kampung Taman Tun Sardon dan sebagainya, malahan masih sekumpulan nelayan di situ yang telah terlepas oleh Ahli-ahli Exco Barisan Nasional kita telah membela mereka. Jadi soalan saya, adakah apa-apa inisiatif diambil supaya anggota-anggota Kerajaan Tempatan ini dikenal pasti tindakan diambil supaya perkara ini tidak membantut inisiatif murni Pakatan Rakyat, terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Memang ada tindakan ini, langkah-langkah yang telah diambil seperti saya menyatakan bahawa kesedaran pendidikan amaran dan tindakan memang ini telah dijalankan dan saya merayu bahawa dunia ini boleh disatukan melalui cinta, *love*, jiran tetangga, fahamlah cabaran bukan di antara ahli-ahli politik atau kepentingan parti-parti politik tetapi perubahan iklim, *the principle of earth today is not your party*, adalah perubahan iklim itu kata global, itu lebih penting dan jika boleh saya merayu kepada semua yang telah terlibat dengan niat ini faham bahawa kita di sini yang memegang amanah tuhan, bukan menjawab kepada pemimpin-pemimpin parti politik parti kita semua tetapi apa yang diberi peluang untuk berkhidmat untuk berjasa kepada masyarakat berjasa dalam Negeri dan Negara, cepatlah buat macam ini janganlah menghapuskan usaha-usaha Kerajaan Negeri khasnya Kerajaan PR untuk mewujudkan satu masyarakat penyayang untuk Negeri Pulau Pinang. Satu tempat di mana semua ingin kunjungi di Negeri Pulau Pinang kerana Pulau Pinang ada harapan di mana semua orang semua dapat duduk sama rendah berdiri sama tinggi, itulah hasrat Kerajaan Negeri untuk mewujudkan satu masyarakat penyayang.

Dalam kempen kesedaran HIV dan Aids, Jabatan Kesihatan telah memberi rawatan *methadone* percuma di hospital Kerajaan dan klinik di kawasan tertentu. Hasilnya amat berjaya dan telah pun mengurangkan kes-kes HIV positif di Negeri Pulau Pinang kepada satu kadar yang terendah iaitu dalam tahun 2009 ada 69 kes positif sahaja di Negeri Pulau Pinang. Kesedaran adalah bukan hadnya bagi orang terlibat dengan golongan sasaran tetapi juga kepada keluarga. Oleh yang demikian saya merayu bahawa semua orang diminta untuk satu kehidupan yang bersih seperti apa yang di cadangkan oleh Ahli Yang Berhormat Tanjung Bunga, *go vege* dan elakkan satu kehidupan yang kurang sihat yang kurang sopan dalam masyarakat. Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Bunga juga mencadangkan program WABA. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Jabatan Kesihatan Negeri telah memberi sumbangan dalam program-program WABA terutamanya untuk memperluaskan kempen ini telah ditangani oleh Jabatan Kesihatan, haknya seperti saya kata tidak ada masa yang mencukupi untuk jadi *publicity selfish* sahaja bukan macam Barisan Nasional telur sebiji riuh sekampung tidak ada, hanya saya mahu diam-diam ubi berisi.

Ahli Yang Berhormat Kebun Bunga telah mencadangkan bahawa Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang telah menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi. Perkara ini juga terbukti apabila perkhidmatan yang disediakan oleh jabatan dan dapat dilaksanakan dengan baik dan cemerlang. Banyak program dan

aktiviti telah dijalankan untuk kepentingan kumpulan sasar jabatan, di antaranya Jabatan Kebajikan telah begitu amat berjaya dalam kursus Bahasa Isyarat. Ini adalah satu program Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk memperkuatkan *the commitments to bearer free*. *Bearer free* adalah satu syarat dalam

*United Nations Real De General Decorations in the 1990s On Talk of the Sustainable and Palace Development. We are fully committed to Bearer Free. Bearer Free* di sini adalah fizikal dan mental, daripada segi mental kursus Bahasa Isyarat, kursus Bahasa Mandarin, kursus Bahasa Hokkien telah dijalankan. Saya minta maaf saya tidak umumkan kerana ini ada projek perintis dan juga telah amat berjaya. Pegawai-pegawai Kerajaan telah di bagi peluang untuk menghadapi kursus ini supaya mereka mempertingkatkan ilmu mereka dalam pentadbiran, di mana pada suatu hari bila sesiapa masuk ke jabatan-jabatan Kerajaan, apakah bahasa-bahasa yang ingin nak pakai, mereka boleh *communicate* dengan pelanggan-pelanggan. Baik pun bahasa isyarat, baik pun bahasa Mandarin, bahasa Hokkien, bahasa Inggeris, bahasa Malaysia, itulah akan bawa prestasi-prestasi kakitangan Kerajaan sampai satu tahap yang tertinggi di Malaysia dan *Penang* akan *lead*.

#### Program Menangani Gejala Sosial

Jabatan turut menitikberatkan perkembangan golongan remaja dalam pembangunan Negara. Oleh itu usaha untuk membentuk remaja bersahsiah amat diberi perhatian oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Antara aktiviti dan program yang dijalankan adalah:-

- (i) Bengkel Remaja Berwawasan dan diadakan di Jawi Golf Resort.
- (ii) Kem Motivasi Pemantapan Minda Pulau Aman, Pulau Pinang.
- (iii) Program Pembentukan Sahsiah Diri Remaja dijalankan di Taman Rimba.
- (iv) Kem Jati Diri Program Jalinan Mesra, adalah di Belum Rainforest Resort. Ini semua 4 program telah dijalankan pada tahun 2009.

#### Bantuan Bencana:

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah bekerja keras untuk memastikan masyarakat yang memerlukan mendapat perhatian dan bantuan sewajarnya. Jabatan telah berjaya memendekkan tempoh siasatan bagi kes-kes bencana alam. Jabatan mampu melakukan bayaran kepada mangsa bencana kurang daripada tempoh 12 jam, walaupun di Negeri Pulau Pinang adalah mengatakan 24 jam tetapi selalunya bencana khasnya kebakaran dan ribut telah dibuat bayaran untuk mereka dalam tempoh 12 jam dari tarikh dan masa kejadian dilaporkan. Dan ini juga termasuk hari cuti hujung minggu dan cuti am. Inilah dedikasi di bagi oleh pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan JKJ. Walau bagaimana pun, terdapat kes yang lewat dibayar berpunca daripada kelewatan melaporkan kejadian oleh mangsa atau Adun atau JKJ kepada jabatan. Bagi kes-kes seumpama inilah pentingnya pemimpin-pemimpin tempatan untuk memainkan peranan menjadi mata dan telinga kepada jabatan Kerajaan.

#### Bantuan Am Bulanan:

Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang merupakan jabatan yang membuat bayaran bantuan bulanan melalui bayaran terus ke Bank Simpanan Nasional

selain daripada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Ini merupakan usaha yang baik kerana.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Minta penjelasan. Terima kasih Y.B. Tuan Timbalan Speaker, saya masih ingat lagi Y.B. Sungai Dua, dia bentang kata 23 orang, dari laporan Ketua Audit Negara kata yang ini lewat. Adakah keputusan ataupun *result*, ini dari kawasan mana dan mengapa dilewatkan sampai 17 hari baru dapat tolong dan saya baca di sebelahnya dari tahun 2007 mereka yang paling lewat, 57 hari baru ada bantuan kepada mereka ini. Apakah ceritanya?

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Terima kasih. Saya ingat tidak ada pembangkang dalam Dewan. Tetapi pembangkang juga ada, ini wakil di sini, tak apa saya akan sampai kat sana. Bagi kes-kes seumpama ini, pentinglah pemimpin-pemimpin tempatan untuk menjadi, mainkan peranan menjadi mata dan telinga kepada jabatan Kerajaan. Iaitu kita semua mesti tolong-menolong. Kalau mereka ikhlas daripada hati. Dan saya kata bantuan am bulanan, ini merupakan iaitu kata Negeri Pulau Pinang selain daripada Wilayah Kuala Lumpur adalah Negeri yang menggunakan pembayaran melalui perbankan. Ini adalah untuk mengelakkan seperti apa yang terjadi pada dulunya di mana mereka hanya berbayar melalui baucar. Dan ada banyak masalah yang telah wujud di sana, khasnya masalah-masalah seperti yang diingatkan oleh Ketua Audit.

Untuk ibu tunggal Jabatan Kebajikan Masyarakat bersedia membantu semua golongan tanpa mengira bangsa, agama, fahaman politik atau status sosial. Oleh itu, ibu tunggal yang layak dan memerlukan bantuan juga turut dibantu oleh jabatan melalui Bantuan Am Bulanan. Sekiranya ibu tunggal yang mempunyai anak yang masih kecil dan bersekolah, jabatan turut membantu untuk meringankan beban mereka. Jabatan Kebajikan juga ada satu seksyen di mana yang akan memberi perkhidmatan kaunseling. Perkhidmatan kaunseling turut disediakan oleh Jabatan untuk membantu kes-kes yang memerlukan sesi kaunseling. Kaunselor terlatih telah ditempatkan di semua Pejabat Kebajikan Masyarakat.

**Kesimpulannya**

Sebagai kesimpulannya banyak usaha yang dijalankan oleh Jabatan Kebajikan untuk membantu golongan yang memerlukan dan untuk meneruskan kehidupan mereka, membentuk sahsiah remaja yang rosak akhlak, membantu kanak-kanak yang terpinggir, warga emas yang terabai dan orang kurang upaya di mana TYT telah menasihati bahawa orang kelainan upaya yang perlu dibela. Usaha-usaha ini akan lebih berkesan dengan penggembleran tenaga semua pihak dengan ikhlas. Oleh yang demikian, pada tahun 2009, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah berjaya membanggakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan membawa pulang 4 anugerah kualiti peringkat Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia iaitu kerana dedikasi kakitangan dan Pengarah Jabatan Kebajikan. Dalam pertandingan Inovasi dan pertandingan Kualiti dan Inovasi Negeri Pulau Pinang telah jadi johan seluruh Malaysia. Johan untuk penggerak yang cemerlang juga Inovasi yang cemerlang juga jabatan yang tercemerlang.

Saya akan menjawab bagi Ahli Yang Berhormat Padang Lalang kerana telah mewakili Ahli Yang Berhormat dari Sungai Dua. Ahli Yang Berhormat telah membuat

satu kenyataan yang memberi amaran yang negatif kepada JKM. Saya ingin memberi kisah benar sebenarnya. Kes bantuan bencana alam lewat diluluskan, yang disebut oleh Yang Berhormat Sungai Dua, memang terdapat dalam laporan Ketua Audit Negara menurut jadual 5.4 pada muka surat 67, laporan Ketua Audit Negara, terdapat 18 kes banjir kilat berlaku pada 20 Oktober 2008 tetapi hanya dilaporkan pada 13 Disember

2008. 5 kes yang baki pula berlaku dalam 16 Ogos 2008, hanya dilaporkan 13 Disember 2008. Seperti yang saya dah janji, bagi saya maklumat saya akan siasat dengan teliti dan hasil siasatan adalah, siasatan telah dijalankan dengan segera dan di dapati tempoh selama 17 hari diambil untuk menyiapkan laporan adalah kerana kesulitan bagi semua agensi-agensi Kerajaan untuk mendapat bukti dan butiran daripada mangsa-mangsa.

Untuk maklumat selanjutnya, Ahli-ahli Yang Berhormat khasnya Y.B. Sungai Dua, Y.B. Permatang Berangan, Y.B. Pinang Tunggal dan Y.B. Penaga. Dalam jadual 5.4 jelas dilihat kes No. 1 sampai No. 18 berlaku di KADUN Permatang Berangan. Kes No. 19, 21, 23 berlaku di KADUN Pinang Tunggal, manakala kes No. 20 adalah di KADUN Penaga. Kesemua 23 kes ini, kejadian bencana ini lewat dilaporkan oleh KADUN kawasan kepada JKM, SPU. Memang, memang ADUN di kawasan lena, tidur atau apa, tidak melaporkan, tidak melaporkan kepada JKM. Mengapa mereka tidak melaporkan kepada JKM, saya tak dapat jawab kerana mereka yang harus menjawab.

#### **Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Terima kasih Yang Berhormat daripada Sungai Puyu, memberi satu penjelasan yang begitu baik sekali. Memang daripada barisan *back bencher*, kita yakin tindakan yang sepatutnya akan diambil jika perkara ini telah di bawa kepada perhatian pihak Yang Berhormat dan kakitangan di bawah Exco Yang Berhormat. Kalau kita boleh melihat keadaan pihak pembangkang, tidaklah hairan perkara ini tidak di bawa kepada perhatian Exco Yang Berhormat, kerana kalau dalam persidangan Dewan Undangan Negeri pun mereka tidak mengendalikan tugas mereka dengan datang ke sini dan membawa perhatian masalah-masalah yang dihadapi oleh kawasan tempat mereka serta selalu mengikut dengan seolah-olah mereka hanya nak mengikut arahan oleh Ketua Pembangkang dan turut keluar daripada Dewan. Mereka langsung tidak mepedulikan manfaat yang akan diperolehi oleh penduduk di kawasan mereka dan juga amanah yang telah diberikan kepada mereka untuk membentangkan masalah-masalah di Dewan Yang Mulia ini. Tetapi hanya menurut serta dengan kata-kata atau arahan yang diberikan oleh Ketua Pembangkang. Jadi tidaklah hairan bahawa masalah-masalah di kawasan mereka itu diberi perhatian. Saya cuma berharap kalau boleh dalam pilihan raya akan datang ini mungkin penduduk-penduduk di kawasan tersebut akan sedar dan hampa dengan tindakan mereka, dan akan memilih wakil-wakil dari Pakatan Rakyat untuk mengambil alih semua kawasan-kawasan tersebut. Terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Penjelasan. Terima kasih Y.B. Sungai Puyu, Y.B. Timbalan Speaker yang saya hormati, saya bukan seperti Y.B. Sungai Puyu kata mewakili Y.B. Sungai Dua, sebenarnya saya beri peluang untuk Y.B. Sungai Puyu menjelaskan, sebenarnya nama baik untuk JKM, bukan JKM tidak buat kerja, kita semua tahu. Yang saya hairan itu, Y.B. Sungai Dua dia cuma kata di muka surat 67, dan di sebelahnya 66, yang semakin lama 57 hari baru ambil bantuan di tahun ketiga masa mereka perintah. Dia diam saja, sikit pun tak bunyi kan. Ini sebenarnya saya bagi peluang untuk kita dapatkan nama baik kepada portfolio Y.B. Sungai Puyu. Saya sengaja buat, ini peluang. Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Ya, Terima Kasih. Ini kata memang niat yang baik. Tetapi daripada Sungai Dua kemungkinan saya telah diperalatkan oleh dia dalam masalah-masalah UMNO. Saya telah diperalatkan kerana kemungkinan dia ada udang di sebalik batu, dia tahu, bukan dia tidak tahu. Dia telah membangkit beberapa masalah kerana ini datang dari kawasan-

kawasan UMNO, kemungkinan dalam UMNO dia ada puak-puak atau ada tak serupa, tak ngam atau apa mereka telah memperalatkan saya. Tetapi apa yang dibangkitkan dalam Dewan...(gangguan).

### **Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Minta laluan Yang Berhormat, saya minta maaf. Satu lagi penjelasan yang rasional adalah begini Yang Berhormat daripada Sungai Puyu, kalau kita lihat kemungkinan orang-orang yang terlibat itu adalah orang-orang daripada penyokong UMNO. Mungkin itu sebabnya mengapa perkara ini tidak di bawa ke perhatian. Itu adalah kemungkinan. Kemungkinan mereka adalah penyokong Parti Keadilan ataupun Parti PAS, ataupun Parti DAP, macam kawasan saya sendiri pun satu kesimpulan yang begitu jelas adalah kes nelayan, kita balik kepada kawasan Sungai Gelugor, Yang Berhormat dari Batu Maung pun tahu di mana daripada kumpulan yang diminta pindah dan sepatutnya menerima pampasan, 12 atau 13 orang nama yang menjadi ahli persatuan telah dibiarkan tidak diberi pampasan dan selepas kita menang pilihan raya, Pakatan Rakyat menerajui pimpinan Kerajaan Negeri barulah nama-nama yang tercicir ini dibawa kepada perhatian, mujur campur tangan Y.B. Batu Maung kita dapat memberi balik pampasan kepada mereka. Jadi, saya rasa yang Y.B. tidak perlulah kita buang masa dengan sandiwara ahli-ahli pembangkang kerana kemungkinan besar orang-orang yang memerlukan bantuan yang mendapat bantuan lewat itu adalah orang-orang bukan Ahli-ahli UMNO dan dengan sengaja ditinggalkan tanpa diberi bantuan. Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Kiang):**

Baik, terima kasih, memang *that's another school of talk* akan tetapi dia tiada dalam Dewan, tetapi apa yang dikatakan oleh ahli Y.B. daripada Padang Lalang memang betul kerana dalam kejadian berlaku dalam tahun 2007 seperti dilaporkan dalam jadual 5.3 menunjukkan masa siasatan bagi permohonan seperti untuk Ang Chai Hun 50 hari, untuk Fatimah binti Baharum 27 hari, untuk Ahmad Fauzi bin Alias 27 hari, Rosli bin Jusoh 70 hari, Ahmad Shukri bin Isma 57 hari dan berikutan apa yang saya telah siasat bukan kesilapan kakitangan JKN, ini semua adalah lewat dilaporkan selalunya dalam 24 jam atau 12 jam dapat disiapkan, sediakan siasatan akan tetapi apabila dilaporkan lewat amat sukar untuk mendapatkan bukti dan butiran daripada mangsa. Juga kena ada ambil gambar-gambar itulah kesulitan yang dihadapi oleh pegawai-pegawai dan itulah satu sebab mereka ambil sampai 17 hari untuk tahun 2008.

Berkenaan bencana alam yang juga dibangkitkan oleh ahli Y.B. Sungai Dua yang mengatakan mengapa Jawatankuasa Bencana Alam Daerah dan Negeri tidak mengadakan mesyuarat semasa berlaku kejadian banjir pada 9 dan 10 November. Nak mesyuarat ka atau nak panjangkan bantuan segera kepada mereka. Mengikut laporan tidak ada sesiapa pun baik pun JKKN atau JKKB atau ADUN yang melaporkan kejadian pada 11 November ini. Tidak ada sesiapa dan pada hari 11 November selepas menerima laporan daripada JKKN dan juga JKKB dan bukan daripada ADUN. JKM turun padang untuk membuka dewan untuk uruskan bantuan kepada mereka. Pada 9 dan 10 hari bulan langsung tak ada laporan bahawa ada banjir di sana dan hasil siasatan yang didapati bahawa pada hari itu tidak sampai satu tahap di mana mereka harus

dipindah kerana memang ada hujan tetapi bukan sampai satu tahap untuk mereka berpindah.

ADUN Telok Bahang menyoalkan pemberian air percuma kepada warga miskin apakah perkembangan dalam program ini. Memang Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBA) ada memberi bekalan air percuma kepada rakyat miskin melalui program pembangunan rakyat termiskin atau PPRT. Pengguna-pengguna yang

tersenarai dalam program ini menikmati bekalan air percuma sebanyak 30 liter atau RM8.60 sebulan. Penggunaan air yang melebihi 30 liter harus dibayar oleh pengguna sendiri sehingga bulan September 2009. Terdapat sebanyak 101 akaun pengguna yang berdaftar di bawah program ini dan sedang menikmati kemudahan tersebut dan saya merayu kepada semua Ahli-ahli Y.B. yang kawasan jika terdapat yang mana orang miskin tegar yang airnya mereka belum mendapat bantuan dari program ini, panjangkan kepada saya atau PBA supaya mereka nikmati program ini.

Sungai Dua juga membangkitkan satu perkara iaitu dalam laporan saya kepada dia berkenaan jumlah berapa orang miskin tegar di kawasanya tidak ada. Satu kali pun ada niat untuk *mislead* dia kerana semua yang disenaraikan dia walaupun jawapan kata 70. Banyak saya nak perbetulkan di Dewan yang mulia ini, ada 68 sahaja bukan 70, *typing error* dan di sana begitu jelas senarai 70 ada 2 daripada Sungai Puyu begitu jelas tidak ada satu kali pun ini hanya satu *typing error* sahaja. Dan saya di sini juga bila ada soal senarai miskin tegar saya tertarik diri bila dan selalunya ahli daripada pembangkang yang selalu sentiasa mengatakan bahawa program pembasmian miskin tegar belum berjaya dan selalunya dia rujuk pada satu senarai 464 keluarga yang sedang masih ada di Negeri Pulau Pinang yang ditarafkan sebagai miskin tegar. Ini adalah daripada senarai e-kasih. e-kasih adalah satu program yang dijalankan pada hujung tahun 2007 supaya BN untuk menghadapi cabaran dan pilihan raya umum di 2008. Kerana program ini dan senarai ini adalah sehingga Januari 2008. Selepas ini sudah hampir 2 tahun tidak ada apa tambahan dan siasatan. Saya seperti sesi yang lepas saya telah bagi tahu ahli Y.B. dari Penaga dan juga ahli Y.B. dari Sungai Dua laporan-laporan.

Di sini saya melaporkan pada Dewan yang mulia ini daripada siasatan saya jumlah 494 yang di senaraikan dalam e-kasih 222 adalah pendapatan melebihi PGK dan mereka tidak layak, 8 sedang diproses dan di siasat, 227 bantuan telah disalurkan, 32 tidak dapat dikesan dan sudah pindah keluar, 2 langsung tidak hendak, tidak ingin disiasat dan tidak bagi kerjasama, 3 telah meninggal. Saya juga ingin nak menarik perhatian Dewan yang mulia ini, e-kasih ialah program pilih kasih di mana telah menunjukkan bahawa Negeri Pulau Pinang untuk membantu orang miskin tegar dan orang miskin dan bila Kerajaan Negeri begitu ikhlas untuk bagi bantuan beras kepada orang golongan sasaran, Kerajaan Negeri telah menggunakan senarai-senarai yang telah disiasat oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kerajaan Pusat yang dipimpin oleh Barisan Nasional cuma ikut, mereka menggunakan apa, bukan senarai daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, mereka menggunakan dari program mereka tersohor ini menggunakan senarai daripada pemimpin-pemimpin Ahli-ahli Y.B. daripada Barisan Nasional. Ini juga telah membuktikan bahawa Barisan Nasional selalunya pilih kasih. Mereka jalankan tugas bukan mengikut dasar Kerajaan Negeri di mana kami mengatakan tidak ambil kira bangsa, agama dan fahaman politik. Barisan Nasional sehingga hari ini mereka belum berubah. Y.B. Dato' Speaker mereka belum berubah sikapnya hanya *champion* ....(dengan izin). Ingin saya merayu kepada rakyat Malaysia untuk tolong menolong Barisan Nasional bagi mereka masa supaya pergi satu sudut ingat untuk ingat balik sekali perangai-perangai mereka dalam pilihan raya akan datang.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Y.B. memang tepat apa yang Y.B. mengatakan program-program e-kasih ini adalah program-program yang memberi manfaat kepada Barisan Nasional khususnya kita kata kunci-kunci MIC dan saya tertarik kerana di kawasan saya itu kita mendapati di golongan orang-orang India yang mendapat bantuan, bukan orang India yang benar-benar memerlukan bantuan mendapat bantuan tapi ketua-ketua cawangan MIC Gelugor, setiausaha cawangan. Ahli-ahli cawangan MIC, adik beradik mereka, tok mereka,

nenek mereka semua mendapat bantuan. Jadi golongan-golongan yang sebenarnya memerlukan bantuan yang benar-benar daif yang memerlukan bantuan kewangan, bantuan kebajikan tidak memperoleh kewangan, mujurlah selepas Pakatan Rakyat mengambil alih kita mendapati golongan yang benar-benar memerlukan bantuan itu diberi bantuan. Terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Kiang):**

Ya, jikalau nak bantuan Barisan Nasional bagi dia peluang dan masa pilihan raya yang akan datang hapuskan mereka supaya mereka ada masa untuk pi satu sudut seperti orang Cina kata ...(bahasa Cina). Saya mohon sokong usul.

#### **Ahli Kawasan Batu Lanchang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):**

Y.B. Dato' Speaker, terima kasih saya ucapkan bagi saya mengambil bahagian untuk ucapan penggulungan saya. Sejak George Town disenaraikan sebagai sebuah tapak warisan dunia oleh UNESCO pada 7 Julai 2008 tahun lepas industri pelancongan Pulau Pinang semakin berkembang dan berbanding dengan tahun 2007. Jumlah pelancong yang melawat Pulau Pinang telah meningkat dari 5.1 juta ke 6.3 juta pada tahun 2008. Malah tahun ini angka terbaru bagi jumlah pelancong yang melawat Pulau Pinang sehingga bulan Mac adalah 1.34 juta berbanding dengan jumlah sehingga bulan Mac pada tahun 2008 iaitu 1.25 juta orang pelancong. Ini mencatatkan peningkatan sebanyak 7.21% jika dibandingkan dengan Melaka. Pulau Pinang telah mencatatkan peningkatan serta jumlah pelancong yang amat tinggi.

Jumlah pelancong ke Melaka dari bulan Januari hingga Mac adalah seramai 765.304 orang. Tahun lepas dari bulan Januari hingga Mac Melaka telah dikunjungi oleh seramai 759,279 pelancong. Perbezaan dari segi peningkatan jumlah pelancong ke Melaka pada tahun 2008 dan 2009 dari Januari hingga Mac hanya adalah sebanyak 0.79%. Pada bulan Disember tahun lepas majalah *Travel and Leisure* ...(dengan izin), dari Amerika Syarikat telah menyenaraikan Pulau Pinang sebagai salah satu pulau yang terbaik di rantau Asia untuk dilawati. Pada bulan Januari tahun ini, pembaca *The New York Times* telah memilih, melalui undian pilihan pembaca, Pulau Pinang sebagai destinasi kedua terbaik di antara 44 tempat yang mesti dilawati pada tahun 2009 dalam kategori makanan enak. Sejurus itu, pada bulan April tahun ini, George Town juga sekali lagi berjaya menduduki tangga ke 10 dalam kajian penilaian lokasi oleh *ECA International* di mana George Town telah menjadi antara destinasi pilihan orang Eropah yang ingin bekerja dan tinggal di Asia kerana mereka boleh menikmati kos kehidupan yang agak rendah dan selesa dengan adanya pelbagai kemudahan moden seperti di bandar raya-bandar raya membangun lain, dan pada 13hb. Ogos yang lalu sebuah rencana berbentuk berita tentang kejayaan Industri Pelancongan Perubatan Pulau Pinang telah disiarkan dalam slot berita CNBC. Kerajaan Pulau Pinang sebagai Negeri yang menyumbang dua pertiga daripada pendapatan seluruh Negara dalam sektor pelancongan perubatan iaitu sebanyak lebih kurang RM250 juta adalah sesuatu yang amat membanggakan kepada Pulau Pinang.



Sebuah stesen televisyen dari Negara Jerman telah datang ke Pulau Pinang dari 15hb. hingga 20hb. September tahun ini untuk pembikinan dokumentari tentang warisan Pulau Pinang. Dokumentari 15 minit panjang tersebut yang merangkumi warisan Pulau Pinang dan Melaka telah dijadualkan untuk disiarkan di Negara Jerman pada pertengahan bulan Disember tahun ini. Pembikinan dokumentari ini merupakan usaha sama syarikat televisyen Jerman tersebut dengan pihak UNESCO. Y.B. Timbalan Speaker, Sejak pengiktirafan UNESCO, kegiatan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Yang Berhormat, saya tertarik dengan apa yang telah diberitahu berkenaan dengan rencana-rencana yang diambil dari penerbitan televisyen-televisyen dari luar Negara tetapi sejak kebelakangan ini saya mendapati bila menonton televisyen kita sendirilah, kita dapati kurang liputan diberikan dalam TV3, memang TV3 itu agenda dia untuk sabotaj Pakatan, itu lain isu tetapi berkenaan dengan RTM TV 1, TV2, TV3 saya lihat tidak ada langsung apa-apa rencana untuk mempromosikan Pulau Pinang sebagai satu destinasi pelancongan yang terulung bukan sahaja dalam Negara, tetapi di luar Negara juga. Adakah ini menunjukkan bahawa Kementerian Pelancongan sengaja ingin mengurangkan kadar pelancong yang datang di Negeri ini dan adakah ia memberi apa-apa kesan negatif kepada pelancong-pelancong atau Industri Pelancong Pulau Pinang, terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Lintang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):**

Terima kasih kepada Y.B. Seri Delima, memang kita setuju bahawa TV stesen di Negara kita kurang mempamerkan atau mempromosikan Pulau Pinang dan bukan TV Stesen sahaja dari segi publisiti termasuk risalah-risalah pun tidak termasuk Pulau Pinang agak kurang bukan tidak ada tetapi agak kurangnya dan di seluruh Negara di mana ada *Tourism Malaysia Office* juga kalau risalah-risalah dari Pulau Pinang agak kurang juga dan dari segi memang banyaklah kita memang agak dipinggirkan, jadi diri kita mesti usaha sendiri, kita kena usaha seperti mempromosi Pulau Pinang ke luar Negara, jadi keraplah kita kena pameran promosi di luar Negara supaya mereka tahu bukan sahaja di Kuala Lumpur sahaja atau Langkawi, tetapi kita kena membuat lebih promosi untuk Pulau Pinang.

Y.B. Timbalan Speaker, sejak pengiktirafan UNESCO kegiatan MICE iaitu Meeting, Incentives, Convention dan Events ....(dengan izin), semakin meningkat. Pada tahun ini sahaja, pelbagai kumpulan dari serata dunia telah memilih Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan untuk tujuan MICE. Antara kumpulan yang besar adalah seperti kumpulan AMWAY, FAM daripada Negara Taiwan, Publisiti dari seluruh dunia dan banyak lagi serta lawatan agensi pelancongan serta lembaga atau badan penggalak pelancongan dari luar Negara seperti Taiwan, Negara China, Vietnam, India dan Rusia juga datang ke Pulau Pinang. Mengenai kapal pelayaran dari Negara Jerman telah juga membuat 3 lawatan ke Pulau Pinang mulai bulan November dan ini akan disusuli dengan 9 lagi lawatan ke Pulau Pinang dari bulan Disember sehingga ke bulan April tahun depan. Secara keseluruhan, seramai 14,400 pelancongan akan mengikuti kapal pelayaran Jerman ini dan setiap pelancong juga diberi brosur-brosur, termasuk brosur yang telah diterjemahkan ke bahasa Jerman. Kapal pelayaran pelancong Queen Mary II telah dijadualkan untuk membawa 6,500 pelancong melawat Pulau Pinang pada 4hb Februari tahun depan. Ini merupakan kali pertama kapal pelayaran besar ini melawat Pulau Pinang. Kapal pelayaran ini akan berlayar selama 108 hari bertolak dari United Kingdom kemudiannya ke Mesir dan juga ke negara-negara lain seperti Thailand dan Singapura.

Y.B. Timbalan Speaker, terdapat juga penerbangan tempah khas iaitu *chartered flight* yang membawa pelancong ke Pulau Pinang iaitu pelancong dari Finland. Tahun lepas pelancong dari Finland telah menempah penerbangan khas dari bulan November 2008 hingga Mac 2009. Oleh kerana lawatan pelancong Finland ke Pulau Pinang merupakan sesuatu yang dilaksanakan dengan amat berjaya, tujuh lagi penerbangan tempahan khas telah dijadualkan untuk bermula dari bulan Disember tahun ini hingga ke bulan Mac tahun depan. Setiap kumpulan pelancong akan berada di Pulau Pinang lebih kurang untuk jangka masa dua minggu dan mereka akan melawat Negeri-negeri yang berdekatan juga. Ini akan membawa manfaat kepada pengusaha pelbagai industri kerana

pelancong Finland akan membelanjakan wang kerana kos perbelanjaan adalah agak rendah untuk bercuti di Pulau Pinang dan Finland juga merupakan Negara yang terkaya di dunia. Memandangkan potensi menarik pelancong Finland ke Pulau Pinang, Kerajaan Negeri akan mempromosikan *Visit Penang Year* di Helsinki dan di Finland pada bulan Januari tahun depan.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, Kerajaan Negeri juga menjadikan Pulau Pinang destinasi pilihan pelancong pada peringkat antarabangsa dengan memperkenalkan pelbagai insentif baru. Antara program yang diperkenalkan adalah program *Visit Penang Year*. Program *Visit Penang Year* merupakan sebuah kempen yang bertujuan untuk memperkembangkan lagi industri pelancong Pulau Pinang. Program ini akan berlangsung untuk jangka masa tiga tahun kerana Kerajaan Negeri ingin memberi peluang dan masa secukupnya pengusaha-pengusaha industri pelancong untuk turut merancang dan menyediakan pakej-pakej serta produk-produk kompetitif dengan destinasi pelancongan yang lain agar dapat menarik lebih ramai pelancong ke Negeri Pulau Pinang.

Tambahan pula dengan jangka masa tiga tahun adalah mencukupi bagi memastikan kempen ini tidak tertumpu sahaja di rantau tertentu malah di seluruh pelosok dunia. Program *Visit Penang Year* tidak dilancar di luar Pulau Pinang namun pelbagai usaha mempromosikan program *Visit Penang Year* di luar Pulau Pinang dilakukan melalui risalah-risalah, video promosi pelancongan dan banyak lagi ketika Kerajaan Negeri menyertai pameran-pameran serta ekspo-ekspo pelancongan di dalam dan luar Negara. Untuk menjayakan program *Visit Penang Year* serta untuk mempertingkatkan lagi industri pelancongan Pulau Pinang, sememangnya perlu ada pembangunan lagi dari segi persediaan infrastruktur, kemudahan-kemudahan awam serta pelancongan. Malah kerana Kerajaan Negeri sedar akan kepentingan pembangunan infrastruktur serta perlunya menaik taraf infrastruktur yang sedia ada, program *Visit Penang Year* telah dirancang untuk jangka masa tiga tahun. Ini membolehkan usaha memperkasa dan membangunkan industri pelancongan Pulau Pinang serentak dengan pelaksanaan pembangunan infrastruktur serta menaik taraf infrastruktur yang sedia ada yang kebanyakannya dilaksanakan secara berperingkat.

Y.B. Timbalan Speaker, sepertimana yang kita sedia maklum antara produk Pelancongan Pulau Pinang termasuklah tempat-tempat tarikan pelancongan yang sedia ada di Pulau Pinang termasuk kawasan Seberang Perai Selatan dan Seberang Perai Tengah. Kerajaan Negeri tidak leka mempromosikan tempat-tempat menarik tersebut dan semua maklumat penting bagi para pelancong adalah tersedia di dalam pelbagai risalah dan brosur yang juga telah di terjemah ke pelbagai bahasa. Namun demikian, antara produk pelancongan yang Kerajaan Negeri sedang giat mempromosikan adalah George Town, Tapak Warisan Dunia UNESCO yang sememangnya merupakan tarikan utama bagi para pelancong. Selain itu Kerajaan Negeri juga telah giat menaik taraf imej serta perkhidmatan beca iaitu salah satu ikon Pulau Pinang agar ia tidak luput ditelan zaman pemodenan. Sebanyak 100 beca dibaiki dan penarik beca juga disediakan

kemudahan untuk meletakkan beca mereka serta kemudahan untuk berehat dan mandi agar perkhidmatan yang diberi kepada para pelancong dapat ditingkatkan dan kerana terdapat ramai daripada penarik beca yang tinggal berjauhan dari kawasan-kawasan di mana para pelancong ingin menaiki beca. Y.B. Timbalan Speaker, sepertimana kita semua maklum, Pulau Pinang memang terkenal dengan makanan yang enak berbilang bangsa.

#### **Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Minta penjelasan, terima kasih Y.B. Batu Lancang dan saya ingin hendak tahu berapa puluh tahun sejak ada di sini semua pelancong yang penting-penting semua cuma di bahagian Pulau, (*Island*). Adakah Kerajaan Negeri sedia mempertingkatkan tempat-tempat pelancongan di Seberang Perai termasuk SPT, SPU dan jangan lupa yang selalu kita pertikai oleh Y.B. Jawi sebagai anak tiri di Seberang Perai Selatan. Saya harap-harap jangan lupa pelancongan boleh ditingkatkan atau pun banyakan cadangan di bahagian Seberang Perai, terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):**

Kita memang tidak pinggirkan tempat peranginan di Seberang Perai Utara, SPT atau SPS di mana tempat-tempat peranginan telah diletakkan di dalam risalah kita juga dan banyak agensi-agensi pelancongan juga membawa pelancong ke tempat-tempat tersebut seperti Sungai Kerian di mana terdapat kelip-kelip, *fire fly* ....(dengan izin), dan juga makanan enak di Tambun memang termasyhur sekali di Pulau Pinang.

Baru-baru ini kita ada satu undian daripada *visit Penang web side* di mana Seng Eng dipilih salah satu daripada 12 tempat destinasi tempat yang paling diminati. Jadi Seng Eng ada *Celebration* Seng Heng iaitu pada akhir bulan Julai, di mana ramai orang lebih daripada satu juta hingga dua juta yang melawat ke Seng Eng di mana semua hotel-hotel bukan sahaja di pulau, di seberang atau di Negeri Kedah juga dipenuhi dengan pelancong-pelancong. Jadi kita tahu bukan sahaja tempat peranginan dapat menarik pelancong-pelancong ke pulau tetapi juga pelancong-pelancong dari luar Negara, luar Negeri datang juga ke Seberang Perai termasuk Seberang Perai Tengah untuk menyambut Seng Eng....(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):**

Tolong berikan laluan sekejap, soal pelancongan, tajuk ini saya juga berminat, sebab apa yang disampaikan oleh Y.B. kita sebentar tadi, berjuta orang datang ke Pulau Pinang untuk membuat lawatan pada tahun 2008. Boleh dikatakan kebanyakan pelancong tertumpu di kawasan pulau sahaja. Ini tidak mendatangkan faedah kawasan seberang sana, kerana kawasan kita di sana, kita hendak mengejar standard Pulau Pinang kita, tetapi Pulau Pinang telah sampai ke internasional.

Apa yang saya nampak di dalam bajet kita baru-baru ini, semua tidak menyentuh langsung pembangunan pelancongan di kawasan Seberang Perai sana. Saya berharap Kerajaan membuat pembangunan yang seimbang bagi membolehkan rakyat menikmati faedah daripada pelancong dalam Negeri Pulau Pinang kita. Jadi saya berharap orang ramai menuduh kita Kerajaan lama menganaktirikan Seberang Perai Selatan, menganaktirikan kawasan Jawi kerana Jawi yang ada satu tong sampah besar sahaja. Jadi kalau kita hendak membawa orang pergi ke Jawi nampak tong sampah untuk apa?, betul tidak. Kalau boleh saya minta jasa baik pihak Kerajaan kita supaya menghulurkan

wang pembangunan kepada pembangunan di Sungai Kerian, sebab Sungai Kerian memang berpotensi untuk sebagai kawasan pelancongan alam semula jadi bagi masa hadapan.

Saya rasa kalau kita tumpukan pembangunan kepada bandar-bandar sahaja, itu tidak memadai, sebab kalau tempat pelancongan semula jadi tidak dibangunkan ini bermakna, orang putih telah biasa hidup di bandar, tidak mungkin kita hendak membangunkan bandar juga dan memang perlulah kita bangunkan tetapi bangun secara sama rata di kawasan dan dalam Negeri Pulau Pinang. Itu sahaja, terima kasih.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Sedikit sahaja Y.B., Saya cuma dan tidak bertikam lidah dengan Y.B. Jawi katakan tidak ada pelancong di kawasan Seri Delima bukan itu, itu masalah Jawi. Apa yang saya hendak menarik perhatian ialah kita juga ada Pulau Jerejak di Pulau Pinang, tempatnya indah dan banyak aktiviti yang telah pihak pemaju menyediakan di kawasan itu. Kita sendiri telah ke tempat itu telah beberapa kali dan Yang Berhormat pun telah ke itu beberapa kali, beberapa rancangan, kem-kem kerajaan pun juga diadakan di situ tempat yang indah, cuma saya rasa tidak ada promosi di berikan dan kita juga melihat semasa kita menaiki bot ke situ banyak sampah sarap yang sedang ada di atas laut. Jadi kita harus memberi perhatian kepada Pulau Jerejak sebagai satu lagi destinasi pelancongan selain daripada Pulau Pinang sendiri kerana tempat itu sunyi, senyap dan memang satu tempat yang tidak ada gangguan. Selain daripada itu juga mungkin kita harus memberikan perhatian kepada Kuan In, di Kek Lok Si menjadi satu tarikan kerana saya dapati pavilion yang baru-baru telah didirikan itu begitu menarik pada waktu malam, bila lampu itu dipasang. Itu juga boleh dijadikan salah satu tempat destinasi yang boleh dipromosikan dalam apa-apa risalah-risalah yang disediakan oleh Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Minta laluan. Terima kepada Seri Delima kerana membangkitkan Pantai Jerejak dan dia pun dianaktirikan, walau pun mempunyai potensi yang cukup besar seperti tempat-tempat lain seperti Sentosa Island dan sebagainya. Jadi saya rasa dia ada potensi yang cukup besar, saya hendak tahu rancangan Kerajaan Negeri untuk membangunkan tempat itu. Saya rasa ini adalah tempat yang paling strategik selepas George Town dan Pulau Jerejak dan saya juga ingin minta perhatian dan saya hendak tahu perancangan kerana pulau itu telah lama dan mengatakan ada ura-ura pembangunan ini, ada projek ini, ada projek itu, tetapi langsung tidak ada apa-apa sekarang. Satu lagi adalah dibangkitkan sampah oleh beliau, iaitu sampah yang cukup teruk, kita semua ADUN pernah pergi ke sana dan kita nampak sampah hanyut, bagaimana kita boleh menarik pelancong kalau *first impression*, sebelum pergi ke sana kita sudah nampak sampah sana sini. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Y.B. minta maaf, saya tahu ini peluang Y.B. hendak menggulung, tetapi saya cuma ingin memberikan satu pandangan. Kita perlu menjaga supaya pembangunan di atas Pulau Jerejak itu adalah tidak melampau, kerana kita melalui di Jambatan Pulau Pinang kita lihat telah ada jentera tolak dan jentera masuk melakukan kerja-kerja tanah di atas itu, saya kurang pasti apakah kemajuan yang akan dilakukan di situ, tetapi saya cuma menarik perhatian di situ memang mempunyai potensi yang begitu baik untuk dijadikan tahap *e-tourism*, kalau pembangunan keterlaluan di atas pulau tersebut mungkin menjahanamkan insentif kerajaan untuk mempromosikan tempat *e-tourism*. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Minta laluan dan saya ucapkan terima kasih, Y.B. Seri Delima bangkitkan isu tentang pembangunan di Pulau Jerejak. Tempat itu adalah *water tank*, tangki air untuk PBA, tetapi sekarang saya hendak bertanya nanti ADUN Bagan Jermal, apakah statusnya, kerana sudah lama terbiar dan ini memang adalah satu "sakit mata", *I dont under stand*, kenapa kita adakan tangki air, sebenarnya dia adalah satu pulau yang natural dan sebagainya. Sepatutnya menarik pelancongan, kenapa membina tangki air di sana. Ini lah Barisan Nasional yang tidak berpandangan jauh, *is a ridiculous, stupid*. Terima kasih. Saya tarik balik.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):**

Y.B. Tuan Speaker, saya pun tidak tahu hendak menjawab dari mula dan dari mana...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Yang Berhormat, tidak perlu berikan jawapan, cuma kita pasti Y.B. akan memberi satu inisiatif seratus peratus, tidak perlu apa-apa jawapan cuma minta kalau tindakan susulan yang akan diambil itu diberi perhatian.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):**

Dari segi Seberang Perai atau Seberang Perai Tengah atau Pulau Jerejak, yang pentingnya adalah peruntukan dalam RMKe-10 meminta RM10 juta daripada Kementerian supaya dapat peruntukan ini dan sekiranya kita dapat peruntukkan RM10 juta kita memang boleh membuat sesuatu untuk pembangunan pelancongan. Jadi bukan sahaja di Pulau, banyak destinasi pun dipinggirkan kerana kesuntukan peruntukkan, dan bukan pulau sahaja yang dapat pelancong luar Negara, seperti saya kata Seng Eng semasa festival Seng Eng pun menarik lebih ramai pelancong Seberang Perai juga hanya seperti *flayer click* juga menarik pelancong-pelancong Jepun, Europe, dan Australia pun pergi ke sana tetapi memang kurang. Dari segi semula jadi bukan sahaja kita hendak lakukan untuk mendapat ramai lagi, seperti sekarang ini tapak UNESCO, kita dapat status ini dan sekarang ramai yang datang.

Apabila mereka datang ke sini mereka akan melawat tempat-tempat yang lain bukan sahaja tempat ini, so akan manfaat ke tempat-tempat lain juga, dan satu masalah mengenai Pulau Jerejak adalah Pulau Jerejak sekarang ini diuruskan satu syarikat swasta di mana 51% adalah dipegang oleh UDA dan 49% adalah dipegang oleh PDC. Jadi syarikat itu adalah bertanggungjawab untuk mempromosikan Pulau Jerejak, so jadi memang ada masalah sedikit untuk mempromosikan Pulau Jerejak...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Y.B. ....(dengan izin), apa masalah yang sebenarnya yang dihadapi Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):**

Kerana 51% adalah di pegang oleh UDA, UDA adalah agensi Kementerian, so bukan sahaja PDC yang boleh membuat semua keputusan, so kita kena ada persetujuan daripada pihak UDA juga, memang bukan semua rancangan seperti ini dan saya juga tidak puas hati bahawa dahulu semua pelancong boleh naik kapal dengan tambang pergi dan balik RM6.00, sekarang tidak boleh lagi, sekarang kena bayar satu pakej baru boleh

bawa pelancong ke pulau ini. Jadi kalau kos yang tinggi memang akan menghalang pelancong melawat ke Pulau Jerejak...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Minta laluan, maksudnya Y.B. terdapat tindakan-tindakan UDA untuk secara tidak langsung membantutkan promosi UDA, adakah itu yang dimasukkan oleh Yang Berhormat, kalau begitulah tindakan oleh pihak UDA yang merupakan satu agensi Kerajaan Persekutuan, adakah ini bermaksud mereka sengaja cuba menghalang langkah-langkah yang boleh mempromosikan lebih Pulau Jerejak sebagai destinasi

pelancongan dan mengapa mereka berbuat demikian, kerana seharusnya promosi ini harus dijalankan kerana bila kita melakukan promosi ia juga akan memberikan peluang untuk penduduk-penduduk di Pulau Pinang untuk bekerja. Banyak pemuda di sini tidak boleh bekerja dan mereka juga boleh bekerja di situ dan kalau kita ada ramai pelancong yang datang ke Pulau Jerejak ianya merupakan satu kemajuan di mana banyak lagi tempat-tempat peranginan boleh dibina di situ dan secara tidak langsung ia akan memberikan peluang pekerjaan. Jadi ini merupakan satu sabotaj yang begitu jelas yang dilakukan oleh UDA untuk membantutkan kedatangan pelancong ke Pulau Jerejak. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Lintang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):**

Saya tidak menyatakan agensi ini sabotaj kerana mereka ada juga membuat promosi tetapi saya boleh nampak agak *slow* jika dibandingkan dengan promosi mereka, jadi kita harap Island Teropika Resort, syarikat ini boleh lebih giat berusaha supaya mempromosikan Pulau Jerejak. Ini bukan sahaja dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri sahaja, kita juga bergantung kepada agensi persekutuan.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Terima kasih Y.B. Batu Lintang, saya hendak minta kalau boleh PDC atau Kerajaan Negeri Pulau Pinang, *buy back 2% syer* daripada UDA, mengapa kita selalu kena kontrol, ini adalah *State* kita dan kita hendak mempromosikan Pulau Jerejak, *two percent buy back we* tukar *trend and measurement*. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):**

Minta laluan, baru saya sedar, disedarkan bahawa Pulau Jerejak, seharusnya tanah itu, tanah urusan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, jadi bagaimana 51% boleh didapati oleh UDA dan 49%. Bolehkah nyatakan perkembangannya.

**Ahli Kawasan Batu Lintang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):**

Y.B. Tanjung Bunga, saya kurang jelas, adakah soalnya, kalau tidak ada soalan saya teruskan.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):**

Saya tidak bertanya lagi.

**Ahli Kawasan Batu Lintang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):**

Terima kasih Y.B. Tanjung Bunga dan untuk menghabiskan penggulungan saya, seperti saya katakan tadi kita memang....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Minta laluan Yang Berhormat, saya tadi tanya apakah perancangan untuk pembangunan di Pulau Jerejak? Apakah yang akan dilakukan di sana, Yang Berhormat belum bagi penjelasan. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):**

Saya tak dapat bagi jawapan, kerana kita bergantung kepada syarikat itu juga kerana memang ada cadangan untuk membeli syer supaya PDC dapat lebih banyak syer tapi ini dalam usaha. So memang mereka mempunyai Pulau Jerejak ini mempunyai banyak pembangunan yang baru seperti spa, pakej-pakej hotel stay tapi mungkin promosi agak kurang seperti tadi saya kata mungkin mereka patut lebih buat sesuatu dalam promosi dan mungkin kena *justified* bukan terlalu tinggi seperti tambang, kalau tambang nak pergi satu kali RM50.00 lebih tetapi bukan seperti dahulu membenarkan sesiapa yang boleh pergi balik dengan tambang RM6.00 mungkin itu agak halang pelancong yang pergi melawat sana. Sekiranya...(gangguan), pelancong satu atau dua atau sepuluh yang tidak mahu pergi mereka akan buat publisiti yang buruk kepada kawan-kawan atau mana so ini saya pun sudah jelaskan kepada mereka.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) :**

Yang Berhormat, adakah UDA menyalahi, melanggar undang-undang kerana mereka memonopoli jeti-jeti untuk berulang-alik di Pulau Jerejak, adakah mereka langgar undang-undang kerana ini adalah dibina oleh Kerajaan Negeri untuk penduduk Pulau Pinang bukan untuk pakej-pakej pelancong sahaja.

**Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):**

Yang Berhormat, minta laluan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Yang Berhormat, saya cuma nak tahu siapakah yang sebenarnya yang memberikan kontrak ini kepada pihak UDA, adakah Barisan Nasional dan kita ada penduduk-penduduk di Pulau Pinang yang bukannya semua mempunyai kebolehan untuk membeli tiket RM50.00, jika saya adalah seorang yang bekerja di kilang dan pada hari Ahad hari Sabtu saya nak bawa anak-anak saya untuk beristirahat tak payahlah saya pergi ke Langkawi dan sebagainya, cuma ke Pulau Jerejak. Bagaimanakah kita boleh membenarkan pihak UDA untuk memonopoli dan mengenakan bayaran yang begitu tinggi, sepatutnya perkara ini diberi perhatian. Dan saya mencadangkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang supaya mengambil alih kalau boleh menggunakan apa-apa lunas undang-undang, bentuk kuasa mengambil alih supaya rakyat Pulau Pinang yang tinggal di Pulau Pinang yang miskin dan sebagainya yang tidak berkemampuan juga boleh pergi beristirahat di situ. Jangan benarkan pihak UDA yang merupakan agensi Kerajaan Persekutuan memonopoli dan menyusahkan rakyat Pulau Pinang. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tan Cheong Heng):**

Penjelasan, cuma tanya satu sahaja, saya ingin nak tanya UDA yang monopoli kontrak ini adakah ada tempoh? dan tempoh itu sehingga bila? Adakah dia ada tempoh?

**Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):**

Setahu saya memang perjanjian tak lama yang dibuat oleh Kerajaan Negeri lama. Bukan sahaja kontrak itu sahaja dan juga tanah juga disewa dengan pajakan yang terlalu panjang masa, so kita cubalah apa yang kita boleh untuk kita usahakan untuk membincang dengan mereka supaya Pulau Jerejak ini dapat dikembalikan dengan lebih menarik untuk semua pihak pelancong ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):**

Minta penjelasan Yang Berhormat, minta penjelasan ....(gangguan).

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat saya ingat tentang hal Pulau Jerejak lebih baik kita ada satu sesi dialog dan buang masa Dewan ini okey....(gangguan), habiskan dan .... (gangguan),

**Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):**

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya setuju dan saya akan aturkan satu taklimat mengenai Pulau Jerejak dan harap semua Yang Berhormat yang membangkitkan soalan ini kena hadir.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):**

Penjelasan, penjelasan, Yang Berhormat, penjelasan, saya minta penjelasan adakah Kerajaan Persekutuan bantu di dalam usaha membersihkan pantai-pantai dan kawasan pantai khususnya Pulau Jerejak dan kawasan pantai sekeliling Pulau Pinang, sebab pantai-pantai begitu kotor sekali. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):**

Soalan terlepas, Yang Berhormat Exco menjawab ini, sudah terlepas yang Y.B. .... (gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):**

Sebab, Yang Berhormat, sebab ia melibatkan pelancongan, bila pelancong datang dia tengok pantai kita kotor.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):**

Memang ada peruntukkan tetapi bukan senang nak habiskan kekotoran di pinggir pantai bukan senang, kita akan harap Exco JPS yang akan usaha untuk membersihkan tepi pantai, kekotoran ini di tepi pantai. Dan akhir sekali dalam tajuk saya mengenai dengan makanan yang enak berbilang bangsa. Baru-baru ini Lembaga Pelancongan Macau telah menjemput Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengambil bahagian dalam pesta makanan antarabangsa tahunan mereka di Macau kerana mereka yakin makanan Pulau Pinang akan mendapat sambutan yang hebat memandangkan betapa terkenalnya keenakan makanan Pulau Pinang. Kita telah menghantar 30 penjaja makanan termasuk penjaja makanan halal untuk menyertai program anjuran Kerajaan Macau dan ianya



berlangsung dengan jayanya malah kita difahamkan bahawa dalam jangka masa 17 hari tersebut penjaja-penjaja tersebut telah menjual makanan yang bernilai banyak lebih kurang 900,000 Macau Dollar. Dan lebih kurang 20% daripada jualan tersebut disalurkan kepada pihak penganjur. Ini bermaksud memang pameran makanan kita di Macau memang agak berjaya lah. Melihat kepada betapa pentingnya makanan Pulau Pinang berperanan untuk membangunkan industri pelancongan serta ekonomi Negeri. Kerajaan Negeri bercadang untuk menganjurkan Pesta Makanan Pulau Pinang pada 13 dan 14 Mac tahun depan bersama-sama dengan *Go-Kart* dan akan dianjurkan di perkarangan sekitar Fort Cornwallis, George Town, jadi sekian, terima kasih, saya memohon untuk menyokong.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan sekarang, dan akan disambung semula pada jam 2.15 petang ini.

***Dewan ditangguhkan pada jam 1.30 tengah hari.***

***Dewan bersidang semula pada jam 2.30 petang.***

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula. Dipersilakan Y.B. Bagan Jermal.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):**

Terima kasih Y.B. Tuan Timbalan Speaker. Saya mengucapkan terima kasih atas ucapan Y.B. Telok Bahang, Pantai Jerejak, KOMTAR, Jawi, Paya Terubong, Sungai Dua dan Bagan Dalam di mana Yang Berhormat berkenaan ada sepintas lalu menyentuh perkara-perkara mengenai portfolio saya. Y.B. Telok Bahang ada menyentuh bahawa Pulau Pinang adalah satu Negeri *water stress* dan perlu merancang dengan berhati-hati supaya dapat menangani kemelut ini. Kerajaan Negeri memang faham akan masalah ini dan berbagai langkah dan strategik telah dirancang dan dilaksanakan secara berperingkat. Antaranya ialah pertama pembesaran Empangan Mengkuang. Projek ini terdiri dari dua pakej iaitu pakej satu, membesar dan meninggikan empangan ini supaya kapasiti sedia ada 23.60 juta meter padu ditingkatkan kepada 86.40 juta meter padu. Pada masa ini proses pengambilan tanah telah dekat selesai. Perundingan antara Kerajaan Pusat dengan China International Water and Electric Corporation Sdn Bhd masih dijalankan dan dijangka selesai tidak lama lagi. Pakej kedua adalah pembinaan rumah pam dan pemasangan paip-paip hantaran dan pakej ini akan dibuka tender kepada syarikat-syarikat tempatan. Keseluruhan projek ini akan disiapkan pada 2014 dengan kos RM955 juta.

Langkah kedua adalah untuk mengatasi air tak berhasil iaitu *Non Revenue Water (NRW)*. Pihak Berkuasa Air telah berusaha sedaya upaya mengurangkan kehilangan air kerana kebocoran paip pecah. Pada tahun 2000, peratusan NRW adalah 23.3%. Pada tahun 2008 ia berjaya diturunkan kepada 16.9%. Ini adalah satu penjimatan yang besar. 1% NRW bersamaan dengan 2.72 bilion liter air dengan nilai RM1.7 juta, jadi penurunan 6.4% adalah penjimatan lebih kurang 10.88 juta. Usaha akan diteruskan supaya dapat menurunkan lagi kadar NRW.

Langkah ketiga iaitu *Water Conservation*. Pada masa sekarang, purata seorang pengguna menggunakan 285 liter air sehari. Di Singapura, penggunaan puratanya adalah 157 liter sehari dan di Hong Kong adalah sebanyak 219 liter air sehari. Adalah disasarkan supaya pengurangan 10% atas penggunaan pada masa sekarang iaitu dengan kadar 257 liter air sehari seorang. Demi untuk menjayakan kempen ini, kemungkinan besar PBA akan menghadkan penggunaan sekeluarga sebulan kepada 270 meter padu dan selepas had ini ia akan dikenakan satu caj yang lebih tinggi mulai tahun depan.

Langkah keempat, kerajaan juga ada rancangan untuk mendapatkan bekalan air mentah dari Sungai Kerian di sempadan Negeri Perak dan juga mengatasi pencemaran Sungai Perai supaya airnya dapat diproses untuk kegunaan.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, saya ingin menjawab soalan dari Y.B. Telok Bahang dan Pantai Jerejak di mana mereka menyentuh berkenaan dengan monorel. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan perbincangan pada 24 November 2009 di PDC, Syarikat M-rail memaklumkan bahawa mereka memerlukan tapak kilang seluas antara 30-40 ekar untuk pemasangan atau *assembly* gerabak monorel, sementara pembinaan gerabak akan dibuat di China. Dalam tapak tersebut, akan dibina *test track* untuk membuat ujian gerabak-gerabak yang dipasang. Apabila terdapat pembeli monorel dari Negara-negara luar, maka pembeli-pembeli akan dibawa membuat ujian gerabak di atas *test track* ini. Syarikat M-rail memaklumkan bahawa projek ini bukan untuk projek monorel Pulau Pinang tetapi merupakan kilang pemasangan gerabak dan *test track* untuk pembeli-pembeli dari luar Negara dengan penjenamaan Malaysia. Berdasarkan maklumat PDC ini, projek ini merupakan projek kilang pemasangan gerabak monorel dan *test track* sahaja dan bukan projek monorel untuk penumpang-penumpang atau *public transport*. Oleh itu isu mengenai *rideship* tidak timbul. Penjualan tanah kilang tidak dibuat secara terbuka tetapi berdasarkan permohonan yang diterima. Walau bagaimanapun, permohonan tersebut masih di peringkat *enquiry* sahaja dan tiada keputusan yang dibuat oleh PDC setakat ini. Borang permohonan tanah kilang juga masih belum diisi, maklumat-maklumat mengenai kos projek, fasa pembangunan, keperluan tenaga elektrik dan lain-lain infrastruktur masih belum dimaklumkan.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, Y.B. Paya Terubong ada menyentuh mengenai Terminal Kargo Bersepadu dan juga pembinaan LCCT di Bayan Lepas. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri bercadang untuk mewujudkan *Integrated Cargo Terminal* di Pulau Pinang bagi mengendalikan perkhidmatan kargo di bawah satu pengurusan kargo yang berkesan. Anggaran kos sejumlah RM500.00 juta dipohon pada Mei 2009 bagi merealisasikan cadangan ini. Berikut ialah komponen projek atau perkara-perkara yang dicadangkan bagi penubuhan Terminal Kargo Bersepadu tersebut.

- (a) Sistem keselamatan kawasan terminal kargo yang canggih dan bersepadu.
- (b) *Airside* dan *runway* yang khusus untuk muatan kargo serta mampu untuk menerima pendaratan pesawat yang lebih besar.
- (c) Terminal yang mengasingkan ketibaan kargo domestik dan antarabangsa.
- (d) Proses pengendalian kargo yang bersepadu tanpa melibatkan urusan dokumentasi yang merumitkan dan
- (e) Kawalan keselamatan bagi muatan kargo yang terjamin dan menepati standard antarabangsa.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, mengenai sistem monorel dan tram, saya telah menjawab dengan ringkasnya dan saya ingin menjawab soalan dari ADUN KOMTAR. Beliau ada bertanya berkenaan dengan kesesakan lalu lintas di Bayan Lepas dan juga di susur masuk dan sekitar kawasan sana.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak JKR sudah mengambil maklum dan akan mengambil perhatian serius terhadap masalah kesesakan yang berlaku di jalan persekutuan dan jalan negeri Bayan Lepas. Langkah-langkah yang telah diambil oleh JKR adalah dengan melaksanakan projek pelebaran secara berperingkat ke atas jalan-

jalan di kawasan Bayan Lepas. Program tersebut dilaksanakan berdasarkan peruntukan yang terhad. Tindakan lanjut JKR adalah dengan memohon peruntukan supaya program pelebaran jalan dapat dijalankan agar isu kesesakan dapat diatasi dengan segera. Satu masalah yang dihadapi oleh pemandu atau pengguna-pengguna jalan raya ialah pemantapan jalan-jalan di peringkat ini dan usaha telah diambil supaya dapat memperbaiki tempat-tempat tersebut dengan di turap tar tempat-tempat yang telah tenggelam.

Y.B. Jawi yang telah meminta membina sebatang jambatan di Sungai Berembang. Perkara ini kerajaan telah ambil maklum dan satu lawatan tapak telah diadakan bersama-sama dengan Yang Berhormat sendiri dan kini telah dimasukkan ke dalam RMK-10 untuk meminta peruntukan dari Kerajaan Pusat. Sekiranya dapat diperuntukkan, maka projek yang akan menelan belanja RM15 juta ini dapat dilaksanakan.

Y.B. Bagan Dalam ada bertanya berkenaan *jeep track* ke Bukit Bendera. *Jeep track* di Bukit Bendera dibina tidak mengikut piawaian JKR di mana kelebaran atau *turning radius* dan sudut kecerunan yang tidak mencukupi dan tidak boleh dilalui oleh kenderaan biasa. Oleh itu, laluan tersebut tidak digazet, sekiranya laluan digazet, kenderaan awam boleh melaluinya tanpa sekatan. Jadi jalan *jeep* ini terhad kepada penduduk-penduduk dan pengusaha-pengusaha industri di atas Bukit Bendera sahaja, orang awam masih tidak dibenarkan menggunakan jalan *jeep* ini. Satu alasan untuk tidak membenarkan orang awam menggunakan *jeep track* ini adalah kerana tempat terhad untuk *parking* di atas bukit. Sekiranya dibuka kepada orang awam, semua kereta naik ke atas, maka tidak ada cukup tempat untuk memakir kereta-kereta.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, pembinaan jambatan kedua sedang giat dijalankan. Sebelum ini ada ura-ura yang mengatakan projek ini telah tergendala, ini bukanlah benar. Projek ini akan memberi impak yang ketara kepada pembangunan kedua-dua belah Pulau Pinang iaitu Batu Kawan dan bahagian Pulau. Demi untuk menunjuk keprihatinan dan kepentingan projek ini, Kerajaan Negeri telah menubuhkan satu jawatankuasa pemantau yang diketuai oleh Pengarah UPEN. Jawatankuasa ini akan memberi perhatian dan meneliti laporan berkala dari Jambatan Kedua Sdn Bhd supaya apa-apa masalah yang dihadapi dapat diatasi dengan secepat mungkin. Y.B. Tuan Timbalan Speaker, itulah jawapan saya kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat masing-masing. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, penjelasan. Masih kita ingat lagi tahun 2007 BORR. Di situ terdapat kelemahan walaupun jalan itu dibina oleh Persekutuan, JKR dan kita dapati jalan itu tidak boleh dilalui oleh kenderaan berat. Mereka kena pusing jauh melalui Jalan Baru dan *highway* dan keluar serta masuk ke Perai. Ketika dan masa itu kita adalah dari pembangkang dan telah membangkitkan perkara ini. Menteri ketika itu Samy Vellu telah berjanji untuk membaiki kelemahan ini. Adakah kerajaan ini akan

mengambil kira untuk mengubah projek ini. Kedua, seperti saya tanya secara lisan, Jalan Song Bang Kheng, memang jalan raya itu giat digunakan oleh pengguna dan nampaknya

pada masa hadapan kita tidak boleh menampung pengguna jalan raya ini. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai projek yang boleh sekali gus melebarkan jalan itu daripada Jalan Kebun Sireh hingga ke Jalan Maju. Jalan itu memang penting untuk pengguna jalan raya di Bukit Mertajam.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):**

Terima kasih. Y.B. Tuan Timbalan Speaker, memang betul reka bentuk BORR, apabila datang dari Bagan Dalam ia tidak boleh pusing kanan ke Prai *Industrial area*, ini memang satu hakikat. Memandangkan projek ini adalah di bawah projek Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) maka tiada sebarang maklumat yang saya dapat kemukakan pada masa ini. Mungkin kita boleh mengambil satu langkah susulan untuk meminta satu kajian dibuat supaya permintaan seperti boleh dikaji semula dan langkah-langkah untuk mengatasinya.

Berkenaan dengan Jalan Song Bang Kheng seperti yang telah saya jawab pada hari pertama ketika menjawab Soalan Lisan iaitu pemaju swasta disyaratkan untuk melebarkan Jalan Song Bang Kheng dari dua hala kepada empat lorong, dua hala pergi dan dua hala balik. Oleh kerana projek mereka akan mengambil masa 18 bulan, jalan ini hanya dapat dibina pada masa mereka menghabiskan projek. Atas arahan Y.A.B. Ketua Menteri, saya telah berbincang dengan pemaju berkenaan dan mereka bersetuju untuk memulakan kerja-kerja pelebaran Jalan Song Bang Kheng ini pada awal tahun depan. Diharapkan kerja-kerja menaik taraf jalan ini dapat diselesaikan dalam tahun hadapan. Itu sahaja. Saya nampak ada soalan dari Y.B. Pantai Jerejak mengenai *reservoir* di Pulau Jerejak dan saya ada membuat sedikit catatan. *Reservoir* di Pulau Jerejak sebenarnya ditawarkan kepada sebuah syarikat tempatan. PBA mencadangkan supaya kontrak ditamatkan dan di tender semula tetapi alasan yang diberi oleh kontraktor-kontraktor, kelambatan menyiapkan projek ini bukan semuanya salah kontraktor seperti kelewatan menyerahkan tapak dan kelewatan mendapatkan kelulusan dari pihak kerajaan tempatan untuk menjalankan kerja dan juga harga bahan binaan yang melambung tinggi pada masa mereka menjalankan kerja-kerja itu. Perkara ini akan diputuskan oleh PBA *Tender Board* tidak lama lagi.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Minta laluan. Terima kasih Y.B. Pantai Jerejak. Y.B. Dato' Speaker, selaras dengan Peraturan 6A(1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mohon supaya masa Persidangan hari ini 3 Disember 2009 dilanjutkan sehingga jam 6.45 petang.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Ada sokongan?

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Saya menyokong.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah Peraturan 6A(1) untuk melanjutkan tempoh persidangan pada hari ini sehingga jam 6.45 petang. Yang bersetuju katakan “Ya”, yang tidak bersetuju katakan “Tidak”. Usul dipersetujui sebulat suara. Silakan Y.B. Pantai Jerejak.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Saya ingin tahu kesesuaian tempat, pada pendapat Y.B. Bagan Jermal, adakah tempat itu sesuai untuk buat tangki air kerana ini adalah keputusan kerajaan yang terdahulu dan memang tempat ini telah digazet untuk tujuan pelancongan. Sekarang kita mempunyai satu tangki air yang seperti *eyesore* kepada tempat itu. Bagaimana kita boleh menarik pelancong. Dan di tempat ini tanah yang boleh digunakan untuk tujuan pelancongan memang cukup kurang kerana kebanyakannya digazet sebagai hutan simpan. Cuma ada beberapa plot tanah yang boleh dimajukan sebagai pelancongan dan kita tahu plot itu agak cukup besar sebagai tanah yang boleh diguna pakai untuk tujuan pelancongan. Soalannya sekarang, Pulau Jerejak, kita hendak jadinya sebagai tempat yang strategik yang boleh digunakan sebagai destinasi pelancongan tetapi tanahnya sekarang tanahnya telah disalahgunakan, tersilap pakai sebagai tangki air. Jadi adakah kerajaan berhasrat untuk memindahkan tangki air ke tempat lain. Kalau kita buat keputusan dalam PBA Tender Board untuk memindahkan katakan ke Bukit Jambul kerana saya tahu tangki air ini adalah untuk di *supply ke Free Trade Zone*. Masalahnya tempat itu tidak sesuai sekarang. Ini persoalan nombor satu, persoalan kedua, ialah berkenaan monorel di Bandaraya George Town. Saya minta maaf kerana tadi saya tidak mendapat penerangan yang secukupnya. Saya ingin bangkitkan kesesuaian monorel untuk Pulau Pinang. *Arguments* saya, *first*, dalam Bandaraya George Town, Pulau Pinang, ianya adalah bandar raya warisan.

Kalau kita mempunyai monorel ia akan menjadi *eyesore* sekali lagi, dia akan *block* sini dan sana. Seperti di Kuala Lumpur dan sekarang di Bukit Bintang, monorel sudah jadi satu *eyesore* kerana dia *block* Dataran Bukit Bintang. Kedua, di luar Bandaraya George Town, kalau kita ingin *develop international city*, monorel di mana dengan kelajuannya yang cukup lambat dan kapasitinya yang tidak tinggi, kita akan menjadikannya satu *white elephant*. Contoh, Bandaraya Kuala Lumpur, LRT sekarang, kapasitinya sudah *over capacity*, maksudnya terlalu ramai hendak menggunakan LRT tetapi tidak dapat menampung. Jadi kalau kita bina sesuatu monorel yang kapasiti dan kelajuannya yang begitu rendah, bagaimana kita boleh jadikan Pulau Pinang sebagai bandar raya yang dipanggil *international city, if we have such a lousy public transportation*. Itu persoalan saya, terima kasih.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):**

Terima kasih Y.B. Pantai Jerejak. Sebelum sesuatu projek raksasa dijalankan khasnya projek-projek yang melibatkan berjuta-juta ringgit, satu kajian *feasibility study* perlu dijalankan. *Reservoir* di Pulau Jerejak ini memang satu projek yang telah dikaji dengan teliti oleh pakar-pakar perunding. Tujuan untuk membina *reservoir* ini adalah untuk mengumpul air yang ada di bukit Pulau Jerejak supaya ia tidak dibazirkan. Apabila air dari bukit Pulau Jerejak dikumpulkan dalam *reservoir* itu, maka ia akan disalurkan ke Bayan Lepas untuk diproses dan diguna pakai oleh pengguna-pengguna. Memang kerja-kerja tapak telah selesai dibina dan hanya yang tinggal ialah struktur *reservoir* sahaja.

Pada masa sekarang sekiranya ia hendak dibatalkan, maka kerja-kerja dan pembayaran kontrak yang telah diselesaikan itu akan terbazir sahaja. Nampaknya projek ini perlu diteruskan, itu untuk menjawab soalan Y.B. Pantai Jerejak.

Untuk menjawab soalan mengenai monorel, memang kami telah membincangkan mengenai monorel dan telah dibangkitkan beberapa kali dalam perbahasan atau mesyuarat di mana Bandaraya George Town, sebuah tapak warisan tidak dibenarkan dibina dengan monorel kerana landasannya yang tinggi, jadi isu monorel di dalam Bandar George Town tidak berbangkit. Mengenai monorel di luar George Town, mungkin dari Bayan Lepas ke, Sungai Ara atau dari Sungai Ara pergi ke lain-lain tempat, itu mungkin dapat dipertimbangkan tetapi sehingga sekarang seperti yang telah saya jawab, memang belum ada satu keputusan muktamad dibuat untuk menjalankan monorel di pulau ini.

**Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):**

Penjelasan Y.B. Bagan Jermal. Isu tangki air di Pantai Jerejak, adakah itu dibina oleh Kerajaan Pakatan sekarang ataupun kerajaan terdahulu? Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):**

Ini adalah satu projek PBA dan PBA adalah satu pertubuhan yang berasingan dan *subsidiary*, tetapi sesiapa sahaja yang memerintah, kontrak yang ditandatangani pada masa dahulu perlu ditunaikan tidak kira sesiapa yang memegang pemerintahan.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Saya berterima kasih kepada Y.B. Bagan Jermal kerana memberi keterangan dengan cukup sabar dan teliti. Sebagai seorang ahli Kerajaan Pakatan di Pulau Pinang, saya rasa bertanggungjawab untuk memberi keterangan dan pendapat saya kerana *based on* pengalaman saya sebagai seorang *Transportation Engineer*, saya tahu tentang kapasiti dan juga *feasibility monorail*. Ada banyak projek-projek yang telah di *experienced* oleh Negara-negara lain yang gagal atau tidak mampu menampung keperluan kerana monorel adalah suatu yang lebih lambat dan berkapasiti rendah. Kita telah berpandangan jauh untuk membangunkan Pulau Pinang kepada satu *international city* dan saya berharap Kerajaan Negeri dan Exco-Exconya boleh membuat satu keputusan yang berpandangan jauh.

**Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):**

Minta laluan. Saya tertarik dengan pembinaan *reservoir* di Pulau Jerejak. Apa yang saya nampak di kawasan selatan, banyak juga air bukit terbazir begitu sahaja. Kalau boleh projek ini dipindah ke bahagian SPS, nampak juga ada sedikit pembangunan yang berbeza di sana. Di sana ada tong sampah sahaja, itu yang kita tidak mahu. Saya nampak pembangunan monorel, kita pun mahu masuk juga kerana kita pun hendak pergi *international*, kita pun hendak ikut *standard* Bagan Jermal, di Jawi apa *standard* pun tidak ada. Kalau boleh saya minta pihak Yang Berhormat untuk merangka supaya masuk juga SPS supaya merangsang kawasan saya.

Saya memang setuju dengan pendapat Y.B. Pantai Jerejak sampaikan tadi dia cakap kita nak pergi ke bandar antarabangsa, bandar raya antarabangsa, kita tak boleh pakai monorel memang benar, kalau kita pakai monorel memang tak boleh penuh, tak cukup menampung kapasiti dia itulah saya sokong tapi kalau boleh kerajaan juga timbang untuk gunakan *subway*, *subway* pun bagus pasal pembangunan kita bukan saja kita bukan saja letak atas tanah, kita kena bangunkan bawah tanah dan langit juga untuk masa depan, untuk pembangunan masa depan, itu saja terima kasih.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):**

Y.B. Tuan Speaker, terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat ini dan saya nampaknya Y.B. dari Jawi ini beliau bercita-cita besar dan kita berharaplah beliau akan berusaha lagi supaya beliau akan kekal lagi di Dewan Undangan Negeri Jawi ini supaya cita-cita besar ini dapat ditunaikan bukan pada masa yang pendek ini sebab apa projek yang hendak dijalankan perlu dirancang jadi lepas itu minta permohonan peruntukkan sekiranya rancangan sudah ada peruntukkan sudah ada barulah dapat dilaksanakan dan ini bukan boleh di jadi dalam masa 1 tahun atau 2 tahun jadi saya pada masa ini saya ingat apa yang diminta oleh Y.B. dari Jawi untuk melaksanakan monorel dan apa-apa pengangkutan awam yang membelanjakan berjuta-juta atau beratus juta di

tempat Yang Berhormat saya ingat itu tidak berbaloi kerana mungkin selepas dibina pun tidak ada orang atau tidak cukup penumpang untuk menampung untuk perbelanjaan ini dan ini jadi satu lagi *gajah putih* seperti apa yang selalu dikatakan itu dan mengenai *resort all* di Pulau Jerejak bukan semua tempat pun boleh pindah, kata nak pindah ini pindah pergi sana saja.

Di SPT dan SPS pun kalau ada tangki-tangki air yang besar di Bukit Panchor pun ada juga dan sekarang PBA merancang untuk membina 2 buah tangki besar di Juru juga dan projek sedang dijalankan dan dari hal untuk membekal air kepada semua tempat-tempat memang rancangan terperinci memang dijalankan dan semua akan dijalankan secara berperingkat-peringkat dan ini untuk memenuhi keperluan semasa. Mengenai Y.B. Pantai Jerejak memang beliau ada kepakaran dan ilmu dari *public transport* dan itu boleh membantu kerajaan untuk mereka dan membuat rancangan terhadap *public transport* di Negeri atau di pulau ini dan ini tentang seperti apa yang kita kata belum sampai apa-apa keputusan muktamad lagi dan semua input-input dan cadangan-cadangan pihak kerajaan akan mengambil perhatian supaya apabila suatu hari nanti kita boleh menjemput Y.B. dari Pantai Jerejak untuk bersama membincangkan perkara-perkara berkaitan. Terima kasih.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Ahli Batu Maung dipersilakan.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Ya, Y.B. Tuan Speaker, saya ada sedikit lagi.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Ahli Padang Lalang dipersilakan.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Saya punya ambil sedikit saja tak banyak, dari hari ini saya nampaknya walaupun pihak bangkang tidak ambil bahagian di sesi yang ketiga ini tapi nampaknya *back bencher* daripada pihak kita, kita juga boleh mainkan satu peranan yang cukup hebat dan untuk menahankan suara-suara tempatan jadi di bahagian ini saya semua-semua rakyat di Pulau Pinang kena sedar adakah di masa depan kita masih undi sebagai seperti yang tidak bertanggungjawab punya Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada UMNO sebenarnya kita kena pindah mereka, kena buang mereka supaya kita juga boleh mainkan peranan tengok dan rakan-rakan daripada pihak kita semua bekerjasama untuk ambil berat walaupun kita daripada pihak *bencher* saja jadi walaupun saya nak menyuarakan terima kasih.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):**

Y.B. Tuan Speaker, terima kasih kepada kedua-dua Y.B. Tuan Speaker, memang Yang Berhormat semua ini bukan sini saja semua ini memang pada suatu masa yang dulu semua memainkan peranan pembangkang dan ini adalah satu kelebihan kita semua ini di mana kita pernah menjadi pembangkang dan kita bolehlah membuat sesuatu untuk memperingatkan pihak Kerajaan supaya menjalankan projek-projek yang memanfaatkan kepada rakyat. Itu sajalah terima kasih.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Ahli Batu Maung dipersilakan.

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Y.B. Timbalan Speaker, Yang Berhormat-Yang Berhormat saya ingin memulakan penggulungan saya dengan memberi sedikit komen tentang perkara-perkara yang telah berlaku dalam sesi persidangan pada kali ini. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Y.B' Dato' Speaker dan juga Timbalan Speaker yang telah berjaya mengendalikan persidangan ini sungguhpun terdapat beberapa-beberapa *incident-incident* buat kali pertama yang berlaku di dalam persidangan Dewan Undangan Negeri selepas Mac 2008. Yang pertama ialah perkara-perkara yang berlaku di luar Dewan pada hari pertama ini seperti mana usul yang telah dikemukakan dan telah diterima ini adalah satu keadaan yang memalukan kerana perkara-perkara berlaku adalah menunjukkan mereka ini tidak bertanggungjawab dan cuba hendak memporak-perandakan keadaan dan saya menyerulah kepada mereka supaya belajarlah bagaimana untuk menunjuk perasaan atau berdemonstrasi sebelum mereka keluar untuk mendemonstrasikan kerana cara ini akan membawa kebencian rakyat dan membawa kesusahan kepada orang ramai.

Yang kedua ialah komen saya ialah tentang pembangkang, jikalau pembangkang seperti ini kita rasa rakyat Pulau Pinang tidak perlu kerana pembangkang yang masuk dalam Dewan hanya untuk memporak-perandakan Dewan yang kedua memberi tohmahan-tohmahan yang kosong seperti mana Pulau Betong, Sungai Dua, Pinang Tunggal dan sebagainya. Inilah yang menunjukkan yang mereka pembangkang-pembangkang yang konstruktif yang kita perlukan dalam sistem demokrasi dan saya begitu duka cita apa yang sedang telah berlaku kerana di mana kita telah dapat melihat perkara yang telah berlaku jikalau Ahli Y.B. Pinang Tunggal, Ketua Pembangkang, maaf, Penaga ingin menjalankan tugasnya sebagai Yang Berhormat sebagai wakil rakyat, senang saja, mohon maaf dan mereka dapat bersama-sama membahaskan usul, membahaskan usul yang paling mustahak dan selain daripada itu juga dapat bersama-sama untuk menyoal dalam penggulungan, agak sunyilah tanpa mereka so ini menunjukkan yang pembangkang hanya mahu untuk membangkang bukan untuk membangkang bagi untuk membina dan juga saya sedih lah kerana yang lain-lain jadi pak turut, pak pandir, ikut saja, saya tahu yang beberapa Yang Berhormat siang malam berusaha mencari *line by line* dalam bajet untuk bincang saya tak mahu sebutlah tapi tak apalah kita tahu juga macam Y.B. Seberang Jaya, Y.B. Bayan Lepas dan sebagainya, mereka mempunyai banyak perkara yang kita nak dengar, konstruktif, *proposal* dan sebagainya. Apa ini *argument* ....(dengan izin), bajet yang hendak dibentangkan hari ini so saya berharaplah rakyat Pulau Pinang mestilah melihat apakah pembangkang-pembangkang yang mereka beri kemenangan dalam pilihan raya yang lepas menjalankan tugas.



Y.B. Tuan Speaker, menjawab soalan-soalan yang telah dibangkitkan saya mulakan dengan port folio saya agama, Permatang Berangan yang menyoalkan beberapa perkara cadangan pembinaan Kompleks Mahkamah Islam bersebelahan dengan Masjid Negeri sebenarnya telah dicadangkan suatu ketika dahulu dan pelan konsep pembangunan juga telah disiapkan namun begitu langkah-langkah selanjutnya bagi melaksanakan perancangan tersebut telah menghadapi beberapa kekangan terutama sekali dalam aspek status tanah dan peruntukan membiayai Kompleks Mahkamah Syariah Islam tersebut anggaran yang diperlukan ialah lebih daripada RM 155 juta, peruntukan pembangunan projek berkenaan telah dipohon oleh MAIPP melalui Rancangan Malaysia Ke-10 sebanyak RM155 juta dan juga Jabatan Agama, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang juga telah memohon peruntukan bagi tujuan yang melalui RMKe-10 berjumlah RM 50 juta. Sehubungan dengan itu projek ini dijangka dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10.

Menjawab soalan Dewan Undangan Negeri Penaga, Y.B. Penaga, Pulau Pinang dikatakan pusat maksiat, tidak wajar dan tidak tepat untuk mengatakan Pulau Pinang sebagai pusat maksiat Negara, pihak pembangkang tidak membuktikan dalam bentuk angka-angka jenayah yang menunjukkan Pulau Pinang yang tertinggi bilangannya. Ini adalah satu lagi apa yang pihak pembangkang ingin lakukan iaitu hanya mengeluarkan komen-komen yang negatif, sebaliknya kes khalwat yang ditangani oleh Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang bagi tempoh 2006 hingga 2008 menunjukkan bahawa bilangan tertinggi ialah dari Negeri Johor diikuti dengan Perak, Kelantan, Selangor, Terengganu dan barulah Pulau Pinang. Data ini menunjukkan bahawa pihak pembangkang tidak benar malahan dari segi mata kasar apakah Pulau Pinang menjadi pusat aktiviti perjudian, pelacuran atau lain jenayah maksiat. Ini berlaku di mana-mana Negeri, kita tidak boleh membuat kesimpulan hanya dengan berdasarkan laporan dan tangkapan yang maksiat yang disiarkan di dalam surat khabar seperti yang berlaku di Pulau Pinang dan lain-lain Negeri. Saya berpendapat, penyiaran laporan ini menunjukkan bahawa penguat kuasa Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan tugas mereka, ini dapat dibuktikan dengan jumlah tangkapan jenayah.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Haji Mohd Salleh Bin Man):**

Mintak penjelasan. Y.B. Tuan Speaker, Y.B. Ahli Kawasan Batu Maung berkenaan dengan bagaimana keadaan kita nak tangani khususnya berkaitan dengan masalah maksiat di Pulau Pinang yang kita nampak seolah-olah tak dapat dibendung dan berbagai-bagai alasan yang telah dikemukakan dan telah disarankan dan begitu juga dan telah pun dilontarkan sebelum ini dan kita agak nampak kegagalan telah pun berlaku semenjak daripada zaman Pemerintahan Barisan Nasional lagi. Pelbagai kursus dibuat dan beberapa tindakan khususnya di peringkat di kalangan pegawai-pegawai masjid dan bahkan peranan yang telah dimainkan oleh penguat kuasa itu sendiri yang akhirnya apabila kita mempersoalkan bagaimana kedudukan keadaan untuk menangani masalah-masalah yang melibatkan umat Islam khususnya di kalangan kawasan bandar itu sendiri yang menampakkan bahawa sudah tentulah yang kita rasa agak cukup mencabarlah dengan sikap yang telah dilakukan di kalangan umat Islam itu sendiri dan yang paling penting yang kita difahamkan bahawa apabila tidak menangani masalah ini dengan lebih serius yang mengakibatkan peranan yang dimainkan oleh pegawai-pegawai masjid khususnya bahkan pernah diberi beberapa perolehan untuk melaksanakan tugas membanteras maksiat ini di semua peringkat tetapi oleh kerana tekanan di peringkat penguat kuasa itu sendiri yang dikatakan agak tidak dalam keadaan mencukupi untuk melaksanakan tugas yang diharapkan, jadi bagi kita bagaimana bahawa saya nak minta satu penjelasan supaya kedudukan dan peranan yang seharusnya dimainkan oleh di semua peringkat di kalangan pegawai masjid dan juga penguat kuasa itu sendiri dapat digembleng bersama dalam melakukan tindakan membuat apa nama tindakan, sekian.

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Terima kasih Y.B. Permatang Pasir, saya ingin sikit lagi sebelum saya jawab soalan itu. Ini dapat dibuktikan dengan tangkapan jenayah syariah telah meningkat daripada 944 kes (2007) kepada 1101 kes (2008) ke 1521 kes tahun (2009) sehingga November. Peningkatan ini adalah satu komitmen Kerajaan sekarang menambah untuk kita membanteras masalah jenayah dan komitmen kita seterusnya adalah apabila kita lihat kita telah menambah pegawai-pegawai penguat kuasa dari 24 kepada yang ada pada tahun (2007), 24 sahaja kepada 43 (2008) dan insya-Allah kita akan lengkapkan menjadi 39 pada (2009) dan ini adalah di antara usaha Kerajaan Negeri apabila kita mengambil alih Kerajaan Negeri pada tahun yang lepas. Kita dapati kekurangan di kalangan pegawai-pegawai di Jabatan Agama Islam sungguh-sungguh banyak, sungguh-

sungguh orang kata apa menyayat hati oleh sebab kekurangan pegawainya adalah yang tertinggi di kalangan semua jabatan-jabatan Kerajaan dan Alhamdulillah setelah kita berusaha kita telah mendapat peruntukan dalam bajet pada tahun 2010 iaitu untuk kita penuhkan semua jawatan-jawatan kosong di dalam Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Dan sebab itulah bajet daripada 9, lebih kurang 9 juta lebih pada tahun 2009 dinaikkan pada 13 juta lebih untuk tahun 2010 untuk kita memenuhi jawatan-jawatan di Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

Di antara usaha-usaha lain untuk kita memerangi masalah gejala sosial ini kita juga memikirkan usaha-usaha yang mana kita ingin memperkuat institusi masjid, insya-Allah kita dapat menggunakan jawatankuasa qariah masjid dan juga Ahli-ahli Qariah di Masjid, di qariah itu untuk kita mengadakan program-program mempertingkatkan moral usaha untuk memerangi gejala-gejala ini di peringkat akar umbi dan usaha ini juga sedang kita lakukan dengan kita memperkuat institusi keluarga. Insya-Allah pada tahun 2010, kita telah mendapatkan sekali lagi peruntukan yang baik daripada Kerajaan Negeri untuk kita memperkuat 2 institusi ini iaitu institusi masjid dan institusi keluarga. Insya-Allah pada tahun 2010 ini program-program yang kita lancarkan kita akan mempunyai KPI ke atas program-program ini. Kita tidak mahu lagi program-program ini begitu sahaja melepaskan batuk di tangga, seumpamanya so kita akan mengadakan program-program dengan KPI, jikalau kita mengadakan program secara komprehensif tentang pembangunan institusi keluarga. Maka kita akan lihat berapakah kadar penceraian tahun-tahun yang lepas kita akan memberikan KPI iaitu program yang kita lancarkan insya-Allah 2010 kita mahu melihat penduduk penurunan kadar penceraian. Insya-Allah so inilah usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam usaha membanteras masalah-masalah gejala sosial dan gejala maksiat.

**Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/I V. Subramaniam):**

Minta penjelasan. Minta penjelasan Y.B. Batu Maung, terima kasih. Kelmarin Ketua Pembangkang, Y.B. Penaga telah mengatakan bahawa beliau telah pergi ke Thailand untuk menengok *show-show* pondan. Apakah pendapat Y.B. Batu Maung sebab saya bukannya seorang Islam? Apakah pendapat Y.B. dari segi akhlak dan dari segi agama Islam? Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Jawab soalan Y.B. Batu Uban yang saya rasa itu satu persoalan yang patut diajukan kepada Dato' Mufti ataupun kepada ustaz-ustaz berkenaan. Pada pendapat saya secara peribadi, Y.B. Penaga memberikan satu contoh beliau pun mengatakan yang beliau pergi bersama isteri, itu saya tidak mahu komen selebihnya. Saya nak teruskan pada....(*gangguan*),.

### **Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen):**

Minta laluan. Berkenaan dengan isu ini pusat maksiat Negara itu saya masih ingat ahli dari Permatang Berangan menunjuk jari kepada pihak PBT kerana mengeluarkan lesen karaoke dan sebagainya. Dan bagi beliau pusat-pusat ini kita bagi lesen dan ini menjadi punca kepada kegiatan maksiat. Apa pendapat Y.B. sebab bagi saya kalau kita kata kita bagi lesen memperbanyakkan punca-punca ataupun tempat-tempat maksiat saya rasa kita kena batalkan semua lesen memandu semua orang sebab itulah punca kemalangan jalan raya itu logiknya. Apakah pendapat Y.B. Batu Maung?

### **Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Menjawab soalan saya, itu juga satu soalan yang agak rumit oleh sebab kalau memanglah pusat-pusat hiburan adalah punca maksiat memang pusat-pusat hiburan punca maksiat tetapi pengawalannya, satu, mestilah dengan efektif serupa juga kita tengok pusat-pusat internet, pusat-pusat komputer jikalau tidak dikawal maka mereka buka 24 jam. Selain daripada itu juga, kanak-kanak di bawah umur menghabiskan masa mereka di situ dan bukan itu sahaja, perjudian juga berlaku di pusat-pusat internet sungguh pun kita kalau dapat lihat pusat karaoke dengan pusat internet itu jauh perbezaannya, kalau kita dapat lihat pengawasan dengan baik maka inilah akan berlaku. Yang kedua, jika kalau pusat-pusat hiburan ini dibenarkan, diwujudkan di dalam kawasan-kawasan perumahan, kawasan-kawasan perkampungan, kawasan-kawasan di mana yang tidak perlu pusat-pusat ini dan itulah juga akan menjadi gejala-gejala keruntuhan sosial di peringkat akar umbi insya-Allah. Saya ingin menjawab .... (gangguan),.

### **Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Haji Mohd. Salleh bin Man):**

Minta penjelasan sikit lagi. Terima kasih Y.B. Kawasan Batu Maung berkenaan ada ura-ura untuk dikeluarkan apa nama seolah-olah satu daripada pihak Polis Negeri Pulau Pinang untuk diberikan macam anugerah kepada pusat-pusat hiburan yang tidak ada kegiatan maksiat jadi. Bagi saya di situ menunjukkan bahawa ada sedikit ruang seolah-olah satu gambaran mengatakan satu tempat dilarang merokok dan di tempat lain ada pula diizinkan merokok. Ini menunjukkan satu kedudukan yang kita agak walaupun ada pencegahan walaupun ada kebenaran dan keizinan tetapi dalam operasi berkaitan dengan pencegahan maksiat secara keseluruhannya biasanya dilakukan di waktu tengah malam padahal operasi di peringkat pusat hiburan ini bermula pada awal lagi. Ini mengakibatkan lagi bertambahnya gejala-gejala sosial yang memungkinkan lagi keadaan yang dianggap cukup parah khususnya bagi generasi muda. Sebab itu kadangkala dalam keadaan walaupun mendapat kerjasama pihak keselamatan apabila dilakukan operasi pada ketika yang sama apabila kita buat serbuan tindakan dan serbuan di tempat-tempat dikatakan adanya maksiat kosong. Jadi ini menimbulkan juga sedikit permasalahan walaupun peringkat awalnya ada di kawasan yang pusat hiburan yang dianjurkan ada kebetulan maksiat tetapi apabila dibuat serbuan kosong tempat itu. Ini mengakibatkan dan bahkan juga saya pernah terlibat berkaitan kegiatan operasi pencegahan maksiat ini di atas kapasiti sebagai pegawai masjid jadi apabila kita buat tindakan yang mengakibatkan kerjasama di tempat-tempat, hotel-hotel dan sebagainya tidak menyeluruh apa dan juga apabila kita membuat tangkapan, bila buat tangkapan kita serah kita bawa kepada pihak keselamatan dia terima aduan itu akhirnya kadang-kadang mengambil masa yang cukup lama ini mengakibatkan juga sedikit kegagalan mereka yang diberi kepercayaan untuk melaksanakan tugas operasi ini gagal. Saya rasa perlu diberi perhatian la. Sekian.

**Ahli Kawasan Batu Maung ( Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Terima kasih Y.B. Permatang Pasir. Memang ada masalah- masalah pentadbiran, masalah-masalah undang-undang juga yang telah menyebabkan beberapa kes-kes yang gagal dibawa ke pengadilan. Masalah-masalah tentang masa dan sebagainya tetapi pokoknya ialah kalau kita dapat melihat punca-punca, gejala-gejala maksiat ini kita akan lebih mudah untuk kita melihat dan juga menyelesaikannya di peringkat akar umbi lagi iaitu *the solve of the problem ....*(dengan izin), *the solve of the problem* adalah pendidikan kepada masyarakat bukan kita kata kita tidak mahu membuat penguatkuasaan dan

sebagainya tetapi penguatkuasaan adalah peringkat yang akhir yang pertamanya adalah pendidikan dan juga ialah juga kita hendak membina institusi keluarga yang kuat agar perkara-perkara ini sungguh pun ada tetapi tidak akan menyebabkan mereka ini terjerumus dalam masalah-masalah ini. Saya akan mengambil cadangan-cadangan Y.B. Permatang Pasir untuk kita bincangkan. Tentang soalan daripada ADUN Permatang Berangan lagi tentang masalah tanah perkuburan yang ini, telah saya menyenaraikan jawapan ini dalam jawapan bertulis.

Y.B. Sungai Bakap membangkitkan tentang mempertingkatkan pendidikan Islam pondok. Pihak MMK Agama baru-baru ini selepas kita membentuk satu jawatankuasa pendidikan, satu jawatankuasa Sekolah Agama Rakyat tahun lepas. Tahun ini kita telah mempertingkatkan usaha kita, kita telah membentuk satu jawatankuasa peringkat tinggi jawatankuasa penyelarasan Pendidikan Islam Negeri Pulau Pinang dan jawatankuasa ini akan melihat secara keseluruhan pendidikan Islam daripada tadika hinggalah ke taraf Universiti insya-Allah. Inilah perkara yang saya lakukan dan usaha kita juga melihat bagaimanakah untuk kita mengekalkan konsep pendidikan pondok ataupun pendidikan kitab-kitab lama yang dahulunya banyak dan sekarang hampir pupus dan hampir kekurangan, so inilah perkara yang kita sedang lihat bagaimanakah kita hendak membentuk supaya kita dapat melahirkan ulama-ulama yang cukup berpelajaran, cukup mendapat *exposure* dengan kitab-kitab agama seperti ulama-ulama yang terdahulu.

Untuk menjawab soalan Y.B. Bagan Dalam, untuk makluman ajaran agama Islam tidak memaksa mana-mana orang untuk menganut agama Islam. Walau bagaimanapun, agama Islam adalah agama rasmi persekutuan tetapi kebebasan beragama lain masih wujud seperti diperuntukkan dalam perlembagaan. Merujuk kepada kes berkenaan, siasatan mendapati tidak benar seorang wanita dipaksa menganut agama Islam semasa berumur 7 tahun kerana wanita tersebut telah wanita berkenaan telah menjadi seorang Islam bersama ibunya dan bapanya sebelum itu lagi. Memandangkan isu ini yang dibangkitkan melibatkan soal hukum syarak dan perundangan Islam serta kesensitifan agama dan kaum ianya tidak wajar dibahaskan di dalam Dewan yang mulia ini tetapi kita serahkan perkara ini yang mana sudah pun dimasukkan ke dalam mahkamah tetapi yang apa yang berlaku ialah keluarga ini ialah keluarga yang sudah pun menjadi keluarga Islam dan anak ini sudah menjadi budak yang beragama Islam sebelum dimasukkan ke dalam pusat jagaan di Kepala Batas. Y.B. Tuan Timbalan Speaker, pergi kepada perdagangan dalam kita apa ni untuk saya menjawab soalan-soalan dalam portfolio perdagangan saya, saya ingin menyentuh *Medan Fair* ini juga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):**

Minta penjelasan. Bolehkah Y.B. Batu Uban bagi tarikh di mana budak itu masuk Islam dan bila dia dimasukkan kepada rumah bakti itu rumah kanak-kanak itu?

### **Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Terima kasih Y.B. Jawi. Saya belum lagi mula perdagangan, beliau sudah mula perdagangan. Saya belum menggulung beliau sudah menggulung bagi pihak saya. Terima kasih Y.B. Jawi. Memang dalam penggulungan saya akan sentuh perkara-perkara itu tapi perkara-perkara yang akhir itu insya-Allah kita akan mengambil kira cadangan yang dicadangkan oleh Y.B. Jawi untuk kita ketengahkan pada masa terdekat.

Dalam menjawab soalan daripada Sungai Dua. Saya kurang faham tetapi malangnya beliau tidak ada di depan saya. Saya tidak faham kadang-kadang beliau ini seumpama, maaf Y.B. Timbalan Speaker seumpama dalam sarkas beliau dalam Dewan ini seumpama dalam sarkas tidak tahu apa yang beliau cakap kadang-kadang. Ini saya hendak bangkitkan mana sarkas beliau masuk dengan cermin mata hitam beliau. Dalam menjawab soalan beliau tentang Medan Fair dan juga khas kepada Y.B. Pantai Jerejak dan Y.B. Penaga. Saya begitu tertarik apabila saya dengar yang saya menggunakan RM134,000.00 untuk saya, kos perjalanan saya ke Medan. Itu cukup banyak RM134,000.00. RM134,000.00 boleh beli banglo di Medan dan juga boleh buat lain, apa-apa di Medan. Harga RM134,000.00 itu adalah kos sepenuhnya Medan Fair termasuk pavilion, sewa untuk pameran di Carefour dan sebagainya. Kos perjalanan saya, saya rasa tidak lebih daripada RM3,000.00 kalau duduk di Marriot pun baru RM170.00 saja. Itu adalah satu perkara di mana bila beliau atau pihak pembangkang seperti Pinang Tunggal keluarkan tohmahan ini mereka harap sangat supaya pihak *press* dapat masukkan dalam surat khabar dan bila kita jawapan nanti tidak tahu hendak masuk atau tidak. Mereka harap, alhamdulillah saya ucap tahniah kepada pihak akhbar, pihak media kerana tidak membawa perkara-perkara yang begitu bodoh sekali dalam surat khabar.

Penyertaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam pekan raya Sumatera Utara telah bermula sejak tahun 1972 dan sejak itu dia telah menjadi satu acara tahunan. Saya tidak mahu panjangkan perkara ini. Saya Cuma ingin mengatakan yang pihak Kerajaan Negeri apabila kita melihat kos pembiayaan Medan Fair pada tahun 2007 total kos RM191,905.37. Tahun 2008, kita masuki Kerajaan bulan Mac dan Medan Fair ini April kita tidak mempunyai apa-apa kuasa untuk membetulkan keadaan pada masa itu dan kosnya telah turun RM164,222.03 tetapi pada tahun 2009 kita telah berjaya mengurangkan kos kepada RM146,828.22 dan ini menunjukkan kita telah menurunkan kos penyertaan kita yang termasuk pengangkutan kargo, pengangkutan darat, penyewaan juga ubah suai pavilion dan sebagainya dan apa yang dikatakan oleh Y.B. Penaga tentang apa yang dikatakan oleh Y.B. Pantai Jerejak iaitu penglibatan usahawan-usahawan PERDA ini sangat menyedihkan. Saya ingin memberikan faktor apa yang berlaku. Pihak sekretariat MMK Perdagangan iaitu PDC bersama pihak SUK telah mempromosikan Medan Fair ini untuk penyertaan peniaga-peniaga kecil dan sederhana seperti biasa peniaga-peniaga di Pulau Pinang ini agak sudah berjaya, so tidak banyak yang menyertainya tapi kebanyakannya datang daripada usahawan-usahawan PERDA. Tetapi akhir-akhir sebelum mereka berangkat, PERDA telah memberi arahan kepada mereka secara lisan iaitu mereka boleh mempamerkan barangan mereka dalam pavilion Kerajaan Negeri tetapi mereka tidak boleh masuk dalam pavilion itu.

Inilah apa kerja dan saya terpaksa memanggil untuk berbincang dengan mereka di *airport* Pulau Pinang dan juga di Medan dan akhirnya ada berani masuk ada yang tidak berani masuk tapi selepas tiga empat hari mereka semua sudah hilang. Tidak tahu pergi ke mana, *shopping* atau melancong, tidak tahu. Oleh sebab itu kita terpaksa ubahsui sikit keadaan untuk menampung sebulan Medan Fair yang berlaku pada tahun ini bulan Mac. Sekali dengan itu juga kita telah mengambil ruang di Carefour di Medan untuk kita buat jualan kerana di pavilion kita hanya boleh mempamerkan di Carefour tetapi alhamdulillah di Carefour ianya berjaya kita banyak usaha-usaha lain yang menyertainya tapi tahun ini kita telah untuk 2010 kita telah mulakan daripada bulan April tahun ini lagi iaitu sebaik saja habis Medan Fair pada tahun ini kita telah mulakan perancangan dan

pihak MMK Perdagangan telah melantik Y.B. Pantai Jerejak sebagai Timbalan Pengerusi MMK Perdagangan untuk mempengerusikan jawatankuasa kecil teknikal memikirkan bagaimanakah untuk kita memajukan Medan Fair dan akhirnya mereka telah keluar satu perancangan yang lain iaitu mahu mengadakan Penang Fair in Medan iaitu Medan Fair pada masa itu. Kita mahu mengadakan Penang Fair di Medan dan kita telah menarik perhatian dan kita telah menarik minat persatuan-persatuan, hospital-hospital swasta, persatuan-persatuan harta tanah, persatuan-persatuan pendidikan swasta dan sebagainya insya-Allah pada tahun hadapan kita akan mengadakan Penang Fair di Medan masa Medan Fair itu sebulan dan insya-Allah kita akan melihat kejayaan kali ini. Kita tidak mahu lagi menaruh kepercayaan kepada usahawan-usahawan yang dihantar oleh PERDA so kali ini kita buka luas kepada semua peniaga-peniaga kecil, sederhana atau pun besar.

Y.B. Tuan Speaker, untuk menjawab persoalan tentang Hub Halal Antarabangsa yang ditanya oleh Y.B. Pulau Betong. Hub Halal Antarabangsa Pulau Pinang ini kita telah membangunkan daripada kosong. Apabila kita mengambil alih Kerajaan pada bulan Mac kita dapati industri yang begini besar, industri yang begini lumayan dan industri yang mempunyai fardu kifayah kepada orang-orang Islam tidak dihiraukan oleh Kerajaan lepas. Alhamdulillah saya telah diberi kepercayaan untuk menerajunya dan saya ingin mengatakan di sini Hub Halal Antarabangsa Pulau Pinang bukan satu kawasan yang kita bincangkan di sini bukan yang satu kawasan untuk didirikan *factory* tapi ada satu inisiatif satu konsep di mana kita mahu melihat aspek-aspek global. Aspek-aspek kesemuanya bukan saja industri bukan saja makanan so dengan itu kita telah melihat beberapa aspek-aspek yang mustahak di antaranya ialah logistik kerana kita faham kalau kita telah mengadakan satu kilang untuk mengeluarkan makanan atau pun barangan yang halal kita memerlukan logistik.

Di situ kita telah menubuhkan satu *task force* Penang Internasional Halal dan *task force* ini kita telah menubuhkan *steering committees* dan *committees* ini ditubuhkan atas aspek-aspek *cluster*. Di antara *cluster* nya ialah perdagangan, pembuatan, pensijilan, pemasaran dan promosi, industri asas tani, logistik, R&D, *life sciences*, pelancongan dan juga sumber manusia dan *finance*. Usaha Kerajaan Negeri adalah untuk *brand* Pulau Pinang sebagai hub halal antarabangsa bukan saja di peringkat pembuatan, pengeluaran makanan tetapi secara keseluruhan sebab itu Y.B. Timbalan Speaker kita terpaksa keluar untuk mempromosi.

Y.B. Dato Keramat untuk pengetahuan Yang Berhormat, *Branding exercise* ini .... (dengan izin), bukanlah dengan satu hari dua hari setahun dua tahun dia adalah satu proses yang besar dan proses ini juga memerlukan usaha memerlukan pemikiran dan juga memerlukan kita keluar untuk merantau ke seluruh dunia untuk mempromosikan dan untuk belajar aspek-aspek perkara ini. *Alhamddulliah*, kita telah menyertai MIHAS dan juga World Halal Forum pada bulan Mei, 2009 dan di situ kita telah dapat beberapa MOU dan di antaranya seperti yang disoalkan ADUN Pulau Betong ialah PIHH ialah satu syarikat yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri melalui PDC, PIHH Development Sdn. Bhd. telah menandatangani MOU dengan Al-Jawhara Group daripada Dubai, dan inilah apa hasilnya lawatan saya ke Dubai akhir tahun 2008 ialah untuk mendapat satu MOU dengan Al-Jawhara Group of Hotel. Al-Jawhara Group of Hotel ini adalah satu kumpulan hotel yang mempunyai kepakaran dalam menjalankan pengurusan pembinaan dan juga *design* halal hotel atau pun Syariah Complain Hotel dan juga beliau, mereka juga telah memenangi *award* dalam *Wold* Halal Forum baru-baru ini dan juga bekerjasama dengan *Standard Malaysia*, *MS Standard* untuk kita keluarkan standard untuk Syariah Complain Hotel. *Back to back* dengan MOU ini kita telah menandatangani dua MOU lagi dengan Hotel Seri Malaysia Pulau Pinang dan juga Feringhi Hotel Pulau Pinang.

Jadi inilah di antara hasilnya Y.B. Tuan Speaker iaitu di Feringhi Hotel dan juga Hotel Seri Malaysia akan melalui PIHH atau Halal Pinang akan menggunakan kepakaran Al-Jawhara untuk mengubah sistem perhotelan mereka ke Syariah Complain Hotel. PIHH juga ataupun Halal Penang telah menandatangani MOU dengan Global Livestock Corporation Malaysia Sdn. Bhd., Intan Fam Malaysia Sdn. Bhd., Fresh Frozen Resources Sdn. Bhd., untuk kita mengeluarkan R&D, Halal *Cobey Beef*, ataupun *cobey beef* ini kita tahu, satu daging lembu yang berkualiti tinggi yang jualannya sekeping *steak* sehingga RM1,000.00, RM700.00, RM800.00, so kita hendak mengeluarkan *cobey beef* yang halal. Kita sudah pun memberi penjenamaannya iaitu Juru Beef kerana kita hendak membangunkan industri ini, dan hendak membangunkan teknologi ini di Juru dan ini kita telah memulakan dengan satu *technical group* dan *this technical group* ini mempunyai kepakarannya dan mereka terdiri daripada pegawai-pegawai RISDA, pegawai-pegawai daripada Jabatan Penternakan dan sebagainya dan ini sedang berjalan dan kita belum lagi dapat mengeluarkan *beef* ini, insya-Allah.

Bersama ini juga kita telah mengadakan satu lagi MOU dengan *A La Turko Pte Ltd* daripada Australia. Sungguh pun saya tidak ke Negara Australia tetapi kita dapat mengadakan MOU ini dengan *A La Turko Pte Ltd*, Australia, dan *A La Turko Pte Ltd*, Australia ini adalah sebuah syarikat kepunyaan seorang peniaga Turki yang berpusat di Australia yang telah memajukan kebab dia, di antara Negeri yang beliau telah memajukan kebab beliau adalah di Australia, Fiji dan Timur Tengah. Kita sedang berusaha untuk membawa *A La Turko Pte Ltd* ini datang ke Pulau Pinang memusatkan pengeluaran daging-daging kebabnya di Pulau Pinang dan kita akan menggunakan *fences* sistem untuk kita majukan. PIHH atau Halal Penang juga telah meterai MOU dengan Al-Mataf Global, Arab Saudi pada bulan Mei, iaitu pada masa Wold Halal Forum dan Al-Mataf Global Saudi Arabia ini adalah sebuah syarikat yang mempunyai berbagai aktiviti dan di antara aktivitinya adalah perhotelan di Saudi dan juga di tempat-tempat lain.

Selain daripada itu, kita telah menandatangani satu lagi MOU dengan Halal *Industries Limited*, UK. *Halal Industries Limited*, UK, ini adalah sebuah syarikat yang mempunyai *back ground* dengan Wall Street dan mereka melihat potensi industri halal sebagai potensi yang besar kerana apa yang dilapurkan potensi industri halal ini adalah di antara yang telah ke tahap 2.13 US dollar dan halal industri UK ini sedang berusaha dengan Halal Penang untuk berbagai aktiviti. Di antaranya adalah insya-Allah kita akan bersama-sama dengan halal industri untuk menjalankan satu *conference* di London, *The Fist International Capital Market Conference* dan ini akan dijalankan pada bulan Mei tahun 2010 dan *this, The Fist International Capital Market Conference* akan dan kita akan menjemput berbagai pihak termasuk Ketua-ketua Negara daripada Arab dan sebagainya untuk kita mengadakan satu *conference* untuk mempromosi tentang aspek-aspek *capital market*. Halal Penang juga telah mengadakan MOU dengan Xu Chang Government dari Henan Province pada bulan Ogos 2009 dan MOU ini telah dimeterai dan juga kita mengadakan dan sudah pun mendapat hasilnya. Kita telah mengadakan lawatan ke Henan Province pada bulan Julai dan mereka juga telah *return delegation*, datang ke Pulau Pinang pada bulan Oktober yang lepas dan satu delegasi daripada Pulau Pinang juga akan berlepas ke Henan kira-kira dua minggu dari sekarang dan di antara perkara-perkara yang kita berjaya adalah untuk kita mendapat hubungan dalam perniagaan di antara peniaga-peniaga daripada Henan dengan peniaga-peniaga daripada Pulau Pinang dan juga usaha untuk kita membawa produk-produk daripada Negeri Cina dan juga pengilang-pengilang daripada Henan Province ke Pulau Pinang untuk bersama dalam industri halal seperti mana pertanyaan Y.B. Jawi.

Juga pertanyaan daripada Yang Berhormat yang telah membangkitkan usaha kita dan kita sedang memikirkan sekarang *pamphlet-pamphlet* kita dan juga *browser-browser* kita untuk kita alih bahasa kepada bahasa-bahasa Mandarin dan sebagainya dan ini dalam proses dan saya percaya dalam awal tahun hadapan kita dapat melakukan ini.

Baru-baru ini kita juga telah meterai satu MOU dengan sebuah syarikat dari Yemen, *My Gulf Investment Cooperation*. Dimana syarikat-syarikat daripada Yemen melalui Halal Penang dapat bersama-sama mengadakan hubungan perniagaan dengan Yemen, iaitu bi-lateral usaha kita untuk membawa peniaga-peniaga daripada Yemen ke sini dan juga peniaga-peniaga sini ke Yemen. Pihak Penang Development Cooperation ataupun PDC telah mengadakan MOU dengan Halagel Malaysia Sdn. Bhd., untuk kita berusaha mengadakan satu kilang pengeluaran gelatin halal dan ini sedang dalam peringkat akhir dan insya-Allah lawatan baru-baru ini dengan Ketua Menteri ke Iran, kita telah mendapatkan sebuah syarikat di Iran yang sedang mengeluarkan gelatin halal di Iran dan syarikat ini bersama dengan Eksport Development Bank of Iran (EDBI), juga telah bersetuju meterai MOU dan seterusnya membincang untuk melabur di Pulau Pinang untuk kita mengeluarkan gelatin halal.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, gelatin halal hanya kurang daripada 1% pengeluaran gelatin dalam dunia ini. Gelatin ini diperlukan untuk semua bahan-bahan makanan, kebanyakan bahan-bahan makanan dan juga bahan-bahan perubatan, Penang Port Sdn. Bhd., telah memeterai MOU dengan *Century Total Logistics Sdn Bhd*. Ini apa yang saya laporkan di dalam Dewan yang mulia ini adalah usaha-usaha yang telah kita lakukan. Sungguh pun Penang Port Sdn. Bhd., menandatangani MOU dengan *Century Total Logistics Sdn Bhd*, tetapi ini dengan usaha kita, sebab Penang Port memeterai MOU dengan *Century Total Logistics Sdn Bhd* ini adalah sebab kita telah berjaya, *Alhamddulliah*, untuk mendapatkan Penang Port untuk mendapat MS 1900 2005, sebagai Syariah Compliance Logistik ataupun Port, dan Penang Port sekarang ini adalah sebuah Syariah Compliance Port yang menjadikan pelabuhan ini pelabuhan halal yang ke dua di dunia. Inilah kadang-kadang saya lihat pembangkang dia lompat-lompat, tohmahan itu. Penang Port menjadi pelabuhan ke dua di dunia selepas Rotterdam menjadi halal port. Usaha ini adalah dari Kerajaan Negeri melalui MMK Perdagangan dan juga Halal Penang dan baru-baru ini lawatan kita ke Rotterdam, mereka tanyakan soalan mengapa pergi, tidak mengapa, tanya tidak mengapa, tetapi jangan buat tohmahan saya pergi makan angin. Kita pergi ke Rotterdam untuk kita *finalists twinning of Rotterdam Port* dengan Penang Port, iaitu Rotterdam Port sebagai pelabuhan halal pertama di dunia dan Pulau Pinang pelabuhan halal ke dua di dunia akan insya-Allah dalam bulan satu ini akan meterai perjanjian *twinning* di antara kedua-dua port ini, dan di antara usaha ini adalah bukan sahaja untuk *twinning* tetapi untuk mereka bekerjasama untuk pergi ke seluruh dunia untuk menyebarkan usaha untuk pelabuhan-pelabuhan lain menjadi halal port.

Selain daripada itu juga, kita telah berjaya mendapat *Euro Feago*. *Euro Feago* ini adalah satu syarikat di Rotterdam yang mengendalikan halal port di Rotterdam dan mendapatkan *Century Total Logistics* yang mengendalikan halal logistik di Port Pulau Pinang untuk menandatangani perjanjian, so kita dapat *twinning of two ports Rotterdam Port and Penang Port* yang akan dilakukan tidak lama lagi dan juga *the two*, kedua-dua syarikat yang mengendalikan di Rotterdam dan di Pulau Pinang, insya-Allah. Penang Skill Development Center (PSDC) telah menandatangani MOU dengan HDC untuk menjadi *A Training Venue* kepada *workers*. Ini adalah antara perkara yang kita untuk Pulau Pinang ingin memajukannya, iaitu di dalam kluster Halal Penang ialah *key workers, training of key workers*. Kita tahu, kita mahu industri halal tetapi adakah pekerja-pekerja yang dilatih di dalam aspek-aspek ini dan Pulau Pinang mahu menjadi pusat mengeluarkan pekerja-pekerja *key workers* ini dan Halal Industri Limited, UK yang kita tandatangani MOU tadi di antaranya ialah untuk Pulau Pinang menjadi pembekal *key workers* halal kepada Halal Industri Dunia. Yang Berhormat. Jadi ini adalah usaha kejayaan lawatan-lawatan kita bukan untuk pergi untuk makan angin dan di setiap tempat yang kita pergi. Kita juga mengadakan hubungan dengan tempat ataupun Persatuan-persatuan Islam mereka, dan juga *certification body* mereka ....(dengan izin), supaya kita dapat dan ada hubungan di antara JAIS iaitu menjadi *certification body* di



Pulau Pinang dengan *certification body* di Jerman, Netherland, UK dan di tempat-tempat yang lain.

Di antara usaha kita ialah apabila kita melihat hub-hub halal antarabangsa di lain-lain Negeri mereka hanya menjual tanah mereka, mereka hanya mempelawa pelaburan mereka masuk ke hub halal antarabangsa mereka, tapi Pulau Pinang, Y.B. Tuan Speaker, ialah kita memberi satu *comprehensive service* kepada mereka ....(dengan izin), jikalau mereka datang ke Pulau Pinang untuk melabur, mereka tidak hanya datang ke sini untuk melabur tetapi kita akan memberi *market leakage* kita akan memberi *supply chain* sebab itulah usaha kita beberapa kali pergi ke Aceh dan beberapa kali pergi ke Selatan Thailand kerana kita tahu di Negeri Pulau Pinang kita tidak mempunyai cukup *supply* kita panggil masuk syarikat-syarikat seperti Riyad Food kita telah berbincang dengan Riyad Food, satu pengeluar makanan yang terbesar di Arab Saudi kita telah berbincang dengan *Al Islamic Food* ini berpusat di Dubai dan mengeluarkan bahan-bahan makanan ke seluruh benua, dan *Al Islamic Food* ini mengimport lebih kurang kalau kata pun tuan-tuan akan fikir betul atau tidak betul 1 juta ekor ayam satu hari *one million of head of poetry* ....(dengan izin), dan ini di *distribute* di seluruh benua Arab. Untuk mereka-mereka ini datang ke Pulau Pinang dan satu lagi syarikat dari Negeri China mereka mahu *supply* mana hendak dapat ayam, mana hendak dapat bahan-bahan pertanian, atau sumber pengeluaran mereka itulah kita sedang berusaha untuk kita *develop* untuk kita membangunkan *supply base* kita iaitu Selatan Thailand dan Aceh, sebab inilah beberapa usaha yang kita telah lakukan, dan di antara lain usaha yang telah berjaya kita lakukan adalah untuk kita sediakan R&D cluster. R&D cluster ini kita telah berjaya mendapat Prince Songkhla University daripada Patani, Chulalongkong University daripada Bangkok, Universiti Putra Malaysia daripada Kuala Lumpur, USM daripada Pulau Pinang dan juga satu lagi daripada Indonesia yang kita sedang berbincang dan dengan *cluster of R&D* ini kita juga akan memberi satu peluang kepada pelabur-pelabur yang datang melabur di industri halal di Pulau Pinang dengan *value added* untuk mereka datang.

Tentang halal park kita telah diperuntukkan beberapa bidang tanah di Bukit Minyak iaitu berhampiran dengan sains park dan bidang tanah yang pertama sudah pun alhamdulillah dipenuhi iaitu kita telah mendapat 3 syarikat yang akan mengambil tanah yang berukuran lebih kurang 28 hektar dan 3 syarikat ini duanya telah pun selesai perbincangan, satu telah pun menandatangani MOU dengan PDC, satu lagi sudah pun membuat permohonan kepada PDC dan satu lagi baru-baru ini telah menerima satu anugerah daripada pihak Kerajaan tentang *innovation* mereka dalam produk halal dan saya berharap dalam masa terdekat ke tiga-tiga syarikat ini dapat menandatangani S&P dengan pihak PDC dan Alhamdulillah juga saya ingin melaporkan di sini iaitu pihak Halal Penang akan sudah pun di *dominated* untuk mendapat satu award pada 9 hari bulan ini di *International Islamic Tourisms and Halal Conferences 2009* kita berharap kita akan dapat award ini dan kita adalah *front runner* untuk award ini di juga di *World Halal Journal* selepas MIHAS dan World Halal Forum telah *single out* Pulau Pinang sebagai peneraju utama dalam industri halal dan ini juga telah diiktiraf oleh pihak HDC *Penang is the most aggressive* ....(dengan izin), *the most aggressive state* untuk mempromosikan industri halal dan saya berharap supaya kita dapat maju ke hadapan kerana ekonomi Pulau Pinang mestilah dispesifikasikan untuk supaya kita dapat terus ke hadapan menjadi sebuah Negeri yang maju, sekian saya pohon menyokong.

#### **Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan akan berehat selama 15 minit dan akan disambung semula pada jam 4.20 petang.

***Dewan ditangguhkan pada jam 4.00 petang.***

**Dewan disambung semula pada jam 4.30 petang**

**Y.B. Dato' Speaker:**

Y.B. Padang Kota, silakan.

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker. Yang Berhormat-Yang Berhormat terlebih dahulu saya ingin ucapkan terima kasih ke atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Bajet dan juga Usul Pembangunan yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada hari Isnin, di mana dalam ucapan Bajet, Y.A.B. pun menggariskan arah tuju Pulau Pinang. Selepas Negeri Pulau Pinang diterajui oleh Y.A.B. Ketua Menteri dengan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat dan semasa perbahasan yang diambil bahagian oleh Ahli-ahli Yang Berhormat banyak perkara diutarakan di mana sebagai maklum balas kepada apa yang digariskan oleh Y.A.B. Ketua Menteri tentang visi Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah Negeri dan bandar raya bertaraf antarabangsa dan usaha-usaha oleh pihak Kerajaan Negeri bersama semua agensi Kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan masing-masing dan juga bersama-sama mengambil langkah-langkah yang sebaiknya untuk menjayakan visi ataupun menjenamakan Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah bandar raya antarabangsa dan bagi Pihak Berkuasa Tempatan dan juga pengurusan lalu lintas, kita memandang serius visi yang digubal oleh Kerajaan Negeri dan selain daripada itu Kerajaan Negeri juga ada menyebutkan bahawa di antara perkara-perkara yang perlu diberi perhatian.

Untuk menjayakan visi ini adalah kita dapat menangani beberapa isu seumpamanya, kebersihan di Negeri Pulau Pinang, isu kesesakan lalu lintas dan isu keselamatan awam iaitu (3C) *Cleanliness, Congestion and Crime* yang diberi tumpuan oleh Kerajaan Negeri ini. Selain daripada ini, Y.A.B. juga telah membawa kepada perhatian Dewan ini dan rakyat jelata Negeri Pulau Pinang tentang usaha-usaha yang sudah pun dilakukan sama ada dalam program sosial yang sudah dan akan dilaksanakan dalam tempoh yang terdekat tetapi satu perkara yang ditekankan adalah usaha Negeri Pulau Pinang untuk menjadi sebuah Negeri yang hijau mengamalkan pendekatan-pendekatan dan mengambil kira alam sekitar sebagai satu pendekatan pembangunan di Negeri Pulau Pinang ini dengan menggalakkan penggunaan teknologi hijau, sumber tenaga yang dapat diguna semula dan pelbagai inisiatif alam sekitar sudah pun digerakkan ataupun dalam proses perancangan. So / rasa Pihak Berkuasa Tempatan ini memainkan peranan yang penting untuk menyokong segala visi dan juga pendekatan-pendekatan yang di utarakan oleh Kerajaan Negeri melalui ucapan dasar Y.A.B. Ketua Menteri.

Saya berharap Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Pulau Pinang, cuma ada dua, MPPP dan MPSP dapat juga mengambil maklum dan memandang serius terhadap apa yang disifatkan oleh saya sebagai arah tuju Negeri Pulau Pinang, sepertimana digariskan dalam ucapan utama Y.A.B. Ketua Menteri dalam ucapan Bajet Y.A.B. Sebab PBT sebagai Pihak Berkuasa Tempatan diberi amanah untuk mengawal perancangan di Negeri di peringkat pihak berkuasa mempunyai peranan yang amat besar supaya dapat kita menjayakan segala usaha-usaha yang diidamkan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Saya rasa Pihak Berkuasa Tempatan menjadi satu sayap yang amat penting kepada Kerajaan Negeri demi memeluk apa-apa visi yang digariskan oleh Kerajaan

Negeri dan melihat dalam diri dalam Pihak Berkuasa Tempatan bagaimana kita dapat menggubal dasar-dasar melihat bagaimana kita dapat struktur semula organisasi kita dan bagaimana kita menjaga dan mengurus kewangan kita, dan bagaimana kita melaksanakan undang-undang di samping bagaimana kita *engage* dengan *stakeholders* termasuk pembayar cukai dalam proses menyokong segala usaha Kerajaan Negeri dan saya percaya selain daripada PBT. PBT juga bersama dengan agensi-agensi dalam Negeri ini bersama-sama saling bantu-membantu untuk menjayakan visi Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Speaker, sebelum saya memberi ulasan kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, satu isu yang sering di bawa kepada Dewan Yang Mulia ini atau pun di luar Dewan adalah seperti apa saya katakan tadi PBT memainkan peranan untuk menyokong dasar dan visi yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Dari semasa ke semasa pihak Kerajaan Negeri akan memperturunkan perkara-perkara yang ingin dilaksanakan di peringkat tempatan dan agensi yang untuk melaksanakan dasar ini adalah Pihak Berkuasa Tempatan, tetapi kadangkala ianya disifatkan sebagai campur tangan pihak Kerajaan Negeri atas urus tadbir Pihak Berkuasa Tempatan. Saya tidak begitu setuju dengan pandangan ini, sungguhpun kita ada 3 lapisan Kerajaan di Malaysia ini, di Pusat, Negeri dan Tempatan. Ketiga-tiga lapisan Kerajaan ini tidak wujud secara berasingan tetapi wujud saling gantung-menggantung ada hubung kait yang amat rapat. Oleh kerana wujudnya undang-undang yang mengawal hubungan 3 lapisan Kerajaan ini, kalau lah kata Pihak Berkuasa Negeri campur tangan dalam urus tadbir PBT, apakah pula campur tangan pihak berkuasa Pusat terhadap urus tadbir Kerajaan Negeri dan urus tadbir Pihak Berkuasa Tempatan sebab banyak ataupun sumber kuasa Pihak Berkuasa Tempatan mahupun Pihak Berkuasa Negeri adalah berpunca daripada Akta-akta yang digubal oleh Parlimen. Jadi hubungan ini tidak dapat dielakkan dan ada hubungan kait yang amat penting. Kalau kita lihat Akta Kerajaan Tempatan tahun 1976, Bahagian 2 tentang pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan.

Kita nampak ada banyak seksyen-seksyen *Government Act* ini yang menggariskan hubungan di antara Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Misalnya seksyen 3 ....(dengan izin), *declaration and determination of status of local authority area*. Itu Kerajaan Negeri, pihak berkuasa Negeri ada hak untuk menentukan kawasan mana yang dijadikan Pihak Berkuasa Tempatan sehingga apa nama Pihak Berkuasa Tempatan itu, MPPP, MPSP ataupun MP Jawi atau lain-lain kawasan yang boleh diwujudkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Maksudnya sumber ataupun lahirnya Pihak Berkuasa Tempatan adalah atas tindakan Kerajaan Negeri sendiri. Jadi kalau lah wujudnya satu Pihak Berkuasa Tempatan atau punca daripada Pihak Berkuasa Negeri, saya tidak nampak tuduhan terhadap Kerajaan Negeri atas urus tadbir Pihak Berkuasa Tempatan. Selain daripada itu, Pihak Berkuasa Negeri juga boleh bertukar nama Pihak Berkuasa Tempatan MPSP tak sedap kita tukar MP Jawi misalnya, aturkan sempadan-sempadan Pihak Berkuasa Tempatan. Itu pun menunjukkan Pihak Berkuasa Negeri ada kawalan terhadap bagaimana satu-satunya Pihak Berkuasa Tempatan berfungsi. Seksyen 5 pula, Pihak Berkuasa Negeri juga ada hak untuk mencantum 2 Pihak Berkuasa Tempatan.

Di Negeri Pulau Pinang kita susah lah nak cantum sebab memang sudah ada 2 saja. Misalnya di Perak mungkin ada beberapa, melebihi 10 Kerajaan Negeri boleh pilih cantum Majlis Perbandaran Taiping dengan Kerian untuk dijadikan satu Pihak Berkuasa Tempatan. Ini semua dihujahkan oleh saya sebab untuk menunjukkan memang ada hubungan rapat di antara Kerajaan Negeri dengan Pihak Berkuasa Tempatan yang khususnya seksyen 9(i) iaitu dari semasa ke semasa, Pihak Berkuasa Negeri boleh memberi *direction of a general corrector* ....(dengan izin), kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk melaksanakan dasar-dasar dan visi-visi yang ditetapkan Kerajaan

Negeri. Misalnya untuk menjayakan Penang sebagai International City, kalau satu *International Convention Centre* adalah mustahak untuk menjayakan visi ini. Pihak Berkuasa Negeri bolehlah memberi arahan ataupun *guidelines* kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengambil langkah-langkah yang bersesuaian untuk menjayakan projek ini demi menjadi satu langkah memenuhi aspirasi menjadi bandar raya.

**Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):**

Tolong bagi laluan. Terima kasih. Y.B. Dato' Speaker, Y.B. Padang Kota, saya memang faham apakah visi Kerajaan Negeri kita untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah bandar raya antarabangsa dan sebuah Negeri hijau yang kita harap-harapkan. Tetapi kalau PBT pun, dia buat sesuatu keputusan yang silap misal dia tak buat kajian dia nak melaksanakan sesuatu pelaksanaan seperti pelaksanaan kutip hasil letak kereta di Daerah SPS. Saya rasa apa yang saya nampak yang projek ini akan merugikan Kerajaan. Saya faham Kerajaan kita mementingkan kebajikan rakyat, Kerajaan kita menumpukan fokus kepada golongan yang berpendapatan rendah dan membantu mereka yang tak dapat hidup berdikari adalah satu tindakan yang bijak dan harus dipuji oleh kita semua. Apa yang saya nampak di Nibong Tebal kita.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Y.B. Jawi, Yang Berhormat minta penjelasan kan, penjelasan tentang apa yang digulung oleh Yang Berhormat Padang Kota tadi.

**Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):**

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker, saya belum masuk lagi. Maksud saya keputusan melaksanakan.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Y.B. Jawi minta penjelasannya. Penjelasan tentang apa yang digulung oleh Y.B. Padang Kota tadi

**Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):**

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker, saya belum masuk lagi, maksud saya keputusan melaksanakan projek tersebut adalah salah kerana segala kerja-kerja persiapannya saya tak nampak jelas sedangkan dia mendatangkan satu keadaan yang mudarat kepada masyarakat di sana memandangkan keadaan sedemikian, saya harap Pihak Berkuasa Tempatan Negeri kita harus juga bercampur tangan untuk membetulkan keadaan sebenar bukan apa bukan saya nak bantah, saya pun berasa malu, segan juga saya berdiri bercakap pasal hal ini saya pun sudah lembik. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker, terima kasih Y.B. Jawi sebab kita masih ingat janji Y.B. Jawi pada tahun lepas Y.B. Jawi buat rayuan kepada pihak Kerajaan Negeri supaya tangguh keputusan untuk kutip *fee* letak kereta di pusat pekan Nibong Tebal. Janji pada masa itu saya rayu satu tahun sudah cukup bila satu tahun sudah sampai tidak cukup rasanya mohon rayu lagi. Tetapi saya rasa keputusan ini sudah diambil oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di Majlis Penuh selain daripada seorang ahli Majlis yang ada suara yang berlainan perkara ini pun diluluskan oleh Majlis Penuh Majlis Perbandaran Seberang Perai. Jadi saya rasa sebagai Ahli Kerajaan, kita cubalah

menjelaskan dasar-dasar yang digubal ataupun yang ditetapkan oleh Majlis Perbandaran ataupun Pihak Berkuasa Negeri dan seharusnya nampak mempunyai pendirian yang sama atas isu ini dan kalau pada masa-masa dulunya dilanjutkan kutipan atas pertimbangan politik. Nampaknya kita dalam memutuskan sesuatu kita cubalah mengurangkan pertimbangan politik dalam proses keputusan kita. Kalau ianya adalah satu dasar yang membantu Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengawal keadaan lalu lintas dan menjadi satu dasar urusan trafik ianya harus disokong. Kalau tidak di Seberang Perai pun ada banyak pekan-pekan dan pusat bandar misalnya di SPU, di Butterworth, di Bukit Mertajam. Tadi saya ada dengar 2 ahli dari Bukit Mertajam menyatakan kalau Nibong Tebal dikecualikan, mengapa? Adakah kita Adun-Adun di Bukit Mertajam tak cukup kuat untuk melarang kutipan *parking fees* di Bukit Mertajam jadi ini akan menimbulkan banyak isu sampingan.

**Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):**

Tolong bagi laluan.

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Jadi saya atas isu ini, penjelasan dalam dan di luar Dewan ini sudah belasan kali dijelaskan kepada Y.B. Jawi dan saya tidak bercadang untuk memanjangkan perkara ini melainkan..

**Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):**

Tolong bagi laluan.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Tak diberikan laluan.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Untuk menyambung, Y.B. Dato' Speaker, perkara lain ....(gangguan). Akta yang sama juga mengenai urusan kewangan, urusan akaun dan sebagainya sampai *by law* yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan juga perlu restu pihak Kerajaan Negeri sebelum *by law*, *by law* dapat diguna pakai di Pihak Berkuasa Tempatan. Satu perkara mengenai nilai atas harta, cukai pintu dan sebagainya juga perlulah kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Bajet yang diluluskan oleh Majlis Penuh pun perlulah di sampai ke MMK untuk kelulusan dan satu *provision* yang amat penting juga sampai fungsi-fungsi pegawai-pegawai tertentu ataupun fungsi-fungsi Pihak Berkuasa Tempatan boleh juga diambil alih Pihak Berkuasa Negeri. Jadi nampaknya undang-undang ini memperuntukkan peranan penting Pihak Berkuasa Negeri memberi arah tuju kepada Pihak Berkuasa Tempatan supaya Pihak Berkuasa Tempatan dapat menyokong dasar-dasar dan visi-visi Pihak Berkuasa Negeri tetapi ini tidak bermakna bahawa Pihak Berkuasa Negeri setiap perkara pun hendak mengambil keputusan yang berlainan daripada apa yang diputuskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Jadi, kita menyebutkan perkara ini untuk memberi satu gambaran di mana usaha-usaha Kerajaan Negeri perlulah dan sepatutnya disokong oleh Pihak Berkuasa Tempatan supaya kita dapat menjayakan segala misi dan visi yang diharapkan oleh Kerajaan Negeri untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang sebuah Negeri yang hijau, mengamalkan pendekatan untuk menjaga alam sekitar kita, menguruskan trafik dan sebagainya dan lebih-lebih lagi tersenarainya George Town sebagai Tapak Warisan UNESCO. Beban atas Majlis Perbandaran Pulau Pinang pun amat berat di mana selain daripada perkara-perkara yang sememangnya lazim diuruskan oleh Majlis Pengisytiharan George Town

sebagai Tapak Warisan ini akan memberi satu tanggungjawab yang berat kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Kita sememangnya tak boleh lihat satu keadaan okeylah Kerajaan Negeri mahu George Town menjadi tapak warisan dunia tapi di Pihak Majlis kita tak mahu jadi. Perkara ini tak wujud cuma satu andaian kalau dua lapisan Kerajaan Negeri ini bercanggah dalam pendekatan ianya akan membawa kepada masalah.

Y.B. Permatang Berangan menyebut tentang isu perkuburan dan Y.B. Batu Maung pun ada menyentuh tentang keperluan perkuburan orang-orang Islam yang akan diuruskan oleh Majlis Agama Islam dan Jabatan Agama Islam manakala tanah-tanah perkuburan bagi bukan Islam akan juga diuruskan oleh jawatankuasa di bawah Kerajaan Negeri dan rancangan struktur Negeri sememangnya sudah pun buat unjuran tanah-tanah perkuburan bagi seluruh Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Tempatan akan menjernihkan lokasi-lokasi satu keperluan asas bagi penduduk-penduduk Pulau Pinang ini bagi semua agama.

Bagi menjawab soalan tambahan yang timbul oleh Telok Bahang semasa perbahasan, isu pencemaran najis di IWK di Telok Kumbar. Mengikut maklum balas IWK mendapati bahawa *Power Cabel* di Sungai Batu dicuri pada 19 September tahun ini. Walaupun ia diganti pada hari yang sama kecurian kabel itu berlaku sekali lagi pada 7 Oktober jadi IWK sedang dan telah mengambil tindakan menggantikan kabel tersebut dengan menanamnya dalam *cement grounding* supaya kes kecurian ini tidak berlaku.

Y.B. Pulau Betong ada sebut tentang perkhidmatan CAT atau *Centre Area Transit*, apakah perkhidmatan ini diperluaskan kepada kawasan-kawasan luar bandar. Sememangnya Kerajaan Negeri ada menyampaikan hasrat kepada Rapid Penang untuk tambah tiga lagi bas bagi perkhidmatan ini dan perkara ini masih dalam peringkat rundingan.

Y.B. Sungai Bakap juga menyentuh tentang perkhidmatan awam di Seberang Perai Selatan terutamanya di Sungai Nibong Tebal didapati amat lemah. Menurut Rapid Penang yang dalam proses menambah bilangan bas di laluan-laluan yang sedia ada iaitu Penang Central ke Nibong Tebal dan Nibong Tebal ke Bukit Mertajam selain dari itu Rapid juga merancang untuk menambahkan operasi di laluan baru seperti Changkat Nibong Trans Kerian melalui jalan Sungai Kecil, Nibong Tebal Trans Kerian melalui Sungai Berembang, Sungai Acheh, Sungai Udang, Senayan dan Sungai Bakap dan selain daripada itu kerana ada kutipan *fee parking*. Rapid Penang sedang bekerjasama dengan JKP untuk membina hub di Nibong Tebal untuk menyelesaikan masalah di sana untuk keselesaan para penumpang di Seberang Perai Selatan.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Tolong bagi laluan.

**Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):**

Terima kasih, Y.B. Dato' Speaker, Y.B. Padang Kota tahukah Y.B. Padang Kota bahawa perhentian bas tepi jalan di pekan Nibong Tebal amatlah merbahaya kepada lalu lintas. Apa yang saya nak sampai, bilakah pihak JKP akan mengambil tindakan untuk membina sebuah hub perhentian bas apa *inter-changed* ka di kawasan Nibong Tebal. Perkara ini telah lama saya ungkit, apa yang saya dapat juga jawapan daripada Yang Berhormat bahawa pihak JKP tak buat permohonan dalam hal ini untuk mendirikan sebuah perhentian bas di sana.

Bolehkah kita biarkan satu keadaan yang membahayakan kepada pengguna-pengguna jalan di kawasan Nibong Tebal di sana diteruskan dengan begitu sahaja.

Sedangkan perhentian tersebut juga terletak di hadapan simpang tiga yang berdekatan dengan sebuah Masjid Jamek. Ini saya keadaan ini sangatlah merbahaya kerana beberapa kemalangan telah pun berlaku di sana. Saya tidak boleh terima sampai bila, sampai terjadi apa-apa kemalangan jiwa baru kita nak bertindak sedangkan kawasan tapak yang dimaksudkan itu pun dibiarkan menjadi semak samun dan apa yang menyedihkan lagi dalam tu terdapat penagih dadah dan kawasan tepi di sebuah stesen SHELL, ini amat merbahaya sekiranya meletup apa-apa kebakaran di sana. Saya rasa Bomba Nibong Tebal nak selamatkan pun payah. Jadi, saya berharap PBT bukan saja terpaksa mengambil tindakan untuk memaksa pihak Rapid bas dan pihak JKP untuk mengambil tindakan untuk mendirikan bas stesen itu dengan secepat mungkin, secara tidak langsungnya ia akan meransang pergerakan ekonomi di Nibong Tebal juga. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Apa yang dikatakan oleh Y.B. Jawi adalah jawapan yang diberikan pada sesi-sesi yang lalu. Apa yang saya kata pada masa itu sememangnya JKP tidak berhasrat tetapi jawapan pada petang ini saya kata Rapid Penang sedang bekerjasama dengan JKP untuk membina hub. Memang ada kemajuan dari segi ini dari tidak mahu buat sekarang runding nak buat di katakan tahun 2010 akan menyelesaikan perkara hub di Nibong Tebal. Sementara itu Yang Berhormat tempatan bolehlah mencadangkan lokasi yang sesuai kepada Rapid, tidak perlu tunggu sidang Dewan untuk membangkitkan satu kesulitan ditempatkan. Memang kita boleh dari semasa ke semasa memberi maklum balas kepada Rapid Penang atau kepada saya. Berhubung dengan pandangan Y.B. Pantai Jerejak, menjadikan Pulau Pinang satu metropolitan yang merangkumi Georgetown, Bayan Baru, Balik Pulau hingga ke Kulim. Memang kalau kita lihat rancangan struktur Negeri, *connotation* Georgetown sebagai pusat pembangunan

selepas Lembah Klang, sememangnya *connotation* George Town ini melibatkan bandar-bandar yang disebutkan oleh Yang Berhormat sememangnya ianya di dalam rancangan struktur Negeri di mana apabila di mana satu tahap di mana pulau mencapai satu tahap pembangunan yang tidak mengizinkan pembangunan yang besar pandangan kita seharusnya lihat kepada Seberang Perai yang pada masa kini mempunyai ruang yang besar untuk pembangunan-pembangunan fizikal, ekonomi dan sebagainya. Lebih-lebih lagi Pulau Pinang dikenal pasti sebagai hub bagi NCER. Sememangnya peranan Negeri Pulau Pinang, George Town dan Butterworth ini dalam peringkat Negeri sudah dikenal pasti sebagai hub, di peringkat wilayah iaitu IMT-GT iaitu Indonesia, Malaysia dan Thailand, Growth Triangle, Negeri Pulau Pinang juga memainkan peranan yang amat besar tetapi mungkin dalam peringkat ini pembangunan-pembangunan masih tertumpu di pulau ini dan saya rasa arah tuju kita sememangnya di Seberang Perai dan diharapkan di bawah Northern Koridor ini NCIA dapatlah melakukan dan menjayakan program-program dan projek-projek mereka supaya Negeri Pulau Pinang benar-benar menjadi hub dan bukan saja bagi NCER tetapi kepada IMT-GT. Dan lain-lain Yang Berhormat juga ada mengalu-alukan usaha pembinaan *Convention Centre* di PISA.

Sukacita dimaklumkan bahawa baru-baru ini *consultant* sudah membuat pembentangan kepada Jawatankuasa Perancangan Negeri dan MPPP sedang mengambil tindakan susulan untuk meneliti reka bentuk dan sumber-sumber kewangan untuk menjayakan PICC ini sungguhpun bajet MPPP sudah memperuntukkan RM30 juta bagi tahun akan datang dan RM20 juta satu tahun lagi tetapi di peringkat ini ianya masih terbuka kepada kemungkinan penglibatan pihak swasta untuk membiayai projek yang besar ini. Mengenai laluan basikal adalah dimaklumkan tiga laluan basikal telah dikenal pasti Yang Berhormat sendiri dan Y.B. Tanjung Bunga memang diberi *mandate* melalui satu jawatankuasa khas untuk melihat bagaimana *the Great Penang Trail* dan *bicycle*

lane di seluruh pulau ini dapat diwujudkan mungkin di bahagian selatan pulau sehingga JE dan Batu Maung dan peruntukan di bawah Rancangan Malaysai Ke-10 akan dipohon untuk melaksanakan projek ini.

Y.B. KOMTAR ada memberi perhatian kepada CCTV bukan sahaja tempat-tempat letak kereta awam tetapi di seluruh kawasan di bawah MPPP dan MPSP. Walaupun MPPP telah belanjakan satu peruntukan yang banyak untuk mendirikan 31 buah CCTV dalam tahun 2008. Permohonan untuk memasang 24 buah lagi CCTV oleh MPPP dan MPSP sudah pun disampaikan kepada Kementerian dan dalam peringkat memanggil tender. Selain daripada itu, di bawah bidang keberhasilan utama Negara iaitu NKRA iatu National Key Result Area iaitu di bawah Kementerian Dalam Negeri. Saya difahamkan di peringkat pegawai PBT sedang berurusan dengan Kementerian dengan usaha pihak Polis mengenalpastikan 200 lebih lokasi untuk dipasangkan CCTV di bawah peruntukan NKRA ini. Ini melibatkan Pulau Pinang dan juga Seberang Perai. Bagi syarat untuk memperbaharu lesen pengusaha tempat-tempat letak kereta saya akan ambil tindakan untuk melihat mengapa sampai sekarang notis-notis kepada pengusaha-pengusaha masih belum disampaikan.

Y.B. KOMTAR juga ada menyebutkan tentang kekangan kuasa oleh Pihak Berkuasa Tempatan kerana ada undang-undang tertentu atau undang-undang kecil yang memang tidak memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengambil tindakan-tindakan penguatkuasaan. Dalam pilot projek di Pulau Tikus baru-baru ini di bawah usaha The Congestion Georgetown sebab ianya satu pilot projek kita ingin uji setakat mana kuasa ada pada PBT dan langkah-langkah yang diambil adalah berkesan untuk menangani masalah kesesakan lalu lintas dan usaha ini memberi satu iktibar kepada kita bahawa sememangnya ada kekangan dari segi perundangan Pihak Berkuasa Tempatan dalam banyak keadaan tidak ada kuasa yang sedemikian.

Oleh itu Penang Transport Council sedang dan saya difahamkan Jawatankuasa Infrastruktur dan MPPP pun pada esok hari akan membincangkan pindaan-pindaan pada undang-undang kecil di mana Pihak Berkuasa Tempatan dapat lah undang-undang dan kuasa-kuasa yang tertentu supaya inisiatif seperti *The Congestion* Pulau Tikus dan langkah-langkah menutup roda ataupun menarik kenderaan yang letak di garisan kuning ini dapat ditangani.

#### **Ahli Kawasan KOMTAR (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):**

Pohon penjelasan. Saya nak tanya dalam proses untuk kita mengemas kini perundangan yang tidak relevan lagi adakah ADUN-ADUN kita dipelawa untuk memberi input-input yang membina dalam proses situ.

#### **Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Sememangnya ADUN-ADUN dijemput untuk memberi input-input dalam ucapan di Dewan ini pun akan diambil kira. Dan dari semasa akan diatur oleh Bahagian Kerajaan Tempatan ataupun Majlis-majlis Perbandaran secara berasingan. Ada kalanya kehadiran tidak berapa bagus sehingga taklimat untuk misalnya telekomunikasi struktur itu pun tak ramai ADUN yang hadir walaupun ada ADUN yang sering menimbulkan isu-isu sedemikian. Untuk menjawab soalan berhubung dengan garis panduan pembinaan menara telekomunikasi adalah dimaklumkan bahawa Y.B. Dato' Speaker, garis panduan berhubung dengan pembinaan telekomunikasi di Pulau Pinang ini telah ditambah baik berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan



Tempatan atau KPKT.

Garis panduan baru iaitu prosedur dan garis panduan pembinaan menara dan struktur pemancar telekomunikasi Negeri Pulau Pinang telah disediakan dan diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 20 November tahun ini. Garis panduan ini tidak berdasarkan kriteria-kriteria dan peraturan yang ditetapkan oleh KPKT tetapi sebagai satu usaha untuk menambah baik garis panduan yang sedia ada. Sebagai Kerajaan yang prihatin dengan inspirasi rakyat garis panduan baru ini dipinda untuk membenarkan tuan tanah lot jiran membuat bantahan sekiranya tidak bersetuju dengan cadangan pembinaan menara telekomunikasi di sesuatu tapak. Tidak ada peraturan seperti ini dalam garis panduan yang lama. Jarak menara dari bangunan juga mengikut piawaian yang ditetapkan oleh KPKT. Dalam usaha untuk membendung pembinaan menara telekomunikasi yang haram, Kerajaan Negeri juga meluluskan satu moratorium berkuat kuasa sehingga 30 Jun tahun hadapan dengan tidak ambil tindakan terhadap menara haram yang telah dilaporkan kepada Kerajaan. Walau bagaimana pun dalam tempoh ini syarikat telekomunikasi ini mengambil tindakan supaya struktur telekomunikasi mematuhi dengan peraturan yang ditetapkan. Struktur yang tidak dapat mematuhi peraturan akan dikenakan tindakan oleh PBT selepas tempoh moratorium ini berakhir.

Y.B. ADUN Tanjung Bungah sekali lagi menimbulkan mengenai pilihan raya di peringkat Kerajaan Tempatan sebabnya ia merupakan hak rakyat untuk memilih Kerajaan Tempatan. Aspirasi ini sememangnya juga merupakan aspirasi Kerajaan Negeri dan isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sudah pun diperjelaskan beberapa kali sama ada dalam forum Kerajaan Tempatan atau pun dalam sesi Dewan Undangan Negeri sehingga satu usul yang khas juga dibentangkan dan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Selain daripada perkara-perkara yang sudah pun dilakukan saya rasa Kerajaan Negeri akan terus menerokai lain-lain cara untuk menuju ke arah pilihan raya bagi Kerajaan Tempatan bagi hasrat rakyat yang inginkan demokrasi, keadilan, ketulusan yang hanya boleh dicapai melalui pilihan raya peringkat Kerajaan Tempatan.

Y.B. Datok Keramat dan beberapa ahli yang lain juga menunjukkan minat terhadap Majlis Pengangkutan Negeri. Apakah perancangan sudah dibuat untuk memperbaiki sistem pengangkutan di Negeri Pulau Pinang. Untuk makluman Dewan dan Y.B. Dato' Speaker, Majlis Pengangkutan Negeri atau (PTC) *Penang Transport Council* telah menetapkan strategi untuk menambahbaikkan dan meningkatkan kecekapan rangkaian jalan dan keupayaan pengangkutan awam. Perancangan atau pelan tindakan untuk jangka masa tertentu telah dikemukakan perancangan ini telah menggariskan program-program yang harus dilaksanakan supaya sistem pengangkutan di Pulau Pinang dapat ditambah baik.

Perancangan ini akan dikaji dari semasa ke semasa bagi jangka masa pendek di *Congestion* George Town selain daripada program di Pulau Tikus pihak MPPP juga sudah melantik seorang juru perunding untuk mengkaji semula segala aliran trafik di George Town ini melihat semula *look-look* trafik sehala yang sudah diwujudkan selain daripada itu melihat keadaan trafik di sepanjang Green Lane dan juga Air Itam. Diharapkan selepas kajian jangka masa pendek ini beberapa tindakan dapat diambil untuk menangani kesesakan di tempat-tempat yang saya sebutkan tadi, kita pun dalam proses untuk melantik satu juru perunding saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri sebab dalam bajet ini satu peruntukkan sebanyak RM1.3 juta disediakan, bajet yang dipohon oleh *Penang Transport Council* adalah RM2 juta, tetapi dalam tahun ini memadai RM1.3 juta disediakan sebab kajian ini mengambil masa satu hingga satu setengah tahun dan bakinya akan dapatlah diperuntukkan dalam bajet yang akan datang.

Di samping itu kita pun akan melancarkan laman web Majlis Pengangkutan Negeri kita pun sudah mengambil tindakan untuk menambah baik KOMTAR *interchange* satu masalah yang berlarutan bertahun-tahun dan diharapkan dengan pelaksanaan *house route* di KOMTAR *interchange* ini nampaknya ada sedikit sebanyak keadaan diatasilah kesesakan di sekitar KOMTAR *interchange*, dalam masa jangka sederhana kita kerjasama Rapid Penang sebab moto bagi PDC ialah *moving people and not cars* itu kita harap melalui pengangkutan awam orang-orang yang ingin ada urusan niaga, rekreasi, pergi sekolah, melawat kawan atau apa pun bolehlah bergantung kepada pengangkutan awam dan tidak perlu untuk menggunakan kenderaan seorang pandu sebuah kereta yang akan menimbulkan masalah kesesakan lalu lintas. Saya ingin melaporkan bahawa kerjasama rapat dengan RapidPenang kebanyakan kerja-kerja infrastruktur untuk menambah baik perhentian bas, depot sudah pun hampir 90% siap, pada *end of this year* mungkin kita akan dapat lihatlah semua perhentian bas dan depot sudah siap dan sememangnya dengan tambahnya 200 bas yang baru *frequency* bas sudah pun bertambah baik, jangka panjang kita ingin hendak lihat *dedicated bus lane* tetapi ini bukan satu perkara yang mudah tetapi sedang diambil kira oleh *Penang Transport Council* dan inilah sedikit sebanyak yang dilakukan oleh *Penang Transport Council*. Ada sedikit lagi berhubung dengan teksi bermeter, sememangnya kita akui ini adalah satu masalah yang wujud di Negeri Pulau Pinang ini selama tiga puluh tahun masih tidak dapat dibereskan oleh kerana lesen dikeluarkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan dan Perdagangan dan penguatkuasaan oleh JPJ dan Polis. Kita sememangnya *engage* dengan tiga agensi persekutuan ini dan mereka pun ahli jawatankuasa MMK lalu lintas di mana masalah-masalah sedemikian selalunya dibincangkan dalam mesyuarat ini.

Kita juga berharap usaha Kerajaan Pusat untuk menubuhkan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat pada bulan Mac yang akan datang di mana semua agensi yang terbabit dalam urusan pengangkutan darat ini dapat diletakkan di dalam satu bumbung yang baru atau satu agensi yang baru. Kita tidak tahu, sebab kita tidak dilibatkan dengan sepenuhnya. Ini satu perkara yang tidak memuaskan sebagai Pihak Berkuasa Tempatan Negeri kita seharusnya dilibatkan dengan sepenuhnya untuk menggubal satu undang-undang yang baru.

Untuk menubuhkan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) tetapi nampaknya setakat ini penglibatan adalah minima sahaja. Kita akan memberi perhatian kepada SPAD ini supaya dengan adanya satu Suruhanjaya yang khas yang akan menggabungkan semua agensi yang pada masa ini diletakkan di dalam Kementerian-kementerian yang berlainan. Harapan kita dengan SPAD ini segala usaha berhubung dengan pengangkutan dan pengangkutan awam dapat diseragamkan dan diselaraskan supaya juga di samping itu Kerajaan Negeri dan Juga Kerajaan Tempatan diberi diperturunkan kuasa untuk penguatkuasaan. Jadi dengan ini saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh tentang Kerajaan Tempatan dan pengurusan lalu lintas semasa perbahasan dan juga melalui soalan-soalan tambahan. Apa yang mungkin saya tidak sentuh saya percaya sudah pun dijawab melalui soalan bertulis saya perhatikan ada Ahli-ahli menimbulkan soalan perkara yang sudah pun dijawab dalam soalan yang bertulis, sekian, terima kasih.

**Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):**

Sebelum pergi ke lain-lain hal saya minta.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Y.B. Jawi sudah habis, sudah habis.

**Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):**

Tak, tak, tadi saya hendak minta laluan, sebab benda ini.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Teruskan Y.B. Perai, Jawi duduk.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Saya ucapkan terima kasih kepada Y.B. Dato' Speaker, kerana memberi peluang kepada saya untuk menggulung perbincangan bajet 2010. Y.B. Dato' Speaker, saya akan menyentuh perkara-perkara yang menjadi pokok dalam perbincangan saya dan kemudian saya akan beralih kepada soalan-soalan yang *sweet-sweet* yang kita dapat daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat. Pertama isu dana sekolah telah dibangkitkan oleh Y.B. Sungai Dua, isu dana sekolah kepada sekolah-sekolah *vernakular* dan juga sekolah-sekolah kebangsaan.

Y.B. Dato' Speaker, ini telah dibangkitkan saya rasa dalam sesi yang ketiga setiap kali soalan ini dibangkit saya ada beri jawapan bahawa apabila Kerajaan Negeri ini memutuskan untuk memberi dana kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, Sekolah Agama Rakyat adalah prinsip bahawa sekolah-sekolah ini adalah sekolah bantuan modal dan bukan bantuan penuh, jadi sekolah kebangsaan diadakan sebagai bantuan penuh yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan, jadi anggapan kami bahawa sekolah-sekolah bantuan modal ini perlu dibantu oleh yang demikian Kerajaan Negeri memutuskan bahawa sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina, Tamil dan Sekolah Agama akan diberi bantuan dana. Saya rasa bantuan lain kita beri tetapi bukanlah bantuan yang besar RM11.3 juta kemungkinan ini akan dinaikkan pada tahun akan datang, jadi kenapa soalan ini selalu ditimbulkan. Saya pun tidak faham mungkin dia tidak faham, mungkin dia sengaja hendak bangkitkan jadi Y.B. Dato' Speaker, saya pun semangat kurang kerana mereka tiada hari ini.....(ketawa), sekarang dia pun tidak ada.

Y.B. Dato' Speaker, dalam konteks ini saya rasa pemberian bantuan ini bukanlah merupakan ....(dengan izin), *one of payment* ini akan diteruskan selama Pakatan Rakyat ini memerintah Pulau Pinang, jadi isu ini, bantuan ini apakah kesan bantuan ini, mungkin saya beri satu contoh kita ada Sekolah Tamil, di Pulau Pinang ada 28 buah sekolah Tamil, bukan semua Sekolah-sekolah Tamil ini ada tanah ataupun bangunan yang saya rasa baik atau sempurna jadi kita ambil kes, SRJK (T) sampai di Nibong Tebal. Sebelum kita menyumbang ke arah ini sekolah itu ada 17 murid sahaja. Apabila kita menyumbang jumlah RM100,000.00 atas permintaan sekolah, atas permintaan PIBG dan kemudian infrastruktur-infrastruktur yang dapat dilaksanakan, bahawa saya dengar baru-baru ini Y.B. Dato' Speaker ini *enrollment* jumlah murid ini bertambah, so jadi dana yang bukan begitu besar kepada sekolah-sekolah ini adalah suatu yang di mana sekolah-sekolah ini hampir akan ditutup boleh dipulihkan dan sebagainya.

Tetapi apa yang saya rasa sangat mendukacitakan ialah saya telah menulis beberapa surat kepada Kementerian Pendidikan bahawa Kerajaan Negeri ini bersedia memberi tanah kepada sekolah-sekolah *vernakular* atau sekolah-sekolah yang tidak ada tanah dan saya rasa saya tidak boleh dapat satu jawapan atau pun maklum balas yang positif sebab Kerajaan Negeri ini bersedia memberi tapak kepada sekolah-sekolah yang tidak ada tanah tetapi kita tidak ada lesen. Bangunan ini mesti didirikan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Pusat, jadi dalam hal ini kita pun rasa macam tidak ada *probability* sangat sebab bangunan ini mesti didirikan oleh Kerajaan Persekutuan. Jadi pada tahun akan datang saya rasa Kerajaan Pakatan Rakyat di Negeri Pulau Pinang akan juga bantu sekolah-sekolah *vernakular* sepertimana yang kita bantu. Isu jenayah Y.B. Penaga, memang dia bangkitkan isu ini yang saya rasa relevan dan ini akan

sentiasa diambil perhatian oleh Kerajaan Negeri. Apatah lagi kita ada Jawatankuasa Keselamatan Negeri. Hari ini pun ada juga Jawatankuasa Keselamatan Negeri... (gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima ( Y.B. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Minta laluan, Yang Berhormat saya minta maaf kerana perkara ini telah pun disebut oleh Yang Berhormat, tetapi kita ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat, kerana sejak Yang Berhormat memegang portfolio ini, kita dapati bahawa banyak kemajuan kepada sekolah-sekolah *vernakular*, khususnya kita melihat bahawa selepas Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil pimpinan Negeri, sekolah Tamil diberi satu nyawa baru dan satu perkara yang baik, yang saya harus sebutkan untuk berterima kasih ialah tanah telah peruntukan untuk pembinaan Sekolah Jenis Tamil Azad dan ini merupakan satu pencapaian yang begitu baik, walau pun Exco-ecxo MIC daripada Barisan Nasional tidak dapat mencapai perkara ini. Walau pun sejak lebih kurang 50 tahun mereka memimpin Kerajaan Negeri, kita dapati dalam masa yang singkat Y.B. Perai telah pun memberi pencapaian yang begitu baik. Cuma perkara ini kita harus katakan di sini. Sekian, terima kasih.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih Y.B. Seri Delima, isu Sekolah Tamil Azad ini adalah yang menimbulkan satu kontroversi dalam satu tahun yang lepas. Dalam Dewan ini Kerajaan Negeri telah dituduh oleh Ahli Kawasan Seberang Jaya, bahawa kita telah menipu, bahawa Kerajaan lama, Kerajaan Barisan Nasional telah memberi tanah kepada Sekolah Azad. Tanahnya yang berukuran 1 ekar, bahawa kita telah menipu. Apabila saya membuat siasatan, saya dapati tidak ada satu permohonan yang telah di majukan oleh Kerajaan yang lepas untuk mendapat tanah. Apabila mendapat tahu mengenai perkara ini, saya telah menyuruh MPPP membuat permohonan yang baru supaya tanah ini akan diberikan kepada Sekolah Azad. Ini mungkin masa lebih kurang enam bulan.

Selepas enam bulan ini Exco memutuskan bahawa tanah yang berukuran 1 ekar dengan kuil Hindu di Jalan Waterfall ini akan diberi kepada Sekolah Azad, dan sekarang ini kita tunggu dana daripada Kerajaan supaya untuk membentuk sekolah dan saya pun tidak pasti apakah status permohonan sekolah untuk mendapat bantuan Kerajaan Persekutuan untuk mendirikan untuk membuat bangunan 3 tingkat, saya pun tidak tahu maka jadi walaupun ada peruntukan dulu dan selepas dan mungkin alasan bahawa kita lambat dalam hal ini mereka tarik balik peruntukan itu kemudian mereka telah JKR, yang jadi badan penganjur, badan pelaksana ini dibuat tender baru untuk mendirikan bangunan untuk Sekolah Azad, ini cerita yang sebenarnya.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Yang Berhormat minta laluan. Di sini juga selain daripada berterima kasih kepada Y.B. Perai, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Y.B. daripada Air Itam di mana kita mendapati bahawa Sekolah Kebangsaan Tamil Rajaji yang terletak di sebuah kuil di situ juga dalam keadaan begitu hampir-hampir runtuh. Dan untuk masa yang begitu lama lebih kurang 50 tahun tidak diberi apa-apa perhatian tetapi sekarang bila kita ke situ kita mendapati bahawa kerja-kerja pembaikpulihan dan bangunan baru telah pun didirikan dan ini secara langsung menunjukkan bahawa pemimpin-pemimpin MIC yang melaung-laungkan bahawa merekalah yang boleh menjaga kepentingan masyarakat India sebenarnya telah menjual kepentingan-kepentingan masyarakat India. Dan di sini kita mendapati bahawa selain daripada merakamkan ucapan terima kasih jaminan yang kita dapat adalah walaupun pemimpin daripada Kawasan Air Itam merupakan seorang yang keturunan Cina dia masih turun padang untuk menjaga dan

memastikan bahawa sekolah itu didirikan dengan baik dan saya merakamkan juga di sini ucapan terima kasih bagi pihak masyarakat India kepada Y.B. daripada Perai dan juga Y.B. daripada Air Itam, terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):**

Y.B. daripada Perai tolong bagi laluan. Terima kasih. Saya amat setuju dengan Y.B. daripada Seri Delima. Memang terdapat masalah yang sama di kawasan saya. Kalau sekolah India di kawasan saya, saya difahamkan bahawa pihak MIC ataupun pihak Gerakan di sana mereka cuma alatkan kita untuk mendapatkan kemudahan itu. Kalau benda ini tak diuruskan macam peruntukan Kerajaan tidak diuruskan dengan baik. Saya tak tau berapa susut nilai peruntukan itu nanti. Ini satu masalah yang saya pandang serius, pasal apa yang saya nampak sebelum ini mereka minta ini, tapi kerja tak pernah nampak sampai hari ini begitu juga sekolah Cina, mereka tidak pun tempat apa, minta satu tempat pelepasan dan tempat naik turun apa murid-murid tapi tak nampak bayang langsung. Apakah tindakan Kerajaan kita untuk mengatasi masalah penyelewengan yang saya anggap sebagai penyelewengan yang mungkin akan terjadi dalam peruntukan ini. Saya tak mahu sesuatu kesilapan baru kita nak bertindak, saya orang tempatan saya tahu, saya punya masalah, saya pun tak mahu campur masalah ADUN-ADUN kawasan lain sebab kita tak faham masalah mereka. Saya berharap kalau boleh saya rela membantu untuk mengagihkan masalah ini di masa hadapan saya mencadangkan Y.B. daripada Perai supaya memberikan peluang kepada saya untuk pembangunan yang sebenarnya. Itu saja, terima kasih.

#### **Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Syabas kepada Seri Delima, saya rasa saya pun fikir lebih kurang sama dengan Seri Delima, lebih kurang, syabas kepada Y.B. Wong yang telah melaksanakan satu projek mengenai Sekolah Rajaji ini menunjukkan bahawa Pakatan Rakyat tak kiralah kaum agama kita akan mewakili semua kaum, orang India boleh wakili orang Cina, orang

Cina boleh mewakili orang India dan orang Melayu boleh mewakili orang Cina, ini saya rasa kita punya *standard*, kita punya konsep bukan macam Barisan Nasional. Jadi tak perlu sebut banyak tentang Barisan Nasional di sini walaupun MIC ini saya rasa satu parti yang betul-betul muflis dalam arena politik, jadi kepada soalan ataupun komen daripada Y.B. Jawi saya setuju Jawi ini, macam mana ini Y.B. Dato' Speaker, dia tanya tak ada sini, tak apa, saya pun setuju bahawa memang penyelewengan ini boleh berlaku berpotensi tapi saya rasa pemberian dana ini dilaksanakan oleh suatu jawatankuasa Tamil yang dikawal oleh pensyarah UKM, dan kita ada satu jawatankuasa maka dana ini diberikan dibekalkan kepada sekolah-sekolah, PIBG atas permintaan mereka, atas kos atas apa dengan kos yang mereka memerlukan dana maka saya rasa kawalan ketat telah ada dalam sistem pemberian ini. Jadi inilah merupakan satu perlindungan ataupun kawalan terhadap ada pihak yang ingin membazirkan dana yang telah diberikan atau yang akan diberikan oleh Kerajaan Negeri, jadi saya teruskan dengan apa ini, penggulungan ini. Isu jenayah yang telah dibangkitkan oleh Y.B. Penaga memang satu jenayah inilah yang kita selalu ambil perhatian sentiasa dan saya rasa di Pulau Pinang adil la katakan semua Pulau Pinang ini jenayah meningkat seolah-olah jenayah ini tidak berlaku di Negeri-negeri lain.

Saya rasa jenayah merupakan satu yang berlaku secara *universal* dan di Pulau Pinang saya rasa yang kita nampak jenayah meningkat secara *realiti* adalah SPT ini sentiasa dibincangkan di dalam Jawatankuasa Keselamatan Negeri jadi seperti mana yang digambarkan oleh Y.B. Penaga ini seolah-olah macam kita ini di Pulau Pinang ini macam dalam *seat* yang betul jadi pula dia tuduh saya bahawa saya tidak buat janji-janji untuk mengawal keadaan. Saya pun rasa macam mana saya boleh bagi janji dalam hal

ini, kita tidak ada kuasa kepolisan dan *force* adalah terletak di bawah tangan Polis, saya pun tak faham macam mana katakan Y.B. Perai telah janji dia akan kita memang buat apa ini *neighbourhood* boleh dikatakan dialog *neighbourhood dialog section* berjumpa dengan Polis, berjumpa dengan JKK dan sebagainya dan memang ini dilakukan secara biasa jadi isu jenayah ini adalah satu bukan kita lihat dari sudut *enforcement* saja saya merupakan satu yang ada pelbagai sumber jadi *enforcement* tidak semata-mata boleh mengurangkan jenayah ataupun menghapuskan jenayah. Jadi kita boleh lihat kepada pelbagai sudut jadi memang kita bukan ambil perkara ini secara ringan dan ini saya rasa perlu kerjasama daripada pelbagai pihak terutama daripada pihak Polis dan juga Agensi-agensi lain.

Kemudian berkaitan dengan isu adalah isu peranan PDRM, Polis dan saya pun saya rasa Kerajaan Negeri ini sentiasa bekerjasama dengan PDRM taraf kerjasama antara Kerajaan Negeri ini saya rasa baik tidak ada masalah tetapi apabila ada dua tiga peristiwa yang sebenarnya menyakitkan hati saya misalnya demonstrasi yang telah dilakukan oleh Barisan Nasional, pemuda Barisan Nasional pada hari Isnin ini saya rasa bahawa pihak Polis yang datang ke situ ini, seorang Inspektor ini macam dia sembang-sembang dengan ketua demonstrasi ini, satu demonstrasi ini perlu diadakan perlu dibagi kebenaran asalkan demonstrasi itu adalah aman dan damai, kita tidak mahu Polis datang menahan mereka masuk, mereka dalam *jail* tapi kita nampak bahawa pilih kasih. Apabila Pakatan Rakyat atau NGO-NGO buat demonstrasi ini saya rasa tindakan Polis ini berat sebelah, macam mana hari Isnin ini memang jelas menunjukkan bahawa Polis ini tidak adil, kalau Polis ini tidak adil siapa kita mahu percaya ini kata pepatah Melayu, harapkan pagar, pagar makan padi. Jadi saya sangat kesal perbuatan Polis ini walaupun mungkin ini melibatkan segelintir saja. Baru-baru ini ada kes di SPU ini telah dilaporkan oleh Y.B. Bagan Lalang, apabila mereka ADUN Bagan Dalam mohon permit dari Polis untuk adakan perayaan ini payah sekali tidak boleh dapat sampai saat-saat akhir baru dapat atas bila dia bagi jaminan kalau inilah Polis dan macam mana maka ini bukan satu peristiwa ada juga peristiwa lain di mana Polis enggan bekerjasama dengan ADUN-

ADUN, ini bukan satu perayaan yang dibuat oleh orang awam dan ini di bawah kepimpinan oleh seorang ADUN di Bagan Lalang. Kenapa Polis ini tidak bagi permit, saya pun tidak tahu apa alasannya sebab saya rasa ini bukanlah cara kita sebenarnya menjalinkan hubungan. Saya harap Polis ini bekerjasama sebegitu kita akan bekerjasama dengan Polis tapi nampaknya bahawa ada jalan-jalan di mana mereka nampak kita sebagai saya pun tidak tahu macam mana memungkiri itu jadi Y.B. Dato' Speaker, saya harap bahawa hubungan dengan Polis ini akan dibaikilah supaya kita akan bekerjasama dalam bidang ini.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Minta laluan Yang Berhormat-Yang Berhormat cuma ada sehingga sekarang mungkin awal lagi soalan ini boleh ditujukan. Sama ada sehingga sekarang pihak-pihak yang terlibat dalam demonstrasi itu telah pun dikenal pasti sama ada mereka telah pun ditangkap percakapan mereka telah pun dirakam atau adakah apa-apa maklum balas daripada pihak Polis sama ada mereka akan dikenakan tuduhan kerana perkara-perkara yang dilakukan oleh mereka kalaulah dilakukan oleh pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat, memang kita tidak akan melakukannya kerana kita berpegang kepada prinsip demonstrasi aman. Memanglah tindakan-tindakan akan diambil dan saya pun pasti memang daripada hari ini akan dituduh di mahkamah, tetapi sehingga sekarang saya terpegun melihat tidak ada sebarang respons pun daripada sama ada daripada Ketua Polis Pulau Pinang ataupun pihak-pihak yang terlibat sama ada mereka telah dikenal pasti dan ada beberapa tindakan yang akan diambil terhadap mereka supaya menjamin ia tidak berulang semula. Terima kasih.

## **Y. B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih Y.B. Seri Delima saya tidak pasti sama ada mereka telah mengambil tindakan ataupun dalam proses mengambil tindakan, sama ada mereka akan bawa kepada mahkamah saya tidak pasti saya ingat maklumat ini mungkin sampaikan kepada saya ataupun Adun-adun di sini. Tapi pihak Polis ini boleh mengambil tindakan kalau seorang ini, melanggar undang-undang. Tujuan saya bukan kita ini menghalang demonstrasi ini merupakan satu tunjuk perasan yang diterima dalam sebuah demokrasi. Tapi janganlah ada tindakan yang berbeza terhadap sasaran-sasaran, terhadap kumpulan-kumpulan ini yang saya rasa menyakitkan hati saya.

Y.B. Dato' Speaker, isu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ini telah dibangkitkan oleh Y.B. Bagan Dalam. Dan sepertimana yang saya telah maklumkan kepada akhbar-akhbar 2, 3 hari ini merupakan satu kontroversi yang akan jadi begitu besar di Malaysia. Ini melibatkan seluruh Malaysia termasuk Pulau Pinang. Jadi apa yang jadi isu ialah tindakan Kementerian Pendidikan untuk menghadkan pengambilan mata pelajaran dalam SPM kepada 10 mata pelajaran. Proses mengurang mata pelajaran adalah satu yang baik kita mengalu-alukan jangan lah biarkan begitu saja seorang pelajar mengambil 20 mata pelajaran tak henti-henti punya. *This something positive*. Mereka mengurangkan mata pelajaran kepada 10 mata pelajaran ini apakah rasional? apakah prinsip? Ini belum dijelaskan kenapa 10 kenapa tak jadikan 12 kenapa tidak jadi 5, ini tidak menjadi ketelusan langsung. Apa yang jadi isu ini, khusus kepada masyarakat India Tamil dan Cina ialah dalam bidang sastera dan bidang sains apabila seorang pelajar dalam *arts* atau sains ini lebih rumit dalam bidang sains. Dihadkan kepada 10 mata pelajaran kemungkinan besar dia tidak boleh mengambil bahasa Tamil, ini di kalangan orang India dan sastera Tamil, ini lebih kurang sama juga seorang murid Cina yang tidak boleh ambil bahasa Cina dan sastera Cina. Jadi apabila kita lihat bidang sastera ini ada 6 subjek yang *score*, teras subjek, kemudahan ada pilihan teras perlu diambil pilihan ini bukanlah sebarang pilihan *you* terpaksa ambil beberapa subjek dalam pilihan, apabila *you* ambil

dalam mata pelajaran dalam pilihan ini kategori pilihan ini kemungkinan besar *you* tidak akan tidak ada peluang mengambil bahasa Tamil ataupun sastera Tamil, jadi kita ikut bidang sains in saya rasa 4 mata pelajaran teras, kemudahan pilihan ini contohnya *physic*, *chemistry*, *biology* macam mana ini boleh terjadi pilihan ini terpaksa diambil. Apabila seorang ini boleh ambil bahasa Tamil atau sastera Tamil, kalau dia mahu ambil sastera Tamil dia mesti gugur biologi atau fizik. Jadi apa guna sijil sains kalau tidak ada biologi atau fizik.

Jadi Y.B. Dato' Speaker jadi ini lah jadi satu isu yang akan jadi besar, ini merupakan bahawa Kerajaan Barisan Nasional ini tidak mempedulikan bahasa-bahasa vernakular. Yang jadi saya rasa pegangan kuat masyarakat India dan Cina, jadi kontroversi ini sudah bermula jadi inisiatif-inisiatif ini telah diambil beberapa pihak supaya mereka tidak terima 10 mata pelajaran.

## **Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/I V. Subramaniam):**

Penjelasan, Yang Berhormat dari Perai. Apa yang tersirat malah terang lagi bersuluh apakah muslihat Kerajaan Barisan Nasional adakah mereka bermaksud untuk melenyapkan pendidikan vernakular dan juga untuk lenyapkan bahasa ibunda bahasa Tamil dan bahasa Cina dan sebagainya, sila.

## **Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/I Rajaji):**

Sebelum Yang Berhormat Perai memberi maklum balas memang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Perai itu betul, dan kita dapati bahawa apa yang dilakukan oleh Barisan Nasional begitu bercanggah sekali dengan slogan 1 Malaysia yang selalu dilaung-laungkan kalau kita bandingkan perkara itu kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Pakatan Rakyat perbezaan yang ingin saya beri di sini untuk kita menghayatinya adalah kita menggalakkan pendidikan semua agama dan selepas mengambil alih Kerajaan Negeri kita juga memberi inisiatif kepada umpamanya seperti kepada para hafiz dan huffaz malahan kita juga memberi peruntukkan beberapa kewangan untuk diberikan bantuan dan juga untuk kita *encourage* ....(dengan izin), meyakinkan ataupun menjemput banyak orang lagi untuk khusus untuk umat agama Islam untuk melibatkan diri dalam *what we call* penghafalan al-Quran. Dan ini jelas menunjukkan bahawa Pakatan Rakyat sebenarnya mengamalkan konsep satu Malaysia atau Malaysian Malaysia berbanding dengan Barisan Nasional mengatakan satu Malaysia tetapi tidak mengamalkannya. Terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Yang Berhormat Ahli Kawasan Perai, saya nak sebutkan sikit.

**Y. B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Okey.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Kita sudah bincang itu, mungkin Yang Berhormat hendak bawa ke Parlimen kerana itu isu besar kerana kita sudah dengar tapi kalau Yang Berhormat nak panjangkan kita.....(gangguan).

**Y. B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Y.B. Batu Uban dan Seri Delima. Isu ini saya tidak tahu sama ada muslihat sama ada ini yang ada sistematik saya tidak pasti tapi apa yang kita minta sekarang ini dalam Dewan ini kepada Kementerian Pendidikan ini, fikir dulu lah , sebab ini sangat-sangat sensitif. Kenapa *you* letakkan 10 mata pelajaran apa rasionalnya? telus, mesti ada rasional kenapa kita pilih 5, 10, 15 jadi saya minta, saya merayu kepada Kementerian Pendidikan yang besarkan isu ini, ini juga merugikan Barisan Nasional tentunya, .... (gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Yang Berhormat sedikit sahaja, minta maaf, adakah apa inisiatif oleh pemimpin-pemimpin MIC untuk membahaskan perkara ini di Dewan Undangan Parlimen atau pun apa-apa kenyataan akhbar sehingga sekarang, saya lihat Yang Berhormat sendiri telah pun menyatakan pandangan, pendirian yang begitu tegas yang meminta supaya halangan ini tidak dibuat tetapi selain daripada Yang Berhormat sendiri adakah pemimpin-pemimpin MIC atau PPP atau pemimpin-pemimpin daripada Barisan Nasional menyatakan pendirian mereka sehingga sekarang saya tidak lihat apa-apa. Terima kasih.

**Y. B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Nampaknya mereka berunding dengan Menteri Pendidikan dengan pegawai-pegawai pendidikan saya tidak tahu apa kesannya cuma saya ingin pendekkan



perbincangan ini, isu ini, bahawa ini yang satu kita rayu, jangan buat secara *random*, fikirkan dulu, kemudian untuk menambah lagi 2 mata pelajaran tidak akan merugikan Kerajaan Barisan Nasional. Ambil perhatian tentang kepentingan masyarakat India dan Cina jadi dan kita pun minta bahawa ini, mungkin minggu ini saya tidak ada di Parlimen, mungkin ini akan di bawa ke Parlimen minggu depan. Jadi memang isu ini satu isu yang besar, yang sebenarnya melibatkan semua, sama ada kita di Pulau Pinang atau pun di Johor. Jadi Y.B. Dato' Speaker saya tidak mahu bincang isu ini, monorel panjang lebar tadi Y.B. daripada Bagan Jermal telah menyentuh perkara ini mungkin secara dalam, cuma saya menyatakan di sini bahawa sayalah yang buat pengumuman tentang isu monorel ini pada hari Ahad minggu lepas, bahawa monorel ini *test track*, *test* ujian ini akan dibuat mungkin di Batu Kawan mungkin di Nibong Tebal. Jadi *test*, ujian ini bukanlah projek monorel sebab kita belum putuskan apa-apa tentang monorel cuma ini atas permintaan 1 atau 2 syarikat mungkin 3 syarikat di mana mereka akan meletakkan satu *trek* satu kilometer panjang, kemudian mereka akan letakkan gerabak, *coaches* supaya sebagai satu ujian supaya jadi satu pameran. Setakat ini kita memang berunding dan ini bukan projek monorel, tidak ada apa-apa tender mereka ingin membuat *test track* ini adalah dengan mengeluarkan dana mereka sendiri, ini tidak melibatkan apa-apa kos kepada Kerajaan Negeri, jadi jangan salah anggap bahawa ini satu projek monorel yang kita buat menghubungi Seberang Perai dengan Pulau Pinang di sini. Dan kemudian isu yang dibangkit oleh Telok Bahang ialah Buah Pala. Saya rasa kes Buah Pala ini sudah selesai, tapi adalah mungkin sembilan penduduk ini, kita bagi dia tiga (3) bulan, supaya mereka datang dan tandatangani borang untuk dapat rumah dua (2) tingkat di situ, tapi mereka enggan datang dan baru-baru ini, ada wakil mereka datang supaya minta bagi memorandum kepada Ketua Menteri minta apakah keputusan Kerajaan Negeri. Jadi 24 unit 2 tingkat ini telah diberikan maka tidak ada kekosongan. Jadi sekarang memang Kerajaan Negeri berunding dengan *Cruise Metro* supaya bagaimana kita boleh membantu mereka dan saya tidak pasti sama ada mereka minta rumah atau sama ada mereka minta pampasan atau pun duit daripada pemaju kita pun tak pasti.

Dan mengenai isu Tang Hak Ju selepas Mohamad Fairus meletak jawatan, saya telah dilantik sebagai pengerusi Jawatankuasa Siasatan kes Tang Hak Ju, kes Tang Hak Ju ini satu kes yang berlaku di bawah pemerintahan lama dan ini telah melibatkan kos mungkin sebanyak RM40 *million*, kemungkinan Kerajaan akan perlu dibayar atas skandal tanah. So baru-baru ini, akibat siasatan saya ini dengan beberapa pihak memang adalah bukti-bukti dari segi permukaan, bahawa ada isu ini adalah lebih besar daripada apa yang kita nampak atau pun apa telah nampak jadi berdasarkan kepada bukti-bukti yang kita dapat daripada siasatan yang kita lakukan maka penemuan-penemuan ini telah disampaikan kepada MACC supaya mereka buat siasatan kali yang kedua. Memang dulu BPR buat siasatan dan mereka menyalahkan pegawai-pegawai Kerajaan di SPT, jadi anggapan kita ialah bahawa kes ini bukanlah mudah seperti itu kan, ada mungkin sebaliknya, jadi kita buat siasatan kemudian kita dapat penemuan mungkin kita tidak tuduh siapa-siapa, kita serahkan kepada MACC supaya membuat siasatan yang lebih dalam, sebab kalau kita sudah bayar RM14.7 juta kepada Tang Hak Ju, mungkin baki ini belum bayar lagi jadi ini adalah duit rakyat, *tax payees money* dan kita bayar ini secara buta-buta kita bayar , kepada satu agensi dan saya rasa inilah yang menyakitkan hati yang kenapa Kerajaan Negeri ini, mahu tanggung kerugian begitu besar RM40 juta. Kalau inilah mungkin satu angka yang perlu kita bayar kepada kes Tang Hak Ju.

Y.B. Dato' Speaker, ada beberapa soalan yang telah diajukan kepada saya, .... (gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V.Subramaniam):**

Penjelasan. Boleh tak saya minta penjelasan daripada Y.B. Kawasan Perai, selalunya pegawai Kerajaan tidak akan bertindak bersendirian, siapakah yang memberi arahan kepada pegawai Kerajaan untuk melakukan sekian-sekian itu. Bolehkah Yang Berhormat menjelaskan sebab Yang Berhormat pun telah duduk dalam Panel Penyiasat dan bagaimanakah *modus operandi* mereka, sampai Kerajaan Negeri memasuki bajet defisit untuk tahun ini.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Ini satu soalan yang memerlukan jawapan yang lebih luas dan dalam yang saya rasa mustahil lah saya jawab juga. Tapi ini adalah tindakan yang kita buat dalam Exco. Saya tidak boleh bincang dalam Exco yang lepas. Jadi ini adakah ini tentang Tan Ah Ju, kenapa kita ini buat siasatan. Ada saya ingat 4 siasatan telah dibuat awal-awal oleh Pejabat SUK di bawah pemerintah lama, kemudian siasatan oleh bekas Exco, Dato Subbaiyah kemudian ketiga adalah di bawah bekas Timbalan Ketua Menteri I, Mohd Fairus, dan keempat di bawah saya. So, 4 peringkat siasatan telah berjalan. Jadi apa yang saya sebutkan di sini bahawa kes ini adalah kompleks dan kita tidak dapat kerjasama daripada bekas-bekas Exco dalam hal ini, kecuali Dato' Seri Hilmi, dia datang, dia menjawab soalan tetapi Exco-Exco lain enggan bekerjasama dengan kita. Ini juga merumitkan kes, dan selepas itu kita juga temu duga dengan pihak-pihak lain terutama itu Chinese Association, Hokkien Association ini yang jadi soalnya pemegang tanah yang telah dianalisis kepada Tang Hak Ju. So, ini yang kita dapat bukti, saya rasa ini selesaikan kepada MACC supaya mereka mengulangi satu siasatan yang lebih besar, bukan tuduh pegawai-pegawai Kerajaan sahaja, ini sedang, dan saya rasa yang kita mahu lakukan dan kita faham bahawa saya pun sudah dapat surat saman daripada peguam Tang Hak Ju.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Minta laluan, terima kasih, berkenaan yang surat saman itu, saya boleh beri jaminan Yang Berhormat usah bimbang, kita akan memberi bantuan yang secukupnya kerana kita ada peguam-peguam dalam *back bencher* ini yang berkebolehan selain daripada saya lah. Tetapi kita berterima kasih seluruh, Yang Berhormat-Yang Berhormat di sini berterima kasih kepada Yang Berhormat dan juga Ahli-ahli Exco kerana berani untuk menyiasat dan juga sehingga terbuka kita sendiri kepada kemungkinan di saman di mahkamah. Ini menunjukkan komitmen Exco-Exco baru sebagai ahli-ahli Yang Berhormat

yang sedia membela nasib rakyat yang terpaksa menyumbang kepada kes ini. Selain daripada itu Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bermaksud bahawa Exco-Exco lama enggan memberi kerjasama, Exco- Exco Barisan Nasional yang menjawat jawatan mereka enggan memberi kerjasama kepada Kerajaan baru untuk kita menyiasat dan mengetahui apakah yang sebenarnya berlaku. Saya cuma ingin bertanyakan Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih Seri Delima. Ini adalah risiko yang tinggi, kos juga tinggi dan walau bagaimana pun saya rasa apabila saya pegang satu jawatan kita rasa kita perlu memikul tanggung jawab dengan sepenuhnya dan saya tidak bimbang tentang apa yang berlaku kepada saya dan kalau saya jadi muflis tak apa lah. Tapi isu ini kita minta sebenarnya

kepada Ahli-ahli Exco Kerajaan dahulu ini bantu sama kita. Kita tidak arah, kita datang bantu sama kita, sama-sama kita akan siasat kes ini. Ini melibatkan RM40 juta. Ini duit rakyat tapi kecuali Dato' Seri Hilmi, dia datang, tetapi yang lain enggan kerjasama, mereka bagi macam-macam alasan, Tan Sri Koh Tsu Koon kata okey, *you* lawan kes ini dalam mahkamah, tapi dia tak faham kes ini mereka telah menang. Isu sekarang ini mengurangkan itu *the sum quantum* sahaja, L.A., L.A. pun tak ada di sini. So, jadi Tan Sri Koh Tsu Koon ini ada seorang, tak perlu saya namakan, minta dia datang bantu sama kita, dia kata jangan menghantar surat, kalau *you* hantar surat lagi satu kali saya akan *sue* Kerajaan Negeri, kenapa takut.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Bagaimana Ketua Pembangkang, Yang Berhormat, ada datang bagi kerjasama.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Dia tidak bagi kerjasama, kecuali Dato' Seri Hilmi, yang lain enggan bekerjasama. So, apa pilihan kita, kita teruskan sahaja lah dengan apa itu, pihak-pihak yang lain.

**Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):**

Yang Berhormat adakah Tan Sri Koh Tsu Koon datang memberi kerjasama, sebab dia walaupun telah kalah dalam pilihan raya, telah menjadi Menteri, masuk pintu belakang jadi Menteri, tetapi sebagai Menteri, di manakah kredibilitinya, akauntabilitinya dan *responsibility* nya kalau jika beliau enggan bantu Kerajaan.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Ini sebelum dia dapat Menteri KPI. Tak ada, kita tulis surat tetapi dia enggan bekerjasama, dia tidak mahu datang, cuma dia katakan bahawa lawan lah kes ini dalam mahkamah.

**Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):**

Yang Berhormat, saya pun dengar, saya difahamkan bahawa Tan Sri Koh Tsu Koon pada dahulunya telah nak pergi *out of court settlement*, mereka nak bayar RM1.8 milion. Tetapi dia bertegas tak mahu bayar dan sekarang terlanjurnya perkara ini jadi sampai RM40 juta.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Kerugian besar dan saya pun tidak sangka sebab apa yang kita dapat bahawa ada satu percubaan untuk membayar ganti rugi RM1.8 milion dan sekeping tanah di SPT dan saya pun faham bahawa Tang Hak Ju ini telah menolak itu, dia mahu berunding tetapi saya pun tak faham kenapa tak jadi isu ini, kenapa tidak mereka sama ada Kerajaan Negeri yang lama ini menarik tawaran itu atau tidak, saya tak pasti tetapi ada satu percubaan supaya bagi ganti rugi RM1.8 juta kepada Tang Hak Ju dengan sekeping tanah di Bukit Tengah.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Yang Berhormat, saya minta maaf, saya tak mahu buat apa-apa kesimpulan keengganan mereka bekerjasama, tapi kalau mereka tidak ada apa-apa untuk disembunyikan dan kalau mereka tidak terlibat secara langsung, kalau Ahli-ahli Exco

yang lama tidak ada membuat keputusan-keputusan yang melibatkan mereka dalam tindakan ini, saya rasa tidak ada masalah bagi mereka bekerjasama kecuali Tan Sri Koh Tsu Koon dan Ahli-ahli Exco yang lain ada secara tidak langsung penglibatan dalam kes ini maka mungkin mereka tidak mahu terlibat, tidak mahu memberi bantuan. Terima kasih.

#### **Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

*I think* banyak isu-isu ini yang tidak ada jawapan, satu ialah kenapa awal-awal ini Kerajaan Negeri yang lama meluluskan tanah kuari ini walaupun ada agensi-agensi Kerajaan ini tidak setuju. Kemudian dalam Exco dan sebagainya ....(dengan izin), *there are a lot of loop holes*. Jadi saya tidak mahu *speculate* dalam hal ini sebab kes ini ada dalam mahkamah dan mungkin kes ini akan dinaikkan ke mahkamah dari satu perspektif yang lain. Okey, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker, cuma ada soalan-soalan yang spesifik, cuma saya sentuh sedikit, ada beberapa soalan oleh Y.B. ADUN Pantai Jerejak tentang perpustakaan. Kita sebenarnya menerima pandangan yang baik ini untuk menubuhkan 7 buah perpustakaan awam di DUN Pantai Jerejak. Saya rasa perpustakaan yang ada sekarang dan perpustakaan, sebenarnya bergantung kepada Perpustakaan Nasional, kemudian juga dana daripada Kerajaan Negeri mungkin tak mampu pada masa sekarang lah walaupun *idea* bagus juga lah.

Dan kemudian Yang Berhormat Padang Kota isu pekerjaan, untuk menyediakan peluang pekerjaan dan sebagainya. Jadi dalam situasi sekarang saya rasa ada banyak peluang pekerjaan dan situasi ini berubah apabila ekonominya sudah pulih. So, jadi itulah memang hasrat Kerajaan Negeri ini untuk mewujudkan peluang untuk pekerjaan yang bukan pekerjaan-pekerjaan biasa tetapi yang ada mutu dan nilai yang lebih tinggi. Kemudian Yang Berhormat Sungai Bakap, penubuhan pusat latihan kecemerlangan dan di sini saya ingin memberitahu Yang Berhormat ini bahawa ada beberapa pusat. Adakah sini Sungai Bakap? Dan saya rasa Kerajaan ini akan mengkaji tentang perkara ini. Y.B. Kebun Bunga mewujudkan tabung khas pendidikan.

Setakat ini saya rasa Kerajaan Negeri tidak ada satu cadangan atau satu pemikiran untuk menubuhkan tabung khas ini dan akhir sekali Y.B. ADUN Paya Terubong. Inilah kali ini, soalan ini berulang. Kenapa PSDC ini tidak boleh dinaikkan sebagai Universiti, saya rasa itu adalah dalam tangan Kerajaan Pusat, kita tidak boleh menentukan. Jadi mungkin kalau mereka rasa PSDC ini boleh menjadi universiti, terpulanglah. Kita pun bersedia untuk berbincang sama dia dan bersedia juga untuk mengajukan permohonan kepada pusat. Ini adalah hal Kerajaan Pusat.

Jadi Y.B. Dato' Speaker itulah *responds-responds* saya kepada isu-isu yang dapat dibincangkan yang telah melibatkan bidang-bidang portfolio saya dan juga soalan-soalan spesifik yang telah diajukan kepada saya dalam perbahasan Bajet 2010. Dengan ini saya ucapkan terima kasih kepada Dato' Speaker, saya mohon menyokong, terima kasih.

#### **Y.B. Dato' Speaker:**

Seterusnya Yang Berhormat Penanti, silakan.

#### **Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Y.B. Dato' Speaker, Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, pertama sekali terima kasih memberi ruang kepada saya untuk ucap dalam ucapan penggulungan ini. Sebelum saya teruskan, saya ini yang terakhir bagi petang ini dan rasa tak berapa seronok sebab pembangkang tak ada di sini. Jadi banyak perkara yang dibangkitkan

oleh mereka untuk dapat perhatian saya. Sebelum itu Y.B. Dato' Speaker, saya ingin mengucapkan ucapan tahniah dan syabas kepada Y.A.B Ketua Menteri di atas ucapan utama dan bajet yang beliau bentangkan dalam Dewan yang mulia ini. Dan dengan jelas beliau telah menyalurkan konsep falsafah objektif dan juga strategi pembangunan Negeri ini agar ianya mencapai satu Negeri yang bertaraf antarabangsa. Justeru itu Y.B. Dato' Speaker, komitmen Kerajaan Negeri adalah cukup tinggi untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang ini sebagai Negeri cemerlang dan bertaraf antarabangsa.

Namun demikian, Kerajaan Negeri juga tidak lupa ataupun meminggir tentang persoalan-persoalan dalam negeri, terutama sekali apabila kita ketengahkan konsep Kerajaan berjiwa rakyat. Kita memberi perhatian yang cukup tinggi untuk capai Negeri Pulau Pinang sebagai Negeri bandar raya bertaraf antarabangsa dalam bidang pendidikan. Itu sebabnya kita wujudkan Hub Pendidikan di Pondok Upeh Balik Pulau. Kita juga wujudkan pusat kegiatan ekonomi yang berteknologi tinggi, begitu juga dalam bidang pelancongan serta dengan bidang-bidang yang lain, yang boleh terus menggarap pertumbuhan ekonomi dengan lebih baik. Di peringkat dalam Negeri yang menunjukkan Kerajaan berjiwa rakyat ini kita memberi perhatian yang secukupnya kepada kemiskinan tegar. Ini tidak pernah dilakukan oleh Kerajaan dahulu, walaupun memerintah sekian lama di Pulau Pinang ini, kita berjaya tunjukkan yang kita berjaya keluarkan miskin tegar ini, dan ini satu lagi perkara yang perlu kita beri perhatian. Maknanya kita bercakap berkenaan isu perkauman, seperti yang dibangkitkan oleh pihak pembangkang. Walaupun Y.B. Dato' Speaker, walaupun kemiskinan tegar 98% daripada mereka adalah orang-orang Melayu....(tepuak meja). Ini satu usaha yang patut pihak pembangkang memberi perhatian.

Begitu juga konsep warga emas. Ini merupakan julung-julung kali Kerajaan Negeri, di peringkat Negeri ini yang memberi perhatian, dan mulai tahun hadapan kita akan membayar kepada warga emas. Kita lancarkan gerakan orang-orang yang berumur 60 tahun ke atas akan mendapat imbuhan pada tahun hadapan dalam bulan Mac tahun depan. Kerajaan Negeri akan memberi dan bayar imbuhan kepada mereka RM1,000

kepada warga emas dan juga kepada keluarga atau waris warga emas. Begitu juga seperti yang kita jamin, kita jamin kepada rakyat Negeri Pulau Pinang, yang kita akan memberi satu perkhidmatan yang terbaik, kerana kita yakin kepada *effective delivery system*...(dengan izin). Ini menjadi ruang utama kita, dan justeru itu mereka...(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Minta laluan, terima kasih. Saya cuma hendak mengatakan bahawa, pertamanya pandangan saya, memang pimpinan sekarang daripada Y.A.B. Ketua Menteri yang merupakan seorang akauntan, Y.B. Penanti sendiri merupakan seorang Profesor dan Y.B. Perai yang juga seorang Profesor memang tidak boleh di *consistent*, memang satu pimpinan yang betul-betul akan meneliti semua perkara sebelum diamalkan. Selain daripada itu berbalik kepada komen Y.B. Penanti tentang perkara bahawa Yang Berhormat daripada pembangkang mengatakan membangkitkan isu-isu perkauman dan sebagainya, kita sebenarnya, saya sebenarnya ingin mengambil perhatian Dewan yang mulia ini bahawa pada lima, empat bulan yang lalu, pada sesi yang lama juga telah saya sebutkan. Bila kita memberi bantuan kepada lebih kurang 50 ibu tunggal di kawasan Sungai Gelugor, Yang Berhormat di mana kita dapat senarai dari JKKK di situ. Apabila satu majlis diatur di dewan tapian gelanggang *basketball* kita mendapat semua rancangan dibuat khemah-khemah didirikan, makanan disediakan dan juga bantuan telah dimasukkan dalam tapian gelanggang tersebut. Pemimpin-pemimpin UMNO dari Sungai Gelugor telah masuk dan mengunci gelanggang tersebut untuk menghalang saya daripada masuk dan memberikan bantuan. Ini adalah satu kesimpulan di mana mereka

sebenarnya cuba menghalang bantuan yang sepatutnya sampai kepada masyarakat dan saya cuma ingin membawa perhatian Yang Berhormat bahawa kalaulah ada apa-apa masalah, saya rasa, masalah itu akan dibangkitkan oleh pemimpin-pemimpin UMNO sendiri untuk memberi satu persepsi bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat tidak mengambil penting tentang hak mereka dan apa yang berlaku di kawasan saya itu merupakan satu kejadian yang benar-benar berlaku di mana perkara itu telah saya bawa ke perhatian penghulu yang bertugas pada masa itu. Terima kasih.

#### **Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih Y.B. Seri Delima. Itu akan sampai *point* saya yang kedua. Tapi sebelum itu kita juga ingin menarik perhatian berkenaan dengan rumah mampu milik. Seperti yang diterangkan oleh Y.B. Exco Perumahan banyak juga program dan projek-projek yang telah kita jalankan untuk mewujudkan rumah mampu milik ini. Beliau telah senaraikan di beberapa buah tempat dan kebanyakan daripada permohonan ini pun termasuk orang-orang Melayu, bermakna orang-orang Melayu tidak dipinggirkan, terutama sekali dalam program-program yang sebegini rupa. Dan seperkara ini saya percaya kita akan terus memberikan perhatian yang wajar tentang persoalan ini.

Soalan yang kedua Y.B. Dato' Speaker, ialah tuduhan daripada pihak pembangkang yang mengatakan Kerajaan Pakatan Rakyat di Negeri Pulau Pinang ini suka tuduh-menuduh pihak Barisan Nasional dan UMNO dan kita ini Kerajaan Pakatan Rakyat tidak pandai mengurus Negeri, tidak pandai pentadbir Negeri. Kita hanya pandai memberi tuduhan dan salah mereka sahaja. Yang Berhormat sekalian, kita bangkitkan persoalan dan keraguan kita tentang PDRM, tentang SPR, tentang SPRM dan juga Badan Kehakiman, bukan membabi buta kita membangkitkan persoalan itu. Daripada awal-awal lagi semenjak perjuangan kita. Kita katakan dengan jelas dan terang bahawa masalah ataupun kemelut politik dan juga ekonomi, sosial dalam Negara kita ini kerana tidak ada kebebasan di antara tiga badan penting yang menjamin proses mendemokrasikan di Negara kita. Ketiga-tiga badan itu ialah Badan Kehakiman, Badan Legislatif dan juga Badan Eksekutif.

Yang menjadi isu dan masalahnya ialah Badan Eksekutif mencampuri dengan begitu hebatnya dalam kedua-dua Badan Legislatif dan badan kehakiman. Itu lah timbul kemelut dan khususnya dan kita bangkitkan perkara ini sebab banyak kes yang begitu. Dalam kes di Dewan kita ini sebelum kita bersidang sudah memberi demonstrasi semacam itu. Itu satu, kita Polis seperti yang diterangkan oleh rakan-rakan di sini, tidak ambil perhatian berat, tapi apabila kita membuat demonstrasi menentang dan membangkitkan isu-isu tentang proses kemelut, proses berkaitan Negara. Maka Polis mengambil tindakan semuanya. Dan kes Datuk Sri Anwar Ibrahim sendiri daripada tahun 1990 sehingga kini. Kita persoalkan ketelusan dan ke tidak masuk sebelah badan kehakiman. Kita buktikan tidak ada kes langsung, tidak ada kes langsung...(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Minta laluan, minta maaf. Yang Berhormat, seperti yang telah saya nyatakan sebelum ini, apabila menjawab kepada Dato Seri Hilmi Y.B. daripada Telok Bahang. Walaupun kita cuba yakin kita bahawa LACC ini adalah badan yang *independent*, bebas, begitu juga dengan pihak Polis, tetapi apa yang telah berlaku beberapa kali meyakinkan kita itu tidak benar, umpamanya, kita mengambil beberapa kesimpulan. Satu kesimpulan dalam kes V. G. Rejendran Bekas Speaker Parlimen yang jelas sekali terlibat ditunjukkan mendapat keterangan melibatkan diri dalam video-video lucah, beliau di lepaskan dan dibebaskan begitu sahaja. Anak Samy Vello MIC yang juga terlibat dalam satu kes di mana beliau disyaki menyebabkan kematian teman wanitanya telah disiasat di bawa ke

mahkamah, mahkamah mengatakan bahawa keterangan ada menunjukkan beliau adalah teman lelakinya tetapi tidak ada keputusan dibuat, beliau dibebaskan begitu sahaja. Apa yang berlaku kepada kes V.K. Lingam yang melibatkan beberapa Ketua Hakim-Ketua Hakim yang telah pergi ke luar Negara untuk makan angin bersama tidak ada apa-apa tindakan yang diambil. Walaupun terdapat *Royal information of inquiry* .....(dengan izin), Y.B. Dato' Speaker. Memberi cadangan supaya Perdana Menteri kita sekali iaitu bekas Perdana Menteri kita Datuk Seri Mahathir Mohamad dituduh sekali kerana bersubahat. Jadi ini jelas menunjukkan dengan sistem kehakiman di Negara ini bukan sebenarnya bebas. Mereka cuba meyakinkan kita bahawa ialah bebas, tetapi sebaliknya bukannya bebas. Terima kasih.

#### **Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih Y.B. Seri Delima, saya tidak mahu panjangkan isu ini. Semua cukup apa yang saya nyatakan di sini bahawa kes-kes yang berdepan dengan kita, tetapi kes Datuk Seri Anwar Ibrahim, kes Teoh Beng Hock, dengan jelas kes Teoh Beng Hock dengan jelas membuktikan bahawa tiga-tiga badan ini tidak bebas, dipengaruhi oleh Badan Eksekutif. Ini masalahnya dan masalah ini perlu kita tangani dan perlu mendapat perhatian rakyat dan rakyat patut sedar tentang perkara ini.

Perkara kedua Y.B. Dato' Speaker, pihak pembangkang mengatakan yang saya dan beberapa orang wakil rakyat mai sini menuduh kita yang tidak pandai menjaga kepentingan Melayu di Negeri Pulau Pinang ini malah kita duduk makan gaji buta, ini pertama sekali Y.B. Dato' Speaker kata-kata demikian ialah kata-kata yang penuh dengan sentimen perkauman dan kita tolak sama sekali pendirian yang begitu. Saya dengan berani dan tegasnya menyatakan dan saya mengulangi pendirian Pakatan Rakyat dan juga PKR daripada awal perjuangan kita. Dasar pembangunan kita adalah berteraskan kepada keperluan, bukannya berdasarkan kepada sesuatu kaum tertentu, .... (dengan izin), Y.B. Dato' Speaker, *our* perjuangan *is base on need not on race* . Begitu juga dengan arena politik Y.B. Dato' Speaker.

Kita membawa perubahan ini dan perubahan ini mendapat sokongan yang cukup kuat daripada rakyat jelata, buktinya ialah dengan semua ini tsunami politik 2008. Ini perubahan yang kita hendak bawa, sebab kita hendak lain daripada politik perkauman, kepada politik yang berdasarkan kepada isu-isu, yang berdasarkan kepada *needs*, .... (dengan izin), Y.B. Dato' Speaker *we are moving away from criminal politic to race that from criminal politic or race base politic to issue base for politic*. Saya rasa itu kita kalau dasar kita hendak membasmi kemiskinan, miskin tegar ataupun kemiskinan, kita dengan berani mengatakan sama ada dia orang Melayu, orang Cina ke, orang India, minta bantu, kita tukang kira. Ini jelas dalam dasar kita. Saya berani ulang yang ini.

Perkara yang seterusnya Y.B. Dato' Speaker, pihak pembangkang membangkitkan tentang beberapa soalan, terutama sekali peranan PERDA dan isu PERDA dan menuduh Kerajaan Negeri cuba melambat-lambatkan projek Persekutuan dan memberikan contoh projek-projek PERDA di Telok Bahang dan juga di Telok Kumbar. Ketua Pembangkang mengatakan dia menghantar Pengurus PERDA ataupun pihak PERDA untuk datang berjumpa dengan saya dan tidak berlaku apa-apa. Betul Pengurus Besar PERDA dan juga konsultan mereka berjumpa dengan saya. Dalam perjumpaan tersebut saya dengan jelas mengatakan kita tidak ada masalah langsung Kerajaan Negeri untuk meluluskan projek ini dengan syarat PERDA membuat beberapa penyesuaian dan perubahan, terutamanya dalam kes projek untuk membuat rumah kos rendah dan juga sederhana rendah. Saya dengan jelas memberitahu, saya katakan kepada mereka pada masa itu. Ini agensi PERDA adalah agensi Pusat khusus diwujudkan untuk menjaga kepentingan orang-orang Melayu di Negeri Pulau Pinang dan

sekiranya PERDA membuat rumah di Telok Bahang dengan kos harga RM1 juta, mana ada orang Melayu Balik Pulau, mereka boleh beli. Tidak boleh beli, jadi balik buat *adjustment* itu, dan saya tunggu sehingga ke hari ini, tidak ada *adjustment untuk* kepada rakyat. Kalau dia bagi *adjustment* kepada rakyat tentu saya bawa ke dalam mesyuarat Exco. Namun demikian kita telah memberi kelulusan di Telok Bahang dan juga di .... (gangguan).

**Ahli Kawasan Jawi (Y.B . Tuan Tan Beng Huat ):**

Y.B. Penanti, kelmarin saya percaya saya telah tanya, menyoal Dato Ketua Pembangkang, berapakah rumah banglo itu, dia kata ikut harga pasaran. Dia tidak menjelaskan bahawa itu adalah RM1 juta. Jadi dia temberang dan tipu kepada kita.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Y.B. Dato' Speaker, harga RM1 juta atau RM350,000.00, RM500,000.00 di Balik Pulau mana ada Melayu di Balik Pulau yang boleh beli. Tidak ada Melayu tempatan yang boleh beli, jadi kalau itu kedudukannya apa yang mereka cakap tentang nasib orang Melayu, jadi cakap sahaja. Dia mesti ingat PERDA diwujudkan khusus untuk tujuan itu dan mereka dapat membeli tanah dan membina *land bank* untuk membuat pembangunan-pembangunan di masa hadapan, dapat harga tanah dengan murah. Malah saya berani katakan bukan sekadar 49% seperti yang Ketua Pembangkang bangkitkan, sepatutnya PERDA buat sampai 60%, bukan 49%. Itu baru betul dengan konsep dan pendirian untuk menjaga kepentingan Melayu di Pulau Pinang.

Begitu juga kalau kita perhatikan banyak projek-projek PERDA yang dibangunkan yang kurang mendapat hasilnya. Contoh satunya bandar Asenia, bandar Asenia. Jadi mana hasilnya? Kita boleh persoalkan, saya tidak mahu panjangkan hal ini. Berkaitan isu ini juga, begitu juga dengan agensi-agensi seperti JKP dan UDA. Ini merupakan lagi agensi-agensi yang diwujudkan untuk membantu golongan bumiputera di Pulau Pinang. Dalam hal ini saya cukup hairan dan saya hendak petik satu contoh di sini, itu pun kalau ada pembangkang di sini, saya hendak dalamkan lagi tetapi mereka tidak ada.

Satu contoh seperti projek JKP di Sungai Nibong, begitu juga mereka menghalau orang Melayu di sana tetapi tidak memberi satu alternatif perumahan yang baik dan sempurna kepada mereka. Begitu juga dengan UDA di beberapa tempat, kita tahu bahawa kita mempunyai beberapa masalah di Tanjong Tokong, jadi itu tentang JKP dan UDA. Ini merupakan rungutan-rungutan penduduk yang datang berjumpa dengan saya cuba mencari penyelesaian. Begitu juga dengan beberapa projek peninggalan mereka dahulu seperti di Kampung Pisang Awak, Jelutong, macam itu juga tinggal 23 buah keluarga sampai hari ini tidak boleh selesai lagi.

Begitu juga dengan projek pembesaran Empangan Mengkuang Dam, banyak juga masalah tidak boleh selesai, ambil tanah mereka tetapi tidak ada alternatif perumahan yang diberi. Ini semua kes-kes peninggalan dulu yang mengambil masa yang begitu lama bagi pihak saya untuk cuba tangani dan selesaikan, dan itu pun mereka kata kita makan gaji buta.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Siapa kata yang makan gaji buta itu Yang Berhormat?

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**



Ini ramai daripada rakan-rakan kita. Saya akan sampai ke *point* itu. Begitu juga dengan isu MAIPP, kalau ada Yang Di-Pertua MAIPP di sini, saya hendak tanya juga kepada beliau dengan jelas, kalau secara moralnya bila kita sudah tidak memerintah Negeri ini, kita patut meletak jawatan dan memberi laluan kepada Kerajaan baru. Sebahagian dari masalah-masalah terbesar kita dengan MAIPP sekarang ini adalah kerana keengganan beliau untuk meletak jawatan. Cuba dia dengan rela hati meletak jawatan, selesai masalah kita. Saya hendak tanya dia di situ, berkenaan dengan tanah-tanah wakaf, berkenaan Baitulmal dan Pejabat Urusan Zakat, ini merupakan lebih yang banyak yang boleh dibangunkan untuk kepentingan orang Melayu dan orang Islam di Pulau Pinang. Apa projek yang mereka buat? Itulah kalau dia ada saya hendak tanya. Setakat hari ini Kerajaan Negeri Pulau Pinang, kita belum nampak lagi satu pun projek besar ataupun gagasan yang boleh dibanggakan untuk membangunkan orang-orang Melayu Pulau Pinang semasa mereka pegang. Padahal duit cukup banyak di sini, itu kalau dia ada, saya hendak tanya itu. Banyak contoh-contoh yang saya hendak petik, kalau dia ada saya teringin hendak petik contoh-contoh lain yang dibangunkan oleh mereka tak menguntungkan langsung kepada kebanyakan orang Melayu di Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B Tuan Haji Mohd. Salleh bin Man):**

Minta penjelasan. Tentang berkaitan peranan yang dimainkan oleh Yang Di-Pertua MAIPP yang tidak datang hingga sekarang, saya difahamkan dengan keputusan yang telah dibuat kononnya seluruh program masjid dilanjutkan setahun lagi. Ini kita rasakan satu perkembangan yang boleh mendatangkan kesan sampingan setelah kemungkinan besar ada pertukaran YDP baru. Bagaimana tindakan seterusnya kalau berlaku dengan setahun lagi tempoh yang telah diberikan kepada pihak khususnya pegawai dan jawatankuasa masjid.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Berkenaan kedudukan YDP dan kariah masjid ini, saya ingat Exco Agama tidak ada di sini tetapi saya boleh memberi sedikit penerangan. Setakat hari ini, pihak Istana telah menjawab balik kepada kita. Dulu kita minta hendak jumpa dengan Istana kata tidak boleh tetapi sekarang mereka jawab kata boleh. Saya tidak mahu membawa pihak Istana terlibat dengan kariah ini tetapi keputusan yang kita dapat tetapi belum sampai secara rasmi mungkin perubahan pimpinan itu sukar, walau macam mana pun kita akan cuba. Begitu juga dengan perubahan kariah-kariah masjid seperti Y.B. Permatang Pasir sebutkan tadi. Namun demikian, Y.B. Exco Agama dan saya sedang melihat isu itu dan tangani dengan lebih bijaksana lagi. Kemudian mereka kata kita takut untuk berdepan atau berbahas dalam Dewan ini.

Y.B. Dato' Speaker, sekali lagi saya hendak ulangi di sini bahawa kita tidak bimbang, cuma kita tidak mahu berbincang dan membangkitkan isu-isu perkauman. Kita tidak hendak dan kita hendak lari dari isu perkauman itu dan kalau kata kita tidak buat kerja apa-apa, kalau mereka ada di sini, saya berani dengan tegas mencabar mereka, *track record* saya untuk membantu Melayu Negeri Pulau Pinang ini khususnya saya rasa khidmat saya lebih baik dari mereka dari dahulu. Saya berani katakan itu sebab ada beberapa rekod, ada beberapa projek yang saya lakukan untuk membantu. Terutama sekali projek TEKUN, saya hendak ulangkan di sini, projek TEKUN, saya pengasasnya, dalam masa dua tahun saya memberi 1,300 orang usahawan dengan pinjaman dekat RM11 juta dan yang berjaya 98% membayar balik dan sebelum berakhir pada tahun 1998, saya mohon RM200 juta kepada Kerajaan Persekutuan dan Y.B. Dato Seri Anwar Ibrahim pada masa itu lulus RM200 juta untuk membuat projek tetapi malangnya seminggu selepas mendapat kelulusan itu, dia kena pecat dan saya terpecat dan kita tidak dapat teruskan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Minta laluan. Saya rasa pada masa akan datang, dengan kerja-kerja amal yang dilakukan oleh Yang Berhormat, kalau direstui Tuhan kita akan menawan Kerajaan Persekutuan dan mungkin kerja-kerja baik itu boleh diteruskan. Terima kasih.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih Yang Berhormat, Insya-Allah. Itu yang kita sedang usaha dan kita yakin, dengan penuh keyakinan kita akan sampai ke Putrajaya. Projek ini terbengkalai sekarang ini kerana Kerajaan Negeri di bawah PDC dengan kerjasama USM kita teruskan dengan projek *Microcredit* ini, Skim *Microcredit* untuk memberi pinjaman kepada golongan-golongan yang termiskin. Sekarang kita programnya perkara ini, bukan sahaja kepada satu kaum tetapi kita buka sejajar dan konsisten dengan pendirian dan falsafah kita. Jadi kita sedang teruskan dengan program ini, program *skim microcredit* yang diusahakan oleh PDC dan juga USM untuk memberi pinjaman maksimum sekarang ini RM5,000.00. Saya juga sekarang ini sedang berusaha mencari dana untuk mencari *participating banks* bagi memperbesarkan skim kredit ini supaya dapat dilaksanakan di seluruh Negeri Pulau Pinang.

Kedua, saya hendak sebut berkenaan pendidikan daripada awal dahulu semasa saya menjadi Ahli Lembaga Pengarah PERDA, kalau Ketua Pembangkang ada di sini, saya hendak ungkitkan perkara ini. Kita laksanakan satu projek Bina Ilmu yang memberi pendidikan kepada 2, 3 ribu dan kita melaksanakan program itu dengan berjaya. Pada hari ini saya tidak tahu apa PERDA buat, itu masa kita belum berkuasa. Sekarang PERDA buat rumah banglo. Sebab itu dengan tegas saya kata, *track record* kita, kita berani cabar mereka, kita tengok *on that score*.

Y.B. Dato' Speaker, berhubung dengan rancangan-rancangan MMK di bawah portfolio yang diamanahkan kepada saya, terutama tentang perhubungan masyarakat. Ini pertama kali saya hendak sebutkan di sini, pertama kali di Negeri Pulau Pinang di mana kita memberi kursus dan pendedahan kepada JKKK. Dahulu semasa beberapa puluh tahun Kerajaan Barisan Nasional memerintah di Negeri Pulau Pinang, mereka tidak pernah memberi perhatian langsung. Ini cukup konsisten dengan hasrat kita untuk memperkasakan akar umbi, untuk memberi betul-betul pengetahuan yang secukupnya kepada JKKK kerana kita percaya mereka ini merupakan agen perubahan yang penting. Mereka ini merupakan orang pengantara yang cukup mustahak di antara Kerajaan Negeri dan rakyat dan juga dengan parti-parti politik. Ini yang kita beri perhatian dan kita memberi latihan kepada mereka dan sehingga kita telah habis memberi latihan kepada seluruh JKKK di Negeri Pulau Pinang. Ada 149 dan kesemua 149 ini telah habis kita beri latihan. Latihan kedua kita buat dengan pihak Integriti Negeri Pulau Pinang, ini dengan Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan. Kita juga pada akhir tahun ini akan menganugerahkan JKKK yang terbaik di Pulau Pinang. Ini janji Y.A.B Ketua Menteri dan saya kepada mereka, sekiranya mereka membuat dan memberi prestasi yang terbaik kita ada satu panel hakim untuk memilih JKKK mana yang baik dan kita akan memberi ganjaran kepada mereka. Ini akan memberi contoh dan teladan kepada JKKK yang lain untuk memberi khidmat yang terbaik kepada masyarakat sebab kita percaya dengan satu perkara, kita percaya kepada teras bahawa Kerajaan Negeri akan berjaya sekiranya kita memberi perkhidmatan yang cemerlang dan berkesan kepada rakyat, ....(dengan izin), Dato' Speaker, *we are striving for a very effective delivery system to the rakyat*.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Y.B. Penanti kita ada tiga minit lagi. Kalau Yang Berhormat hendak sambung kita boleh sambung esok.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Saya akan sampai ke penghujungnya. Saya akan habiskan, tak mahu sambung esok kerana esok kita beri ruang kepada Y.A.B. Ketua Menteri. Kursus-kursus ini saya percaya dengan berkonsep tadi, *ultimately* kita yakin dan saya hendak juga JKKK mewujudkan koperasi mereka sendiri supaya mereka bukan sahaja berjati diri tetapi juga berdikari dan mencari dana sendiri untuk menguruskan JKKK mereka. Pada tahun hadapan kita akan perbanyakkan lagi JKKK atas permohonan daripada rakan-rakan kita. Kita hendak memperluaskan lagi supaya kita dapat memberi khidmat yang lebih baik dan cemerlang kepada rakyat. Begitu juga dengan saya hendak sebut tentang koperasi, berhubung dengan JKKK ada satu persoalan yang dibangkitkan kepada kita yang mengatakan bahawa kita Kerajaan baru ini tidak pandai mengurus dewan JKKK. Dewan-dewan JKKK ini semua habis lingkup dan jahanam kerana kita tidak pandai mengurus. Saya ada data di sini yang menunjukkan bahawa masih banyak lagi dewan-dewan yang masih keras kepala tidak mahu serah kepada JKKK baru dan saya dapati dalam semakan rekod saya bahawa dewan-dewan yang rosak, lingkup dan tidak ada paip, semua bocor dan jahanam, semua dewan-dewan itu masih lagi dipegang oleh JKKK lama. Jadi kalau ada pembangkang di sini saya hendak tunjuk dan baca satu persatu kepada mereka. Yang tidak pandai mengurus dan buat kecoh dan merosakkan dewan-dewan itu adalah JKKK lantikan mereka. Itu satu perkara tentang dewan-dewan JKKK dan akan ambil tindakan ini dan berbincang dengan mereka. Dalam hal ini saya berterima kasih kepada pegawai-pegawai kita di bawah pentadbiran Y.B. Dato Setiausaha Kerajaan Negeri yang membekalkan saya dengan data-data ini dan semasa lawatan-lawatan saya turun padang tiap-tiap daerah dan memang ini menjadi perhatian saya pun supaya pegawai-pegawai kita dapat memberi khidmat yang lebih baik.

Berkenaan dengan MMK Antarabangsa dan juga permohonan industri, saya baru 2, 3 bulan, namun demikian saya telah mengikuti beberapa lawatan ke luar Negara, terutama sekali dengan Yang Berhormat Batu Maung dalam misi *investment* ataupun pelaburan luar Negara dan ada juga beberapa buah syarikat yang telah datang dan berjumpa dengan kita untuk kita memperkembangkan industri kita, cuma dalam ini saya hendak beritahu kalau ada pembangkang di sini kita cukup *confident*, kita cukup yakin, sebab kita ada beberapa kes tertentu yang kita Kerajaan Negeri buat yang boleh memberi keyakinan kepada pihak pelabur asing. Kita selalu memberi contoh hal ehwal umpamanya. Dalam masa enam bulan kita berjaya, kita boleh mewujudkan kilang mereka, dan mereka beroperasi dalam masa ini merupakan satu rekod. Satu rekod prestasi yang cukup cemerlang di Pulau Pinang dan di Negeri-negeri lain pun sukar untuk tandingi rekod ini Yang terhormat.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Masa kita sudah cukup Y.B. Penanti.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Ya, kerana itu saya Y.B. Dato' Speaker, saya akhiri penggulungan ini, walau pun ada perkara-perkara lain hendak di sampaikan, tetapi saya memohon menyokong Y. B. Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan. Penggulungan akan disambung esok hari Jumaat 4 Disember 2009, bermula jam 9.30 pagi.

***Dewan ditangguhkan pada jam 6.50 petang.***